



DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS

PENGGAL PERTAMA

MESYUARAT KETIGA

SHAH ALAM, 27 NOVEMBER 2013 [RABU]

Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi

YANG HADIR

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)
(Tuan Speaker)

Y.A.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim
P.S.M., S.P.M.S., D.S.A.P. (Pelabuhan Klang)
(Dato' Menteri Besar Selangor)

Y.B. Dato' Teng Chang Khim D.P.M.S.
(Sungai Pinang)

Y.B. Tuan Iskandar bin Abdul Samad (Chempaka)

Y.B. Puan Rodziah binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Tuan Sallehen bin Mukhyi (Sabak)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Puan Dr. Halimah binti Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/I Veraman (Kota Alam Shah)

Y.B. Puan Dr. Daroyah binti Alwi (Sementa)

Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi (Sijangkang)

Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad (Seri Setia)
(Timbalan Speaker Dewan Negeri)

Y.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Bukit Antarabangsa)

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

Y.B. Tuan Dr. Yaakob bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Dr. Xavier Jayakumar A/I Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Puan Haniza binti Mohamed Talha (Taman Medan)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Mat Shuhaimi bin Haji Shafiei (Sri Muda)

Y.B. Tuan Amirudin bin Shari (Batu Caves)

Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)

Y.B. Tuan Khasim bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

Y.B. Tuan Hasbullah bin Mohd Ridzwan (Gombak Setia)

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Puan Noor Hanim binti Ismail (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Tuan Dr. Idris bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Ir. Haji Mohd Haslin bin Haji Hassan (Tanjung Sepat)

Y.B. Puan Yeo Bee Yin (Damansara Utama)

Y.B. Tuan Razaly bin Hassan (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Tan Pok Shyong (Pandamaran)

Y.B. Tuan Zaidy bin Abdul Talib (Taman Templer)

Y.B. Puan Lai Nyuk Lan (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin bin Othman (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Ng Tien Chee (Balakong)

Y.B. Tuan Mohd Shafie bin Ngah (Bangi)

Y.B. Tuan Lee Chin Cheh (Kajang)

Y.B. Tuan Hasnul bin Baharuddin (Morib)

Y.B. Tuan Loh Chee Heng (Teluk Datuk)

Y.B. Tuan Rajiv A/I Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Puan Tiew Way Keng (Teratai)

Y.B. Dato' Mohd. Shamsudin bin Lias
D.P.M.S., J.S.M., S.S.A. (Sungai Burong)

Y.B. Datuk Abdul Shukur bin Haji Idrus
PGDK., K.M.N., S.I.S., A.S.D.K. (Kuang)

Y.B. Datuk Haji Johan bin Abd Aziz
D.M.S.M., A.M.S., J.P. (Semenyih)

Y.B. Tuan Sulaiman bin Abdul Razak
S.M.S., P.P.N. (Permatang)

Y.B. Datuk Rosni binti Sohar
D.M.S.M., P.J.K. (Hulu Bernam)

Y.B. Tuan Jakiran bin Jacomah
A.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Bukit Melawati)

Y.B. Puan Halimaton Saadiah binti Bohan
A.M.N., A.M.S., P.J.K. (Kota Damansara)

Y.B. Tuan Kamarol Zaki bin Haji Abdul Malik P.J.K.
(Sungai Air Tawar)

Y.B. Tuan Budiman bin Mohd Zohdi (Sungai Panjang)
Y.B. Tuan Mat Nadzari bin Ahmad Dahlan (Batang Kali)

Y.B. Tuan Shahrum bin Mohd Sharif (Dengkil)

TURUT HADIR

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Haji Mohammed Khusrin bin Haji Munawi DSIS., ASA., PPT.
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

Y.B. Datin Paduka Zauyah Be binti T. Loth Khan, DPMS., DMSM., DSM., AMN.
Penasihat Undang-undang Negeri Selangor

Y.B. Dato' Noordin bin Sulaiman, DPMS., SIS.
Pegawai Kewangan Negeri Selangor

TIDAK HADIR

Y.B. Tuan Dr. Abd Rani bin Osman (Meru)

Y.B. Dato' Haji Amiruddin bin Setro
D.P.M.S., A.S.A. (Jeram)

PEGAWAI BERTUGAS

Puan Elya Marini binti Darmin
Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)

Puan Noor Asdiana binti Abd Kadir
Ketua Penolong Setiausaha

Puan Mazian binti Manan
Penolong Setiausaha

Puan Noor Diana binti Razali
Penolong Setiausaha

Encik Zawawi bin Mohd. Arif
Penolong Setiausaha

Puan Siti Salina binti Muftar
Setiausaha Pejabat

Encik Ismail bin Habib
Bentara

Puan Hajah Noridah binti Abdullah
Encik Ahmad Hafizan bin Yusoff
Pelapor Perbincangan

[Dewan disambung semula]

[Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat]

SETIAUSAHA DEWAN : *Bismillah hirrahmanirahim. Assalamualaikum warahmatullahitaala wabarakatuh* dan salam sejahtera. Aturan Urusan Mesyuarat Ketiga Penggal Pertama Dewan Negeri Selangor Ketiga Belas Bagi Hari Yang Ketujuh 27 November 2013 dimulakan dengan bacaan Doa.

I. DOA

SETIAUSAHA DEWAN: Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya membentangkan kertas-kertas mesyuarat. Kertas Mesyuarat Bilangan 26/2013. Rang Undang-Undang Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Negeri Saran Pindaan 2013. Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya pertanyaan-pertanyaan.

TUAN SPEAKER: Selamat Pagi, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya teruskan kepada pertanyaan. Bukit Gasing

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Terima kasih. Puan Speaker Soalan nombor 90.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(BUKIT GASING)**

TAJUK : TANAH RUNTUH BUKIT GASING

90. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah tindakan untuk membaik pulih dan mengatasi insiden-insiden tanah runtuh di Bukit Gasing, Petaling Jaya dan jangka masa tindakan tersebut.
- b) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk merampas tanah-tanah persendirian yang terlibat dengan tanah runtuh.

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Terima kasih Puan Speaker, Bukit Gasing bertanya berkaitan dengan isu tanah runtuh Bukit Gasing, yang mana ini juga telah disentuh dalam perbahasan. Walau bagaimanapun, su tanah-tanah runtuh terutama tanah-tanah persendirian ini sebenarnya adalah tanggungjawab kepada

pemilik-pemilik tanah tersebut. Walau bagaimanapun, Majlis telah majlis telah pun melantik perunding untuk menjalankan kajian ke atas tanah-tanah runtuh di Bukit Gasing. Majlis juga telah menjalankan kerja-kerja penambahbaikan di beberapa lokasi yang kritikal dan telah merangka program untuk penambahbaikan ke semua cerun yang runtuh mulai tahun 2014. Bagi tanah-tanah yang pemiliknya tidak mengambil tanggungjawab ataupun membiarkan sahaja berlaku tanah runtuh sehingga mungkin menyebabkan masalah kepada orang ramai ataupun orang awam ataupun kawasan-kawasan sekitar sudah tentunyalah Kerajaan Negeri mempunyai hak melalui lunas undang-undang untuk merampas tanah sekiranya perkara itu berlaku. Terima kasih.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Bukit Gasing

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Adakah kerajaan Negeri bercadang untuk menggunakan hak tersebut di dalam kes ini.

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Kita akan melihat sejauh mana masalah itu berlaku dan sudah tentunyalah majlis, pihak majlis akan memaklumkan kepada Kerajaan Negeri di atas perkara tersebut yang mana sekiranya kita merasa bahawa perlu Kerajaan Negeri untuk bertindak demikian maka Kerajaan Negeri akan bertindak. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Bukit Melawati.

Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH: Puan Speaker, soalan nombor 92.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH
(BUKIT MELAWATI)**

TAJUK : CUTI BERGAJI SEBULAN KEPADA WANITA KEMATIAN SUAMI

92. Kerajaan negeri telah melaksanakan pemberian cuti bergaji selama 1 bulan bagi wanita kakitangan Kerajaan Negeri yang kematian suami.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar.

- a) Berapa jumlah kakitangan yang telah memanfaatkan cuti bergaji sebulan sehingga kini?

- b) Apakah manfaat dan kesan langsung mereka yang menerima manfaat ini?

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Puan Speaker, soalan 92 bertanya tentang Cuti Bergaji Sebulan Kepada Wanita Kematian Suami. Jadi berdasarkan semakan terhadap rekod kemudahan cuti yang disediakan kepada penjawat awam wanita yang kematian suami setakat ini dimaklumkan bahawa tiada permohonan secara rasmi diterima oleh Jabatan atau Agensi, meskipun cuti yang berkenaan dibayar gaji selama sebulan oleh kerajaan negeri. Jadi pada dasarnya semua penjawat awam yang mengalami situasi kematian ahli keluarga terdekat secara automatik diberikan kemudahan tiga (3) bulan, tiga (3) hari cuti tanpa rekod yang tidak sama sekali menjejaskan aspek perkhidmatan dan pembayaran emolumen bulanan pegawai, selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 2002.

Jadi dalam soalan seterusnya bertanya tentang apakah manfaat dan kesan langsung, tidak dinafikan kemudahan cuti ini memberikan manfaat kepada anggota wanita yang berhadapan dengan ujian besar dalam mengharungi cabaran mengetuai keluarga tanpa suami di sisi di masa hadapan. Jadi kemudahan cuti selama sebulan ini memberikan masa yang mencukupi kepada anggota mengembalikan motivasi dari aspek mental dan fizikal untuk kembali semula bertugas dalam tempoh yang berkenaan iaitu yang kita berikan satu bulan itu sewajarnya pelbagai perkara yang boleh diselesaikan tanpa menjejaskan kerja-kerja harian anggota di pejabat dan gaji anggota akan dibayar sepenuhnya dengan menggunakan peruntukan sedia ada dalam jabatan. Sekian. Puan Speaker.

Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Bukit Melawati.

Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH: Soalan tambahan. Puan Speaker, Yang Berhormat EXCO, kalau lelaki mendapat gelaran Dato' isteri bergelar automatik Datin, kalau isteri mendapat gelaran Dato' suami tak dapat apa-apa, jadi di hadapan kita hari ini yang kita tahu ada beberapa skim ini untuk wanita kematian suami. Kawan-kawan saya yang lelaki bertanya tak ada skim untuk lelaki yang kematian isteri, tak ker sama diiringkan sekali, sepertimana yang ada untuk wanita, itu soalan tambahan saya. Terima kasih.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Untuk suami kematian isteri tidak ada tetapi untuk suami yang isteri dia bersalin ada cuti 14 hari. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Pandamaran. Tidak hadir. Kota Anggerik.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Puan Speaker, soalan saya nombor 95.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI)
(KOTA ANGGERIK)**

TAJUK : PERLAKSANAAN PROJEK PEMBANGUNAN DALAM BAJET 2013

95. Setiap tahun Kerajaan Negeri menyediakan bajet pembangunan untuk tiap-tiap jabatan.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Berapa peratus bajet tahunan untuk pembangunan dapat dilaksanakan setiap tahun dari tahun 2008 hingga 2012?
- b) Senaraikan jabatan yang gagal untuk melaksanakan bajet pembangunan di bawah 80% dari tahun 2008 hingga 2012?
- c) Apakah tindakan yang telah diambil ke atas jabatan tersebut bagi memastikan bajet ini dilaksanakan?

TUAN SPEAKER: Pihak kerajaan, soalan 95. Pihak kerajaan soalan 95.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: 95 ialah pelaksanaan projek pembangunan dalam bajet 2013. Semuanya ini sudah dijawab masa pembentangan belanjawan tersebut tetapi untuk maklumat sejak tahun 2008 peruntukan perbelanjaan pembangunan 2008 RM 828 juta sejumlah 87 peratus digunakan, 2009 RM 787 juta 90 peratus digunakan, 2010 RM 597 juta peruntukan RM 550 juta ataupun 92 peratus digunakan, pada tahun 2011 RM 620 juta sebanyak RM 502 juta digunakan 81 peratus, 2012 RM 684 juta 94.63 peratus. Secara keseluruhannya sejumlah untuk 5 tahun yang lepas sejumlah RM 3.5 billion diperuntukkan RM 3.2 billion digunakan dan peratus perbelanjaan ialah 91 peratus.

Dan peruntukan-peruntukan ini kita lihat dan kita pantau untuk sesetengah jabatan sebagai contoh Jabatan Pengairan dan Saliran pada 2009, 69 peratus digunakan, Jabatan Agama Islam, saya ambil yang kurang daripada 90 peratus sahaja, 78 peratus

Jabatan Kehakiman 44 peratus, untuk Jabatan Kerja Raya pada 2011 74 peratus, Agama Islam (JAIS) 60 peratus, Kehakiman 25 peratus.

Pada 2012, hanya Jabatan Kehakiman sahaja yang kurang daripada 90 peratus iaitu 79.35. Tapi untuk bajet 2014 bukan sahaja RM600 juta tetapi kita ada RM430 juta tambahan dari peruntukan rizab dan ini kita akan pantau dan selepas pembentangan bajet ini apabila kita ada persidangan pada pertengahan tahun 2014 kita akan adakan *review* bajet untuk menentukan penggunaan peruntukan-peruntukan tersebut.

TUAN SPEAKER: Kota Anggerik.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Saya dapati dua (2) jabatan yang dapat peruntukan yang besar iaitu JAIS dan JPS, dia tidak mencapai sasaran perbelanjaan sampai melebihi 70 peratus sedangkan JPS itu adalah Jabatan yang kritikal jadi alasan yang diberikan tiada cukup anggota, pegawai atau Jurutera dan JAIS juga dia kata bergantung kepada JKR untuk membuat BQ dan sebagainya. Kesannya ialah projek-projek lambat dilaksanakan, jadi soalan saya bagaimana nak memastikan supaya perbelanjaan kedua-dua jabatan ini dapat diperbaiki lagi.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Pada tahun hadapan *review* tentang penggunaan dibuat secara *per-quota* dan untuk dibentangkan kepada dewan mengikut tiap-tiap enam (6) bulan, jadi dengan cara tersebut kita dapat memantau tentang kecekapan penggunaan. Ini tidak berlaku pada tahun-tahun yang lepas sebab kita hanya tahu apabila kita nak membentangkan belanjawan tersebut. Jadi oleh sebab itu pemantauan mula dilakukan daripada awal dan sekarang salah satu daripada alasan yang diberikan ialah dia kena tunggu kelulusan dari Dewan sebelum mereka memulakan kerja perancangan untuk tender ataupun kontrak, tapi sekarang kita sudah memberikan arahan supaya dalam sebelum bajet ini diluluskan juga persediaan untuk kontrak mesti dilakukan supaya pada 01 Januari 2014 program pelaksanaan sudah boleh dijalankan. Sebelum ini hanya bulan Mac baru ada gerak kerja untuk melakukan kerja-kerja ini, jadi itu sebab kita dapati banyak penumpuan pada akhir tahun.

TUAN SPEAKER: Ya, Kota Anggerik.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Bagi menangani kekurangan jurutera di jabatan, apakah kerajaan bersedia untuk mengambil khidmat perunding luar bagi memastikan kecekapan dalam pentadbiran.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Kita, Puan Speaker, kita sejauh yang boleh mencuba menggunakan pakar dalaman. Kedua kita memang sudah ada peruntukan

untuk konsultan dalam usaha kerja-kerja yang hendak dilakukan. Walau bagaimanapun, kajian kita menunjukkan kita mempunyai cukup guna tenaga tetapi kerja-kerja yang dilakukan itu mesti dibuat lebih awal lagi. Jadi bererti kita tengok bahawa kita tidak boleh dikatakan menunggu. Jadi *the planning* maknanya kena dilakukan, maknanya tatacara kerja sekarang mesti diubah supaya dapat menyediakan usaha ini sebagai contoh. Sebagai contoh dalam bajet ini kita peruntukkan RM150 juta untuk jambatan ketiga. Sebenarnya program untuk melaksanakan jambatan ketiga sudah bermula dan gambar dia dan program pengambilan tanah semua sudah berlaku walaupun bajet untuk pembangunan itu belum dilulus, sudah diluluskan hari ini tetapi belum, belum dibentangkan kita sudah ada persediaan untuk pelaksanaan. Itu yang sekarang kita kena ubah tata kerja yang dulunya saya ingat tidak menekan kepada kecekapan pelaksanaan.

TUAN SPEAKER: Kuang. Sungai Air Tawar.

Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK: Perkara 24.2 saya mengambil soalan untuk Kuang.

TUAN SPEAKER: Sila kan Yang Berhormat Kerajaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(KUANG)**

TAJUK: HOTEL BAJET

96. Pertumbuhan hotel bajet di negeri Selangor mutakhir ini semakin meningkat dan boleh menyumbang kepada peningkatan gejala sosial di kalangan remaja.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah langkah-langkah pencegahan yang diambil oleh kerajaan negeri bagi memastikan gejala sosial dapat dicegah di hotel-hotel bajet ini?
- b) Apakah tindakan yang dikenakan oleh Kerajaan negeri kepada pengusaha hotel bajet yang didapati menyumbang kepada berlakunya gejala sosial?
- c) Sila senaraikan nama dan syarikat pemilik hotel-hotel bajet yang telah diberikan lesen mengikut PBT dari 2008 – 2013?

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Tuan Speaker, di antara langkah-langkah pencegahan yang diambil oleh kerajaan negeri untuk memastikan gejala sosial dicegah di hotel-hotel bajet adalah seperti berikut:-

- i) Mengujudkan pelan tindakan menangani gejala sosial negeri Selangor yang merupakan satu program khas yang dirangka untuk mencegah dan menangani masalah gejala sosial secara menyeluruh dan holistik.
- ii) Pelaksanaan Kempen Anti Zina yang merangkumi aspek pencegahan pencelahan pendidikan dan penguatkuasaan. Antara aktiviti yang dilakukan seperti mengedarkan risalah mengenai kesan jika terjebak dengan gejala sosial dan langkah-langkah untuk mengelak daripada terjebak dengan gejala sosial.
- iii) Program Ekspedisi Dakwah yang dijalankan dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia, RELA, Jabatan Agama Islam dan Ahli Majlis Ahli Jawatankuasa Masjid serta 20 badan bukan Kerajaan bagi membanteras gejala sosial yang sering berlaku di hotel-hotel ketika sambutan sesuatu perayaan.
- iv) Program-program menangani gejala sosial seperti Seminar Pengurusan Cinta, Sembang Santai Bersama Mat Rempit bertujuan untuk meningkatkan kesedaran kepada masyarakat untuk mengetahui akibat atau kesan jika gejala sosial berleluasa. Oleh itu kerjasama semua pihak amatlah penting bagi menangani masalah gejala sosial ini dalam menjadikan Negeri Selangor sebagai Negeri Maju, Sejahtera dan berkeadilan.

Tindakan yang dikenakan kepada pengusaha hotel bajet yang didapati menyumbang kepada berlakunya gejala sosial ialah dengan menggantungkan lesen perniagaan dan seterusnya membatalkan lesen perniagaan sekiranya masih tidak akur di atas peraturan yang telah ditetapkan.

Berdasarkan rekod hanya lapan (8) PBT yang menghantar maklumat berkenaan nama dan syarikat pemilik hotel-hotel bajet yang telah diberikan lesen dari 2008 – 2013 iaitu MBSA 32 premis, MBPJ 65 premis, MPK 32 premis, MPKJ 23 premis, MP Sepang 1 premis, MDKL 1 premis, MDKS 6 premis dan MDSB 25 premis di mana jumlah keseluruhan ialah sebanyak 185 premis. MPSJ hanya meluluskan cadangan dan mengeluarkan lesen perniagaan untuk hotel bertaraf 1 bintang ke atas sahaja manakala lain-lain PBT tidak memberi maklum balas.

TUAN SPEAKER: Dusun Tua.

Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN: Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya nombor 97.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN
(DUSUN TUA)**

**TAJUK: PENGUKUHAN KEFAHAMAN ISLAM TERHADAP SAUDARA BARU DI
KALANGAN ORANG ASLI**

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Melalui penelitian yang dibuat berdasarkan maklumat atau kunjungan ke penempatan orang-orang asal khususnya di negeri Selangor dan daerah-daerah tertentu di dapati pelaksanaan mengukuhkan kefahaman Islam terhadap mereka begitu membimbangkan. Apakah peranan dan tanggungjawab Kerajaan Negeri untuk membantu menyelesaikan perkara tersebut?

Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI: Terima kasih kepada Dusun Tua. Tuan Speaker. Dusun Tua ingin kepastian berhubung kait peranan dan tanggungjawab Kerajaan Negeri untuk membantu menyelesaikan kebimbangannya berkaitan dengan penempatan orang-orang asal khususnya di negeri Selangor dan daerah-daerah tertentu berkaitan dengan pelaksanaan kefahaman Islam terhadap mereka. Sebagai jawapannya pihak Majlis Agama Islam Selangor atau pun MAIS telah menyediakan sebanyak 50 kelas fardu ain bagi saudara baru bagi masyarakat orang asli berdasarkan pecahan berikut:

- 1) Gombak - 8 kelas
- 2) Kuala Langat - 10 kelas
- 3) Sepang - 8 kelas
- 4) Hulu Langat - 7 kelas
- 5) Hulu Selangor - 10 kelas
- 6) Petaling - 7 kelas
- 7) Sabak Bernam dan Kuala Selangor tidak mempunyai orang asli.

Selain itu penggerak masyarakat orang asli atau orang asal PMOA lantikan JAKIM juga ditempatkan di perkampungan orang asal di Selangor dengan nisbah 1 Pegawai Penggerak Masyarakat Orang Asli dengan 3 perkampungan orang asli. Peranan untuk memberi bimbingan agama kepada orang-orang asal dalam hal ehwal agama Islam. Program-program pengukuhan kefahaman Islam yang telah di adakan kepada masyarakat orang asal di Selangor pada tahun 2013 sehingga 11 November 2013.

Pertama ialah kursus intensif saudara baru. Ianya orang-orang asal. Bagi orang asal yang baru memeluk Islam. Kedua Kursus Imam dan Bilal orang asal. Yang Kedua Kursus Taska Perkahwinan yang diberi tajuk Suami Hebat Rumah Tangga Berkat. Yang keempat Kursus Pemantapan Akidah Orang Asal. Yang Kelima Kursus Tahsin Solat orang asal. Yang keenam Kursus penghayatan Islam sempena sambutan Maulidur Rasul. Yang ketujuh sambutan Hari Raya. Yang kelapan ceramah khas sempena Maulidur Rasul, Ramadhan, Aidilfitri dan Aidiladha. Berdasarkan komitmen dan kesungguhan orang asal dalam mendalami agama Islam, pihak Majlis Agama Islam telah melantik 9 orang panel dakwah muallaf atau pun saudara baru bagi MAIS dalam kalangan orang-orang asal sendiri. Yakni suku Temuan dan Mah Meri untuk menyampaikan pengajaran agama Islam di perkampungan orang asal dalam negeri Selangor.

TUAN SPEAKER: Ya Dusun Tua.

Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN: Soalan tambahan. Terima kasih Yang Berhormat EXCO. Berhubung dengan kefahaman Islam terhadap orang asal ini, contohnya di Dusun Tua di DUN saya ada enam kampung yang semua diduduki oleh orang asal ini. Dan saya lihat apabila saya bertemu dengan mereka dan berkunjung...

TUAN SPEAKER: Soalannya?

Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN: Ya, ya sekejap.

TUAN SPEAKER: Tiga puluh saat sahaja tak boleh sekejap Yang Berhormat Dusun Tua.

Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN: Ya, ya sekejap lagi saya soal.

TUAN SPEAKER: Kena terus kepada soalan tambahan.

Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN: Ya, surau-suraunya nampaknya ada tapi tidak dimanfaatkan malahan pada setiap waktu kosong tak ada sesiapa yang, yang apa ni menggunakan surau itu. Soalannya ialah enam kampung itu hanya seorang sahaja ustaz. Itu pun di bekalkan daripada JAKIM bukan daripada MAIS. Jadi bagaimana peranan EXCO berhubung dengan ini dan apakah kita nak biar begini sahaja ke atau bagaimana.

Soalan yang keduanya ialah suami hebat rumah tangga berkat. Apakah maksudnya suami hebat ini EXCO?

Y.B. TUAN SELLEHEN BIN MUKHYI: Terima kasih kepada soalan tambahan Dusun Tua. Untuk pengetahuan Dusun Tua berkaitan dengan surau-surau ini kita memang sedia maklum bukan sahaja surau yang dibagi penempatan orang asal ini ada yang kosong bahkan ada yang tak asal pun ramai juga, banyak juga yang kosong. Jadi kita memaklumi hal ini mungkin ialah satunya dari segi imam-imam yang kita lantik boleh jadi masih ada yang sebahagiannya peringkat yang baru masih lagi malu-malu untuk ke hadapan menjadi imam atau pun ada imam kadang-kadang makmum nya pula tidak hendak berapa datang. Yang ini kita akan cuba mengambil perhatian dan begitu juga penempatan dikalangan pegawai-pegawai. Ini kita akan ambil perhatian untuk kita bincangkan dengan pegawai agama Islam bagi daerah Hulu Langat. Ada pun berkaitan dengan suami hebat, keluarga berkat ini saya dapat menganggap bahawa maksud suami hebat ini ialah suami yang baik, yang beriman yang bertakwa yang menjaga tanggungjawab seperti ADUN Dusun Tua lah. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Teluk Datuk.

TUAN SPEAKER: Ya Balakong.

Y.B. TUAN NG TIEN CHEE: Tuan Speaker, peraturan tetap 24 (2) saya ingin mengambil alih soalan ini.

TUAN SPEAKER: Baiklah silakan Yang Berhormat EXCO. Soalan 98.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(TELUK DATUK)**

TAJUK : MENAIKTARAF PIHAK BERKUASA TEMPATAN

98. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengiktiraf pihak pengurusan dan pentadbiran Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) bagi tujuan naik taraf sebagai sebuah Majlis Perbandaran?
- i) Adakah Kerajaan Negeri merancang untuk membina sebuah Wisma MDKL yang baru dan dilengkapi dengan teknologi moden untuk

semua warga MDKL memandangkan bangunan yang sedia ada berkeadaan padat?

- ii) Jika Ya, sila berikan lokasi dan nyatakan kos pembinaan;
- iii) Jika tidak, mengapa?

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Ya, Tuan Speaker. Kerajaan Negeri tiada rancangan untuk menaik taraf Majlis Daerah Kuala Langat sebagai sebuah Majlis Perbandaran. Menaiktarafkan sesebuah Pihak Berkuasa Tempatan perlu penelitian terperinci dan memenuhi kriteria yang telah diluluskan oleh majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan. Kerajaan negeri berpandangan tanggungjawab membina Wisma MDKL yang baru dan dilengkapi dengan teknologi moden adalah tanggungjawab MDKL dan tertakluk kepada kemampuan kewangan PBT dan keperluan semasa. Kerajaan Negeri boleh mengeluarkan peruntukkan berdasarkan prosedur sedia ada sekiranya MDKL membuat permohonan.

TUAN SPEAKER: Rawang. Ia Kuala Kubu Bharu.

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG: Ya, terima kasih Puan Speaker, mengikut Peraturan Tetap 24 (2) saya ambil soalan ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)**

TAJUK : BELIA DAN PELUANG PEKERJAAN

99. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- a) Senaraikan jumlah peluang pekerjaan yang berjaya dipadankan melalui program JOM CARI KERJA mengikut pecahan daerah
 - b) Apakah perancangan kerajaan Negeri Selangor bagi mengujudkan peluang pekerjaan untuk golongan belia.

Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI: Terima kasih Puan Speaker dan pada Kuala Kubu Bharu. Saya nak betulkan sedikit istilah yang ditanya oleh Rawang ini, sebenarnya senarai jumlah peluang pekerjaan yang berjaya dipadankan melalui program JOM CARI KERJA mengikut pecahan daerah. Sebenarnya kita tidak menggunakan perkara JOM CARI KERJA kerana daripada pengalaman Jawatankuasa Tetap Pembangunan Modal Insan apabila kita mengujudkan program JOM KERJA

sebenarnya JOM KERJA bukan JOM CARI KERJA mereka ada datang untuk mencari kerja tetapi mereka tidak pergi bekerja. Jadi kita nak membetulkan satu istilah cari kerja dan terus pergi bekerja. Program JOM KERJA telah di adakan di semua daerah di Negeri Selangor bermula pada tahun 2009 hingga 2013 dengan pencapaian seramai 2,946 pemohon yang berjaya ditemu duga. Selain itu, pemohon juga telah di beri pendedahan mengenai khidmat nasihat serta pengalaman untuk menghadiri sesi temu duga. Maklumat terperinci pelaksanaan program adalah seperti di bawah.

Daerah Sabak Bernam dan Kuala Selangor untuk 2009 syarikat terlibat 20 buah dan pemohon berdaftar 1,078 orang, pemohon berjaya ditemu duga 480 orang. Kuala Langat 2009, 16 buah syarikat, pemohon berdaftar 1,672 orang, pemohon berjaya ditemuduga 670 orang. Kelang 2010, syarikat terlibat 29 buah, pemohon berdaftar 2,060 orang dan pemohon berjaya ditemuduga 886 orang. Petaling 2010, 22 buah syarikat terlibat, pemohon berdaftar 400 orang yang berjaya ditemu duga 187. Hulu Selangor, 2010, 20 syarikat terlibat, pemohon berdaftar seramai 141 dan 81 yang berjaya ditemuduga. Sepang 2010, 10 buah syarikat yang terlibat, pemohon berdaftar 2011 dan pemohon berjaya ditemuduga 137. Hulu Langat 8 buah syarikat terlibat dan 144 orang berdaftar yang berjaya ditemuduga 118. Gombak 9 buah syarikat berdaftar, pemohon berdaftar 107, pemohon berjaya ditemuduga 52 orang. Kuala Langat 2011, 11 syarikat terlibat, 70 orang mendaftar, 31 berjaya ditemuduga. Klang 2013, Mac 2013, 23 buah syarikat terlibat 884 orang berdaftar, 304 orang berjaya ditemuduga.

Jadi antara perancangan yang di ambil oleh Kerajaan negeri untuk mengujudkan lebih banyak peluang pekerjaan adalah dengan mengadakan program-program seperti berikut:

Pertamanya ialah kerjasama dengan *Selangor State Investment Centre* bagi mengujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dengan mengadakan program promosi atau pengiklanan melalui *local and international magazine* seperti *foreign direct investment, in flight magazine* mengadakan lawatan ke luar Negara bersama *Malaysian Investment Development Authority* MIDA dan menyertai pameran perdagangan bertujuan menarik pelabur dari dalam dan luar Negara.

Kerajaan Negeri telah bekerjasama dengan pihak Kolej INPENS untuk memberikan latihan seperti dalam bidang kecantikan, automatif, pendedahan rambutan, elektrik, elektronik, motosikal, sistem komputer dan penyaman udara.

Ketiga, menganjurkan program-program seminar dan kursus keusahawanan khususnya untuk memberi pendedahan awal mengenai bidang keusahawanan kepada golongan belia seperti berikut:-

- a) Kursus Asas Keusahawanan;
 - b) Kursus Pemasaran;
 - c) Kursus Pengurusan Kewangan; dan
 - d) Kursus Rancangan Perniagaan
- (i) Program Jom Kerja berbentuk Karnival yang telah diadakan di semua daerah di Negeri Selangor bermula tahun 2009 – 2013 dengan pencapaian seramai 2,946 pemohon yang berjaya ditemu duga selain itu pemohon diberi pendedahan khidmat nasihat serta pengalaman cara bagaimana sesi temu duga diadakan.
- (ii) Program Jom Kerja berbentuk Kursus Kerja Berkualiti menjadi satu platform kepada para peserta untuk bertemu dengan bakal majikan untuk mencari peluang pekerjaan sedia ada. Kursus ini dijalankan selama 2 hari dan akan membina kekuatan peserta melalui modul pembangunan insan yang terancang demi melahirkan tenaga kerja yang berkualiti. Pada tahun 2012, sebanyak 11 program telah berjaya dilaksanakan dengan penglibatan penyertaan seramai 800 orang. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Dengkil

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD. SHARIF: Terima kasih Puan Speaker, soalan saya nombor 100.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(DENGKIL)**

TAJUK : ISU PERMASALAHAN PERUMAHAN RAKYAT DI FLAT TAMAN PERMATA DENGKIL

100. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah Kerajaan Negeri bersedia untuk menyediakan tapak tanah yang sesuai untuk pembinaan rumah teres mampu milik seperti yang dituntut oleh penduduk di kawasan tersebut.
- b) Sekiranya ada, di manakah lokasi sebenar tapak cadangan untuk pembinaan rumah teres tersebut.
- c) Adakah ia melibatkan proses pengambilan tanah dari pihak swasta dan berapa lama proses ini akan dijangka selesai?

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN: Tuan Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat Dengkil. Tuan Speaker soalan ini untuk isu permasalahan perumahan rakyat di flat Permata Dengkil. Tuan Speaker, Kerajaan Negeri amat komited dalam menyelesaikan permasalahan rakyat di Negeri Selangor berasaskan visi Kerajaan Negeri sendiri iaitu untuk menjadikan Selangor Negeri Idaman, Maju, Sejahtera dan Berkeadilan.

Dalam isu ini, Kerajaan Negeri telah menyatakan persetujuan kepada pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Perumahan Negara (JPN) untuk menyediakan tapak tanah seluas 30 – 34 ekar bagi tujuan pembangunan 400 unit rumah teres kos rendah 1 tingkat. Walau bagaimanapun persetujuan ini adalah tertakluk sekiranya Kerajaan Persekutuan bersedia dan bersetuju untuk membiayai kos pembinaan pembangunan rumah teres kos rendah tersebut. Tuan Speaker, Kerajaan Negeri telah mengenal pasti sebuah tapak di atas sebahagian lot 5375 seluas 30 ekar milik syarikat Sime Darby Ampar Tenang Sdn. Bhd yang terletak di Ampar Tenang, Mukim Dengkil, Daerah Sepang yang sesuai bagi tujuan pembangunan 400 unit rumah teres 1 tingkat untuk tujuan pemindahan penduduk Taman Permata Dengkil, Selangor.

Tapak cadangan ini telah dikemukakan kepada pihak KPKT pada 17 September 2013 dan juga pada 23 Oktober 2013 untuk persetujuan Kerajaan Persekutuan. Dan sekiranya dipersetujui, proses pengambilan akan dimulakan segera oleh pihak Kerajaan Negeri tertakluk sekiranya Kerajaan Persekutuan bersedia dan bersetuju untuk membiayai kos pembinaan pembangunan rumah teres kos rendah tersebut.

Tuan Speaker, berdasarkan tapak cadangan yang dikemukakan kepada pihak Kerajaan Persekutuan, ianya merupakan tanah hak milik syarikat Sime Darby Ampar Tenang Sdn. Bhd. Dalam hal ini, proses pengambilan tanah akan dilaksanakan di bawah Akta Pengambilan Tahun 1960 dengan kadar yang segera sekiranya pihak Kerajaan Persekutuan bersetuju dengan tapak cadangan tersebut serta syarat yang dikenakan oleh pihak Kerajaan Negeri.

TUAN SPEAKER: Dengkil.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD. SHARIF: Soalan tambahan Puan Speaker. Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat EXCO di atas jawapan permasalahan yang saya bantah. Soalan saya 1 soalan 2 perkara. Yang melibatkan satu *exact date* dengan izin sebab kita difahamkan kalau dalam proses *acquisition of land*, pengambilalihan tanah ni akan memakan masa yang lama. Boleh nyatakan tarikh yang

spesifik, 6 bulan, setahun? Sebab rakyat ingin tahu bilakah boleh diselesaikan proses pengambilalihan tanah ni.

Dan yang keduanya, tapak perumahan yang sedia ada. Saya rasa kalau diteruskan kerjasama pintar antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan begini amat baik dan saya juga ingin bertanya tapak asal Taman Permata yang sedia ada bolehkah ia dibangunkan juga untuk projek perumahan rakyat bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan. Terima kasih.

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN: Terima kasih Yang Berhormat Dengkil. Tuan Speaker, isu tentang tapak diambil oleh, tapak tanah yang diambil alih oleh Kerajaan Negeri tidak ada masalah. Saya telah diberitahu sehingga hari ini pihak Persekutuan KPKT iaitu Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan masih lagi berdolak-dalik, mereka dari dahulu lagi mereka menulis surat kepada kita mengatakan tanah yang dulu dikenalkan tidak sesuai dan lepas kita bagi kita telah menulis pada seperti yang saya katakan pada 17 September mereka masih ingat lagi untuk mengulas, dan kita telah menulis sekali lagi pada 23 Oktober 2013 sehingga hari ini kita masih lagi menunggu jawapan daripada Kerajaan Persekutuan untuk membuat keputusan.

Bagi soalan kedua, sekiranya pemindahan ini di laksana secara baik, Kerajaan Negeri akan mencadangkan lagi akan berbincang dengan membuat cadangan dengan lebih baik. Saya percaya memang ada cadangan Kerajaan akan dibawa bersama dengan Lembaga Hartanah Perumahan untuk berbincang dalam hal ini.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD. SHARIF: Soalan tambahan. Minta maaf.

TUAN SPEAKER: Seri Andalas.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Terima kasih Tuan Speaker. Ini sudah pun berjalan banyak kali berapa tahun masalah ini dan penduduk-penduduk di dalam Taman Permata memang di dalam satu keadaan yang kecemasan. Saya minta Kerajaan untuk ambil perkara ini dengan serius, jangan tunggu sampai apa ni, soalan saya, adakah Kerajaan akan tunggu sampai surat diterima dari KPKT sampai kita pengambilalihan tanah ni. Tanah di Negeri Selangor ini tiap-tiap kali harga dia naik. Apa masalahnya kalau kita teruskan menggunakan Akta Pengambilalihan Tanah dan kita tunjukkan keprihatinan kita kepada penduduk di sini dan belikan tanah 30 ekar itu dulu dan lepas itu kita *sub* kepada Barisan Nasional untuk membina rumah-rumah di atas tapak itu.

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN: Tuan Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat Seri Andalas. Cadangan Seri Andalas nampak bagus namun adalah sangat penting dalam pengambilalihan tanah ini untuk mendapatkan keputusan daripada KPKT *first* dahulu sebabkan mereka telah menyatakan menulis surat kepada kita pada penggal yang lalu bahawa tanah yang kita nyatakan adalah tidak sesuai dulu yang dulu. Apabila kini kita dapatkan tanah yang lebih sesuai, *I mean* di Ampar Tenang kita perlu menunggu kata putus mereka untuk meyakinkan bahawa tanah yang akan diambil alih Kerajaan Negeri itu boleh diterima pakai sebagai kawasan perumahan.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD. SHARIF: Soalan tambahan Puan Speaker.

TUAN SPEAKER: Ya, Dengkil.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD. SHARIF: Terima kasih Puan Speaker. Untuk menambah soalan kepada Yang Berhormat EXCO, saya tanyakan tadi kita, *we have to think positive* dengan izin sekiranya dalam masa seminggu, dua minggu ataupun sebulan, Kerajaan Persekutuan bersetuju untuk bekerjasama dengan Kerajaan Negeri untuk membina rumah mampu milik ini. *What is the exact date* untuk pengambilan tanah ini? Saya nak ulas balik, 6 bulan? Setahun? Boleh bagi tahu rakyat dia punya *time frame*. Terima kasih.

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Speaker, saya percaya mereka Yang Berhormat Dengkil masih lagi mengulangi soalan yang sama, masih lagi sama. Saya telah pun menjawab pun tadi. Kalau tanyakan *exact date*, Kerajaan Persekutuan kenapa begitu berdolak-dalik dalam isu ini hanya untuk menyatakan pendirian mereka. Ini memang isu ini telah berlanjutan, ini dosa-dosa yang Kerajaan yang lalu, yang telah dilakukan. Memang kalau Dengkil, Yang Berhormat Dengkil sangat prihatin dengan penduduk Taman Permata, perlu juga menyatakan hasrat kepada Kerajaan Persekutuan supaya mereka tak berdolak-dalik lagi atau mengulas balik surat yang telah dihantar oleh Kerajaan Negeri dan memang Kerajaan Negeri amat komited. Ya kita memang komited dalam mendapatkan *identify* tanah yang lebih sesuai agar ia dapat memberi satu kebajikan yang benar-benar untuk menyelesaikan isu perumahan rakyat di Taman Permata.

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat Dengkil, soalan sudah dijawab bahawa mereka pihak Kerajaan akan menyediakan tanah, akan mengambil balik tanah jika mereka Kerajaan Persekutuan rela menyumbang kepada pembinaan. Jadi jawapan sudah ada, kalau nak tanya *time frame* yang tepat, saya cadangkan Yang Berhormat Dengkil pergi jumpa Yang Berhormat EXCO setiap hari, pergi *check*.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD. SHARIF: Sebab dia tak jawab soalan saya, saya nak tanya sebenarnya kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar.

TUAN SPEAKER: Tak, saya tak benarkan kerana kita sudah ada jawapan, masih menunggu Kerajaan Persekutuan. Saya minta Yang Berhormat Dengkil usahakan. Boleh ya.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD. SHARIF: Ok terima kasih.

TUAN SPEAKER: Baik lah. Morib.

Y.B. TUAN MOHD. KHAIRUDDIN BIN OTHMAN: Peraturan Tetap 24 (2) Speaker. Saya mengambil soalan Morib.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI HASNUL BIN HAJI BAHARUDDIN
(MORIB)**

TAJUK : SEKTOR PERTANIAN

101. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah bajet untuk Jabatan Pertanian Selangor pada tahun ini?
- b) Apakah perincian perbelanjaan yang telah dibelanjakan?
- c) Adakah sebarang peruntukan khusus yang disalurkan dari EXCO Pemodelan Pertanian dan Pembangunan Desa untuk Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan para nelayan?

Y.B. SALLEHEN BIN MUKHYI: Terima kasih Speaker. Morib ingin tanya berkaitan dengan bajet untuk pertanian Selangor pada tahun ini. Bajet untuk Jabatan Pertanian yakni pembangunan 2013 adalah RM 14,437,050.00. Soalan seterusnya, apakah perincian perbelanjaan yang telah dibelanjakan? Perincian perbelanjaan ialah :

- (i) Taman Agro Teknologi - RM 1.4 juta.
- (ii) Pembangunan tanaman makanan - RM 5,040,000.00
- (iii) Pembangunan tanaman industri - RM 300,000.00.
- (iv) Pembangunan industri bunga dan tanaman hiasan – RM 200,000.00

- (v) Pembangunan industri asas tani – RM 1.25 juta
- (vi) Pembangunan pusat teknologi pertanian – RM 2.16 juta
- (vii) Pengurusan Perosak bersepadu – RM 100,000.00
- (viii) Memajukan Kompleks Pertanian – RM 250,000.00
- (ix) Pembangunan Agro Pelancongan
- (x) Pembangunan Pertanian Bersepadu – RM 700,000.00
- (xi) Pembangunan Teknologi Maklumat – RM 520,000.00
- (xii) Perkhidmatan Pengembangan dan Perundingan – RM 916,000.00
- (xiii) Pengurusan tanah bermasalah – RM 250,000.00
- (xiv) Pembangunan/Pengurusan tanah terbiar – RM 250,000.00
- (xv) Pembangunan/Kemudahan Kejenteraan dan Logistik Pertanian – RM 800,000.00
- (xvi) Penyelidikan dan Perolehan Teknologi Baru Tanaman – RM 300,000.00; yang menjadikan jumlahnya RM 14,437,050.00.

Soalan seterusnya ialah berkaitan dengan peruntukan khusus yang disalurkan daripada EXCO Pemodenan Pertanian dan Pembangunan Desa untuk Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia dan para nelayan. Tiada peruntukan khusus untuk Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia. Walau bagaimanapun, peruntukan untuk membantu para nelayan di Negeri Selangor di bawah Pengerusi Jawatankuasa Pertanian EXCO Pemodenan Pertanian adalah melalui Jabatan Perikanan Negeri Selangor. Ianya merangkumi pelbagai jenis bantuan termasuklah bantuan untuk nelayan bertujuan untuk meningkatkan pendapatan golongan tersebut.

TUAN SPEAKER: Balakong.

Y.B. TUAN NG TIEN CHEE: Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya nombor 102.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE
(BALAKONG)**

TAJUK : LAMPU JALAN JENIS LED

102. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- (a) Adakah pihak kerajaan mensyaratkan pemaju supaya menggunakan lampu jalan jenis LED bagi semua projek pembangunan yang baru di dalam negeri? Nyatakan pencapaian sekiranya ya.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Puan Speaker, semua PBT telah mensyaratkan penggunaan lampu jalan jenis LED bagi setiap pembangunan baru di dalam kawasan pentadbiran masing-masing. Berikut adalah maklum balas pelaksanaan yang diterima oleh PBT berhubung penggunaan lampu jenis LED:

SP Setia, *Elmina West* dan EAS dan PPC - *Glomac* menggunakan lampu LED.

MPPJ – Majlis telah mensyaratkan pemaju mengadakan lampu LED terutamanya untuk jalan awam dan pemaju telah mematuhi syarat-syarat tersebut.

MPK – Jumlah lampu jalan yang telah dipasang sehingga ini adalah sebanyak 550 unit.

MPAJ - PBT telah mensyaratkan kepada semua pembangunan di dalam kawasan pentadbiran MPAJ bermula pada tahun 2012.

MPSJ - Lebih kurang 50% daripada permohonan yang dikemukakan telah disyaratkan untuk penggunaan lampu LED terutamanya bagi pembangunan kawasan perumahan dan kawasan komersial.

MPS - PBT tidak mensyaratkan pemaju untuk menggunakan lampu jenis LED bagi semua projek pembangunan baru.

MPKj - Setiap pemaju telah diwajibkan bermula Januari 2013 untuk memasang jenis LED bagi setiap projek pembangunan baru.

MPSp – Pada tahun 2012 sebanyak tiga (3) permohonan telah disyaratkan kepada pemaju Setia Haruman dan Astana Modal. Manakala sebanyak tujuh (7) permohonan telah disyaratkan pada tahun 2013. Walau bagaimanapun buat masa ini syarat pemasangan lampu LED hanya dipasang di jalan utama sahaja.

MDKL- PBT tidak mensyaratkan pemaju untuk menggunakan lampu jalan jenis LED bagi semua projek pembangunan baru.

MD Hulu Selangor - PBT telah melaksanakan syarat tambahan kepada pemaju-pemaju baru supaya memasang lampu LED dalam jumlah yang sesuai dan dalam skala projek berkenaan.

MD Kuala Selangor - PBT tidak mensyaratkan pemaju untuk menggunakan lampu jalan jenis LED bagi projek pembangunan yang baru. Namun bercadang untuk mengenakan syarat tersebut di kawasan tempat permainan kanak-kanak dalam kawasan pembangunan baru.

MD Sabak Bernam - Hanya mensyaratkan penggunaan lampu daripada jenis SON HSPV 150watt dengan menggunakan kabel talian atas kepada pemaju-pemaju yang terlibat dengan projek pembangunan.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Soalan tambahan, Puan Speaker.

TUAN SPEAKER: Rawang.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Rawang ingin bertanya sebab nampaknya setiap PBT tidak ada satu garis panduan yang *standardized* dengan izin atau pun ada tak Kerajaan Negeri bercadang untuk selaraskan, gunakan maksudnya yang *environmental mental friendly* dan dapat menjimat tenaga juga dalam *long term* dengan izin.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Untuk menjawab soalan daripada Rawang. Buat masa ini pihak Kerajaan Negeri masih belum menetapkan satu dasar untuk mensyaratkan supaya penggunaan lampu LED atau pun lampu-lampu jenis yang dianggap sebagai mesra alam buat masa ini kerana belum ada kajian yang dilakukan dan juga, ini juga perlu bergantung kepada kemampuan kewangan PBT yang berlainan kerana untuk lampu LED dan juga untuk lampu yang mesra alam ini kosnya lebih tinggi dan juga, ini akan juga menambahkan kos kepada pembangunan berkenaan yang akhirnya juga pengguna yang akan menanggung segala kosnya. Jadi kita akan melihat dari masa ke semasa bergantung pada keadaan semasa.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Bukit Gasing.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Terima kasih. Saya amat mengalu-alukan pemasangan LED oleh PBT yang telah mensyaratkannya. Memang lebih mesra alam dengan penggunaan elektrik yang lebih kurang tetapi dalam semua PBT yang *guide* mensyaratkan pemasangan LED, adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk buat satu

standard untuk jenis pemasangan LED memandangkan untuk masa depan, lima (5), sepuluh (10) tahun ke hadapan penyelenggaraan mungkin menjadi satu isu jika tiada satu-satu *standard* khas di mana pembekal lampu LED kita mungkin akan terikat kepada pembekal tersebut. Jadi macam mana kita akan menangani isu ini supaya kita atau PBT tidak terikat kepada mana-mana pembekal.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Puan Speaker, buat masa ini kebanyakan lampu ini diimport daripada negeri China dan belum ada satu *standard* yang telah dianggap, belum ada satu piawai yang telah pun ditetapkan buat masa ini dan Kerajaan Negeri, kita akan melihat, mengkaji dan mungkin kita akan mendapatkan runding nasihat daripada pihak SIRIM untuk menentukan piawai yang mana yang boleh diterima untuk diguna pakai kerana ini adalah satu teknologi yang belum meluas digunakan di negara-negara lain-lain juga.

TUAN SPEAKER: Soalan 103 telah dijawab bersekali dengan soalan 73. Semenyih. Ya, Kota Damansara, saya nak ingatkan kepada semua Ahli Yang Berhormat tidak semestinya setiap kali saya akan benarkan mengambil soalan bagi pihak ADUN yang tidak hadir. Kota Damansara.

Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BT BOHAN: Mengikut Peraturan Tetap 24 (2), saya mengambil soalan 104.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(SEMENYIH)**

TAJUK: AGENDA SOSIOEKONOMI BUMIPUTERA PKNS

104. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- a) Nyatakan strategi dan inisiatif PKNS untuk membantu agenda pemerkasaan sosioekonomi Bumiputera Selangor?
 - b) Apakah pencapaian PKNS dari 2008-2013 dalam membantu golongan Bumiputera
 - c) Berapakah nilai projek yang diperolehi usahawan atau profesional Bumiputera berbanding nilai keseluruhan projek di bawah PKNS?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Puan Speaker, soalan Yang Berhormat Semenyih ialah mengenai agenda sosioekonomi bumiputera PKNS. Soalan ini agak luas daripada segi umumnya, tapi saya nak tunjukkan beberapa usaha yang dijalankan oleh PKNS untuk mempertingkatkan golongan keusahawanan masyarakat bumiputera yang dibuat dengan cara teratur daripada sekolah sehingga kepada menjadi kontraktor. Sebagai contoh, dari tahun 2008 hingga 2013, program perintis usahawan untuk sekolah rendah terdapat tiap-tiap tahun 2,240 pelajar diberikan pendidikan dan galakkan perintis usahawan. Sehingga lima (5) tahun 1,440 pelajar yang mendapat program, perkhidmatan program ini.

Untuk usahawan muda, sekolah menengah tiap-tiap tahun dilakukan latihan untuk 1,250 dan daripada 2008 sehingga 2013, 7,475 pelajar diberikan latihan perkhidmatan tersebut.

Untuk Kelab Permata, itu untuk yang dalam belajar di universiti, PKNS telah memberikan perkhidmatan galakkan usahawan kepada 2,781 atau pun untuk lima (5) tahun, 11,406. Kemudian untuk pula lepasan Institut Pengajian Tinggi atau pun universiti untuk lima (5) tahun seramai 123 orang. Kemudian kita ada latihan kontraktor sebanyak 84 orang *vendor* atau pun pengilang tiap-tiap tahun kita pilih 23, ada 30 dan kita memberi ruang pejabat untuk usahawan, 228 ruang niaga kompleks, tiap-tiap tahun sekurang-kurangnya 425 peniaga atau pun 3,146 dan kita juga ada akademik usahawan dan jumlahnya 7,380.

Jumlah keseluruhan yang terlibat dalam masa lima (5) tahun ini ialah 62,624. Walau bagaimanapun saya telah meminta beberapa kajian untuk dibuat supaya kita akan memperbaiki lagi cara pendekatan kita untuk menyokong pembangunan bumiputera dan jumlah wang yang terlibat daripada perkara ini melebihi RM20 juta setahun. Jadi saya mula melihatnya semula supaya kita lebih fokus lagi.

Selain daripada itu, PKNS juga mencari jalan supaya projek-projek PKNS juga mendapat, mendapatkan pekerjaan kontrak untuk bumiputera melalui sub-kontraktor yang mana lebih daripada RM35 juta telah diperuntukkan dalam perkara ini. Perkara ini juga, saya telah pantau semula, saya dapati pemberian sub-kontraktor ini juga telah disalahgunakan sebab ada juga kontraktor bumiputera bukan sahaja menerima kontrak tersebut tetapi dia dikatakan di subnya balik supaya dia dapat hanya keuntungan sebagai penyewa kontrak itu. Jadi kita sekarang kena melihat sejauh mana usaha kita ini benar-benar menolong masyarakat bumiputera. Oleh sebab itulah kita sekarang telah menekankan syarat kepada konsep *owner operator* maknanya mereka-mereka yang ingin jadi usahawan dan ingin jadi kontraktor mestilah terlibat terus dalam kerja-kerja yang dibuat bukan sebagai orang perantara.

TUAN SPEAKER: Gombak Setia.

Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN: Puan Speaker, soalan no. 105.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN
(GOMBAK SETIA)**

TAJUK : SUKAN BOLA SEPAK

105. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila nyatakan sebab utama kemerosotan pasukan bola sepak Selangor pada tahun ini di dalam Liga Malaysia dan Piala Malaysia walau pun kerajaan negeri telah memberikan insentif tajaan melalui MENTERI BESAR INCORPORATED?

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Terima kasih, Puan Speaker. Gombak Setia bertanyakan berkaitan pasukan bola sepak Selangor. Secara keseluruhannya prestasi pasukan adalah baik oleh kerana pasukan bola sepak Selangor menjadi naib juara di dalam Liga Super maka pasukan Selangor adalah yang terbaik di Malaysia oleh kerana pasukan yang menjadi juara dalam Liga Super adalah pasukan daripada Singapura. Di peringkat Piala FA, pasukan berjaya sehingga peringkat suku akhir yang hanya tewas kepada pasukan yang bernilai lebih daripada RM30 juta iaitu daripada Johor Utara Darul Takzim (FC).

Pasukan Bola Sepak Selangor juga adalah antara pasukan 16 terbaik di dalam AFC Cup. Pada saingan Piala Malaysia pula, Pasukan Selangor tidak bernasib baik oleh kerana telah dalam berkeadaan situasi *off form* dengan izin pada peringkat tersebut tetapi telah meningkat di hujung peringkat kumpulan tetapi telah agak lewat untuk layak ke pusingan suku akhir.

Walau bagaimanapun, Pasukan Bola Sepak Selangor telah menunjukkan permainan yang amat memberangsangkan di dalam saingan Piala Sultan Selangor pada tempoh hari. Pun begitu saya melihat tidak ada satu faktor khusus yang memperlihatkan sedikit kemerosotan kepada pasukan kita, tapi saya melihat bahawa pada hari ini saya kira Persatuan Bola Sepak Selangor sendiri mempunyai masalah kekuatan kewangan kerana sebahagian besar daripada pengurusannya adalah juga datangnya daripada Menteri Besar *Incorporated* yang mana saya kira sudah tiba masanya mungkin Kerajaan Negeri menubuhkan satu Jawatankuasa Pengurusan Pasukan Bola Sepak

Selangor yang mana kewangannya, sumber kewangannya juga dari negeri Selangor untuk menguruskan supaya akhirnya pasukan kita ini dapat diperkukuhkan lagi dan bukan sekadar kita dapat melahirkan bakat-bakat yang hebat di negeri Selangor. Terima kasih.

Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN: Soalan Tambahan.

TUAN SPEAKER: Gombak Setia.

Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN: Dengan apa yang disebut oleh EXCO sebentar tadi, kedudukan yang agak baik oleh Pasukan Bola Sepak Selangor. Adakah ianya berjaya menarik tajaan-tajaan baru selain daripada bergantung harap kepada Kerajaan Negeri.

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Saya rasa untuk menarik tajaan ini sebenarnya diserahkan kepada pihak pengurusan Persatuan Bola Sepak itu sendiri, yang mana mungkin dengan sedikit pengurusan ini apabila Selangor beberapa tahun sejak menjadi juara di peringkat Piala FA atau pun Piala Malaysia itu sendiri. Cuma saya melihat sesuatu pengurusan yang mungkin boleh ditubuhkan untuk menguruskan pasukan yang akhirnya juga dapat memberikan satu impak kepada pasukan itu sendiri dan sudah tentulah harapan kita, saya ingat, saya agak bersetuju dengan Dato' Menteri Besar di dalam perbahasan yang lepas kita juga mahu melahirkan juara-juara yang hebat tetapi harapan daripada, saya kira daripada Adun-adun, atau pun rakyat sendiri mahu melihat pasukan negeri Selangor ini menjadi juara bukan sahaja dengan sekadar, walau pun tidak perlu bergolok gadai untuk melahirkan kejuaraan itu tetapi sudah tentunyalah saya sendiri melihat bahawa FAM sendiri, Persatuan Bola Sepak negara kita melihat satu tatacara peraturan yang akhirnya dapat persaingan dari negeri itu lebih baik bukan sekadar satu negeri yang mempunyai kekuatan kewangannya yang lebih baik tetapi secara tidak munasabah memberikan insentif, insentif yang mungkin tidak dapat dilakukan oleh negeri-negeri yang lain. Walau pun saya tidak menafikan kita mempunyai kewangan yang baik tetapi satu disiplin di dalam bola sepak itu perlu ada di peringkat negara kita yang akhirnya persaingan di antara negeri dapat melahirkan pemain-pemain baik yang untuk negara kita.

Sebenarnya saya ada satu juga pantun yang mungkin boleh kita tujukan kepada Menteri Besar. Harapan apabila salah seorang daripada ADUN kita sendiri jumpa saya, Yang Berhormat daripada Seri Andalas sampai menitiskan air mata. Beliau adalah Ahli Jawatankuasa di dalam barisan bola sepak negeri Selangor.

Masa musim tengkujuh hujannya amat lebat
Air meniti ke arah anak tangga
Rakyat Selangor bukan sahaja hendak pemain yang hebat
Tetapi harapan kita hendak jadi juara.

Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Kuala Kubu Baharu.

Y.B PUAN LEE KEE HIONG: Terima kasih. Soalan saya 106.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B PUAN LEE KEE HIONG
(KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK: TERBITAN PELANCONGAN

106. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Senaraikan terbitan pelancongan yang dihasilkan oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2012 dan 2013 dan perbelanjaannya;
- b) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat menghasilkan risalah pelancongan yang berasingan untuk setiap daerah dalam perbagai bahasa.

Y.B PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Tuan Speaker Terbitan Pelancongan yang dihasilkan oleh Kerajaan Negeri melalui tourism Selangor Visual Film Sdn. Bhd pada tahun 2012 adalah seperti berikut:

1. Peta Pelancongan perbelanjaan RM44,000.00. Peta Pelancongan ini memaparkan destinasi pelancongan yang menarik di sembilan daerah Negeri Selangor dan diterbitkan sebagai satu visual bergambar yang lebih menarik iaitu bentuk '*Fun Map*' dengan izin.
2. Selangor *Breakaway* perbelanjaan RM234,805.00. Buku ini diterbitkan sebagai panduan kepada pembaca mengenali destinasi-destinasi pelancongan di Negeri Selangor dan disusun mengikut daerah di Negeri Selangor dalam Bahasa Inggeris.
3. Maklumat yang terdapat di dalam buku ini adalah seperti berikut:
 1. Destinasi pelancongan

2. Nombor telefon
 3. *Website / e-mail*
 4. Koordinat GPS
4. Kita juga menerbitkan iklan di majalah dan juga surat khabar. Sebagai contohnya di majalah Gaya Travel, Majalah Air Asia 3 Sixty, Vision Kuala Lumpur dalam tiga bahasa iaitu Inggeris, Arab dan juga Mandarin, Travelmate dan Travelutin, Majalah ASWAQ (Bahasa Arab) dan sebagainya dan jumlah perbelanjaan untuk 2012 ialah RM489,000.00.

Untuk tahun 2013 kita telah berbelanja sebanyak RM485,743.00 dan ini adalah untuk penerbitan iklan dan juga surat khabar.

Untuk maklumat Yang Berhormat Kuala Kubu Bharu kita ada juga halaman *face book* dan juga *twitter* dan tidak ada kos dalam pencetakan ataupun penghasilan. Dua-dua ini, kita juga laman web **tourism Selangor.my** dan pada tahun 2011 sehingga 2013 kos menghasilkannya adalah kosong tetapi untuk menyelenggarakan sewa, anti virus, nama dan sebagainya total adalah RM20,000.00. Kita juga menghasilkan risalah pelancongan yang berasingan untuk setiap daerah dalam pelbagai bahasa. Kita berhasrat untuk menghasilkan lagi cetakan risalah tersebut. Pada masa yang sama peta pelancongan diterbitkan juga memberi maklumat pelancongan di dalam bentuk peta pelancongan yang merangkumi produk-produk pelancongan di seluruh Negeri Selangor.

Dengan inisiatif daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) kita telah mencetak melalui PBT dan menyediakan pelbagai bahan promosi untuk mempromosikan produk-produk pelancongan di daerah mereka dan PBT-PBT yang mempunyai bahan-bahan promosi adalah:-

- I. Majlis Perbandaran Subang Jaya
- II. Majlis Daerah Kuala Selangor
- III. Majlis Daerah Hulu Selangor
- IV. Majlis Perbandaran Kajang
- V. Majlis Bandaraya Shah Alam
- VI. Majlis Perbandaran Klang

TUAN SPEAKER: Taman Medan.

Y.B PUAN HANIZA BT. MOHAMAD TAHA: Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya 107.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B PUAN HANIZA BINTI MOHAMAD TALHA
(TAMAN MEDAN)**

TAJUK: PETS – SOHO

107. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah status program ibu tunggal PETS-SOHO?
- b) Senaraikan penerima yang mendapat manfaat daripada program tersebut mengikut DUN.

Y.B PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Terima kasih Taman Medan. Tuan Speaker, bagi menjawab soalan Taman Medan lebih menjurus kepada Program Pets–Soho iaitu satu program yang singkatannya diberi kepada Program Pembudayaan Ibu Tunggal Selangor yang bekerja dari rumah iaitu satu program yang berkonsepkan mentor-mentee menawarkan penyertaan ibu tunggal yang berpendapatan rendah. Program ini telah dilaksanakan lima bidang perniagaan yang dijangka akan menjana pendapatan ibu tunggal dan telah pun melalui fasa pertama iaitu program-program diberikan adalah Program Refleksologi Teknologi Video *Marketing Business* Mangkuk Tingkat, *Fotografi, Business on Line* di mana *Alhamdulillah* ianya telah mendapat sambutan yang baik. Statusnya dari 200 sasaran ibu tunggal berikan program ini kumpulan pertama sebanyak 70 orang ibu tunggal telah pun selesai dan telah pun mendapat sijil penyertaan dan telah pun beberapa daripada mereka *alhamdulillah* sekarang ini mendapat pendapatan melebihi RM1000.00 sebulan.

Jadi untuk mengetahui bilangan secara terperinci program refleksologi penyertaan sebanyak 20 orang, Program Teknologi Visual *Marketing* sebanyak 10 orang, *Program Business* Mangkuk Tingkat seramai 10 orang, *fotografi* seramai 10 orang, *business on line* seramai 20 orang. Penerima yang diminta melalui mengikut setiap DUN saya bacakan di sini DUN-DUN yang telah membuat penyertaan tetapi saya ingin mengatakan sebelum saya menyatakan membaca iaitu penyertaan ini pemilihan tidak mengikut DUN. Pemilihan ibu-ibu tunggal ini lebih kepada mereka yang telah mendaftar dengan Kerajaan Negeri dan akhirnya kita menawarkan program-program sebanyak 5 program ini mereka memilih sendiri program apakah program yang mereka minat.

Jadi untuk mengetahui mengikut DUN. DUN Gombak Setia seramai 5 orang, Hulu Kelang 2, Pandan 5 orang, Seri Kembangan seorang, Kinrara seorang, Kota Anggerik 4 orang, Seri Muda 2 orang, Sijangkang 2 orang, Kajang 4 orang, Batu Caves 4 orang, DUN Dengkil seorang, Semenyih seorang penyertaan, Batu 3 dua, Rawang 3, Seri Setia 3, Teratai 1, Kuang seorang, Subang Jaya 2 orang, Bukit Melawati seorang,

Kuala Kubu Baharu seorang, Bukit Antarabangsa seorang, Jeram seorang dan juga Seri Sedang seorang. Itu Tuan Speaker, Terima kasih.

Y.B PUAN HANIZA BT. MOHAMAD TAHA: Soalan Tambahan.

TUAN SPEAKER: Taman Medan

Y.B PUAN HANIZA BT. MOHAMAD TAHA: Terima kasih Tuan Speaker. Apakah sasaran sebab tadi Yang Berhormat Puan EXCO menyatakan sasaran 200 orang tetapi cuma 70 sahaja berjaya mengikuti program tersebut. Apakah ini disebabkan tawaran Pets-Soho yang diberi tidak sesuai cita rasa ibu tunggal atau pun tidak diberi peluang untuk membuat pilihan yang lain?

Y.B PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Untuk menjawab soalan Taman Medan kita mesti tahu mengetahui bahawa Pets-Soho ibu-ibu tunggal tidak semestinya keluar daripada rumah bekerja. Kebanyakan mereka yang mampu bekerja kita menawarkan program-program lain seperti mikrokredit untuk mereka berniaga kecil-kecilan atau pun mengusahakan taman asuhan dan sebagainya tetapi bagi membolehkan ruang-ruang atau bidang-bidang baru yang kita rasakan ia boleh diterokai di mana ibu-ibu tunggal ini dapat bekerja dari rumah tanpa meninggalkan anak-anak khususnya ibu-ibu tunggal yang muda ini. Jadi program-program inilah yang lebih sesuai. Sebelum kita memberi perkhidmatan dan tawaran program ini sebenarnya kita telah pun membuat satu program kaunseling dan juga *interview* dengan izin untuk mengetahui bidang yang sesuai tetapi ada juga yang tidak dinafikan walaupun sasarannya kita berikan sepatutnya kumpulan pertama ada 100 orang tetapi 70 orang telah dapat selesaikan tamatkan 3 bulan program mento-mentee ini kerana ada juga kadang kalanya kita pada asalnya beliau rasakan minat dibidang itu tetapi akhirnya mereka tidak dapat juga menyelesaikan atau pun tidak dapat membantu. Ianya tidak terhenti di situ kita tukar bidang memasuki bidang yang lain tetapi bukan program Pets-Soho tetapi dalam program-program pembudayaan ekonomi wanita dalam konteks yang lain. Jadi Taman Medan dari sasaran 200 orang sasaran pertama 100 orang yang telah pun tamat 70 orang dan sasaran yang kedua *Insyah-Allah* kita ambil pada awal tahun hadapan. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Sg. Burong.

Y.B DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS: Terima kasih Tuan Speaker soalan 108.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(SUNGAI BURONG)**

TAJUK: PREMIUM TANAH

108. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar.
- a) Apakah dasar penentuan premium tanah yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri Selangor?
 - b) Adakah terdapat perbezaan premium tanah mengikut daerah dan jenis kegunaan tanah?

Y.A.B DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Tuan Speaker. Yang Berhormat Sg. Burong bertanyakan tentang Premium Tanah. Premium Tanah adalah diuruskan pembelian tanah diuruskan mengikut kaedah-kaedah tanah Selangor. Ia dipanggil Selangor *Land Rules* yang terdapat pindaan terakhir adalah pada 2005 bererti ada ketetapan dari segi pelaksanaan. Kadar-kadar tersebut:

1. Untuk perniagaan premium tanah dikenakan $\frac{3}{4}$ per100 atau 0.75 dari nilai tanah yang diluluskan mengikut nilai semasa. Nilai semasa ialah dibuat oleh penilai yang bukan dibiayai gajinya oleh Kerajaan negeri tetapi dibiayai gajinya oleh Kerajaan persekutuan sebab untuk menentukan pekerjaan penilai-penilai itu dapat kebebasan dari segi nilai.
2. Untuk industri juga $\frac{3}{4}$
3. Untuk kediaman, tinggi $\frac{1}{2}$.
4. Untuk pertanian di Kelapa Sawit kalau tanahnya dalam bandar ialah RM2000.00 sehektar setahun. Di luar bandar ialah RM1000.00 sehektar setahun. Untuk dusun dalam bandar RM800.00 sehektar setahun. Luar bandar RM500.00 sehektar setahun. Jika tanaman padi dalam bandar RM300.00 sehektar. Luar bandar seperti Tanjung Karang dan Sabak Bernam RM100.00 sehektar setahun.
5. Untuk ternakan. Dalam Bandar RM2000.00 sehektar. Luar Bandar RM1,000.00 sehektar.

Tetapi jika tanah-tanah ini statusnya tanah rizab Melayu pembayaran hasil hanyalah $\frac{1}{2}$ daripada yang dikenakan. Maksudnya 50%, kalau penanam padi ia hanya membayar RM50 sehektar setahun. Jadi usaha ini kita teruskan dan kerajaan tidak bercadang

untuk membuat banyak daripada segi peratus berkenaan cukai apa yang kurang difahami adalah mengapa pembayaran cukai itu meningkat.

Jawapannya ialah kerana nilai semasa harga tanah di Selangor sentiasa meningkat. Jadi itu sebabnya ia berlaku kerana peratus pengenaan cukai tetapi nilai semasa harga tanah sebab kalau kita tengok nilai semasa harga tanah di Petaling Jaya dalam 5 tahun yang lepas sehingga sekarang kenaikan melebihi 100%.

Y.B PUAN GAN PEI NEI: Soalan tambahan Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Rawang

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Rawang ingin bertanya kita faham ini adalah premium dan cukai tanah adalah sumber hasil untuk kerajaan negeri Selangor. Tetapi saya difahamkan bahawa pihak Kerajaan Negeri Selangor telah membuat satu peraturan yang mana rayuan untuk pengurangan premium khususnya untuk kegunaan tapak komersial tidak diizinkan. Ada satu kes di Rawang yang mana mereka berasa gembira dapat tawaran untuk geran setelah sepuluh tahun menunggu. Tetapi salah seorang ibu tunggal terkejut bila tengok premium tanah itu meningkat begitu tinggi dan kalau ikut kedudukannya sekarang memang tidak boleh bayar. Jadi, ada tak kerajaan izinkan rayuan untuk kes-kes seperti ini ibu tunggal dan mereka OKU atau pun seterusnya yang ingin menggunakan ini sebagai salah satu punca rezekinya.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Puan Speaker. Saya ingin menerangkan kepada Yang Berhormat Rawang ada dua tujuan pemberian premium. Satu pemberian premium untuk tujuan komersial. Untuk tujuan perniagaan. Jadi kalau kita bagi untuk tujuan perniagaan kita tidak boleh sewenang-wenangnya memberikan diskaun, sebab kalau kita nak bagi diskaun kita kena bagi diskaun kepada semua. Kalau tidak terpulang kepada siapa yang minta dengan apa saja boleh dapat, jadi, bererti terdapat ketidakpastian tentang pengenaan diskaun tersebut. Jadi, oleh sebab itulah kerajaan Negeri tidak ingin melakukan perkara tersebut. Walau bagaimanapun, jika penghuni itu ialah orang kurang upaya atau pun orang perlu untuk diberi pertolongan kerana kebajikan, dia boleh memohon atas dasar kebajikan. Bukan atas dasar komersial. Ah! Jadi, kalau dasar kebajikan kita beri. Umpamanya jika tanah premium itu untuk perniagaan tetapi yang digunakan oleh sebuah pertubuhan untuk keuntungan itu diberikan kepada masyarakat semua, Kerajaan Negeri memberikan premium RM1 maknanya Kerajaan Negeri membagi premium untuk kebajikan berbeza dengan untuk komersial. Itu dia.

Y.B. PUAN TEW WAY KENG: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Permatang.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Terima kasih Tuan Speaker. Saya hendak merujuk kepada jawapan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar mengenai bayaran, katakan seseorang yang diberi tawaran itu mengambil pilihan yang kedua membayar premium secara nominal RM 1,000.00 dan akan dikenakan bayaran khas apabila ada buat pindah milik, Betul ya! Itu dari segi *table* itu. Saya hendak bertanya dalam satu kes ini contohnya macam di mukim Ijok lah dalam kawasan Yang Amat Berhormat dulu. Seorang ini katakan, dia telah menerima tawaran mendapat pemilikan tiga ekar tanah lebih kurang dengan kadar premium yang diberi kepada beliau ialah sebanyak RM 1,072,589.00 ini memang tawaran sebenar. RM1,072,589.00. Jadi, dia mengambil pilihan membayar nominal RM1,000.00. Jadi, di sini ada disebut akan dikenakan bayaran khas sekiranya berlaku pindah milik. Apakah pada pindah milik itu akan mengambil kira kadar RM RM1,072.00 ini atau ada kadar lain *discounted* contohnya dengan izin pada waktu pindah milik berkenaan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Kita hanya, ini konsep kebajikan, saya hendak terangkan konsep yang kita gunakan. Iaitu oleh kerana dia kata dia dah duduk di situ dan bertujuan untuk menduduki tempat tersebut, kerajaan memberikan premium yang selesa iaitu RM 1,000.00. Walau bagaimanapun, apabila dia menjual tanah tersebut. Tujuan menjual tanah tersebut ialah untuk mendapat keuntungan. Jadi, apa yang kerajaan akan lakukan ialah apabila dia hendak tukar nama dia akan dikenakan premium dengan berasaskan dengan harga jualan yang dibuat. Dan, ditolak RM 1,000.00 yang dia dah bayar dulu. Tapi, kalau dia hendak bagi tanah ini atas nama anak dia atau pun harta pusaka premium tidak dikenakan lagi.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Soalan Tambahan.

TUAN SPEAKER: Taman Templer.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Tuan Pengerusi. Soalan saya 109.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI ZAIDY BIN HAJI ABDUL TALIB
(TAMAN TEMPLER)**

**TAJUK : PERMASALAH DAN KEBERKESANAN PENGURUSAN JOIN
MANAGEMENT BODY (JMB)**

109. Banyak kedapatan rumah pangsa yang tidak berjaya diuruskan dengan baik oleh JMB, lantaran kerana kelemahan pengurusan JMB itu sendiri, dalam masa yang sama keadaan ini memberi imej yang negatif kepada Kerajaan Negeri Selangor secara langsung:-

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar.

- a) Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan Negeri Selangor, dan sejauh manakah keberkesanannya dalam menangani permasalahan ini?
- b) Apakah perancangan selanjutnya dan jangka masa bagi mengatasi masalah ini?

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Salam sejahtera. Bismillahir Rahmanir Rahim. Saya terus menjawab Tuan Speaker iaitu langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menangani isu kelemahan pengurusan Badan Pengurusan Bersama atau pun (JMB) Joint Management Body adalah seperti berikut:*

- i) Menjadi *mediator* melalui Jawatankuasa Pemudah Isu-Isu Hartanah Bertingkat atau (PRIHATIN). Ini bertindak sebagai satu tribunal bersama penglibatan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), Ahli Majlis dan juga Unit Pesuruhjaya Bangunan Pihak Berkuasa Tempatan untuk menyelesaikan isu-isu kelemahan dan pengurusan JMB. Ianya bertindak sebagai satu badan atau pun sebagai satu forum di mana dengan izin sebab sebarang *dispute* dapat kita selesaikan.
- ii) Mengeluarkan arahan kepada Pesuruhjaya Bangunan atau pun COB supaya melantik agen pengurusan untuk pelaksanaan tindakan-tindakan berikut.
 - Untuk melaksanakan fungsi JMB yang gagal dilaksanakan seperti mengadakan mesyuarat agung, mengaudit akaun dan lain-lain yang diperuntukkan Akta-akta Bangunan Dan Harta Bersama atau pun dikenali sebagai Akta 663 yang sekarang ini telah ditukar kepada Akta yang baru.

- Mengambil alih pengurusan dan penyenggaraan pangsapuri sekiranya JMB tidak bekerjasama dengan COB untuk membuat tindakan pembetulan memperbaiki kelemahan pengurusan mereka dengan ejen yang dilantik oleh Pesuruhjaya Bangunan

Maka oleh itu, kelemahan pengurusan JMB dapat ditangani secara berkesan dengan pelaksanaan tindakan pembetulan atau pun pengambilalihan pengurusan dan penyenggaraan pangsapuri oleh ahli jawatankuasa pengurusan (JMC) yang baru atau ejen pengurusan yang dilantik oleh Pesuruhjaya Bangunan

Untuk sesi atau pun penggal ini atau pun selepas 2013, 2014, Kerajaan Negeri merancang beberapa perkara:-

- (i) Kita akan mengadakan kursus yang bersepadu, untuk semua JMB atau pun JMC atau pun MC di mana kursus ini adalah untuk mendidik atau pun memberikan panduan kepada JMB dan JMC. Kita akan mengadakan satu kursus yang bersepadu di mana seluruh Negeri Selangor ada silibus yang sama di mana setiap PBT ada kursus yang berjadual supaya setiap JMB atau setiap JMC ini sekurang-kurangnya telah melalui dua kursus dalam masa setahun.
- (ii) Adalah untuk kita seperti mana yang telah jawab adalah untuk kita menambah atau kita hendak mengukuhkan struktur organisasi COB atau Pesuruhjaya Bangunan itu dengan menambah akan pegawai-pegawai. Di mana di dalam dialog bajet pada tahun ini di mana Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar telah sendiri menyatakan bahawa kita akan menambah akan kakitangan-kakitangan COB tersebut. Selain daripada itu kita telah mengadakan kempen-kempen di mana terkini adalah kempen kita untuk memastikan bahawa penduduk kediaman berstrata ini diberdayakan. Terima kasih.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Soalan Tambahan Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Ah! Saya bagi Taman Templer dulu.

Y.B. TUAN ZAI DY BIN ABDUL TALIB: Antara permasalahan utama adalah peratusan kutipan daripada pembeli yang rendah. Jadi, apakah mungkin pandangan kerajaan tentang perkara ini. Begitu juga berkenaan dengan jawatankuasa atau pun JMB itu sendiri yang bekerja secara suka rela. Adakah sebarang perancangan untuk memberikan insentif dan sebagainya.

Y.B. TUAN ISKANNDAR BIN ABDUL SAMAD: Terima kasih kepada Taman Templer. Sepanjang lima tahun yang lepas apa yang telah kita lakukan adalah kita

adakan kempen. Kempen yang bersungguh-sungguh di bawah kempen Pangsapuri Kita Bersih, CERIA dan Harmoni. Di mana kempen itu menggalakkan penduduk atau pun pemilik untuk membayar *maintenance fees* mereka atau yuran pengurusan mereka. Tetapi kempen ini ada had. Iaitu selepas tahun 2012 atau pun pada tahun 2012 itulah hadnya di mana kita telah memikirkan untuk mengambil tindakan atau dengan lebih tepat kita membantu akan JMC untuk mengambil tindakan ke atas mereka yang tidak membayar akan *maintenance fees* dengan izin. Jadi, apa yang kita telah lakukan, ialah kita bantu mereka JMC untuk membawa pihak yang terlibat ini ke mahkamah. Dan setakat ini lebih kurang, lebih daripada 700 kes telah dihantar notis ah! Untuk disaman, didakwa di mahkamah dan *Alhamdulillah* apabila kita keluarkan notis tersebut maka ramai yang telah kembali, atau pun yang datang telah bersetuju untuk membayar atau nak, orang kata *settle out of courts* lah dengan izin. Dan juga *effects* dan kesannya di mana kita mengambil keputusan untuk membantu JMC untuk mendakwa terdapat pihak-pihak JMC yang telah menampal *paper cutting* arahan daripada kerajaan negeri, keputusan daripada Kerajaan Negeri itu di pangsapuri-pangsapuri mereka, apabila ini dibuat ramai yang hendak datang ke hadapan terus hendak membayar sebab bimbang akan dibawa ke mahkamah. Tentang imbuhan kepada JMC, ini telah kita fikirkan juga. Tetapi apa yang saya lihat bahawa apa yang boleh dilakukan bukanlah gaji kepada JMC walau pun saya mengakui bahawa Pengerusi JMC itu menjaga jumlah penduduk yang lebih ramai daripada Ketua Kampung. Kadang-kadang hingga tiga ke empat kali ganda lebih daripada Ketua Kampung. Kalau Ketua Kampung ada peruntukan, JMC pun wajar juga ada peruntukan. Apa yang kita buat fasa sebelum ini. Adalah kita wujudkan CERIA, program ceria di mana penduduk di mana JMC boleh mohon untuk baik pulih melalui *fund* CERIA. Kemudian selepas ini, kita ada SEROJA pun ada *funding* untuk mereka lakukan program-program keselamatan. Dan seterusnya, mungkin yang saya akan cadangkan bahawa kita ada *central fund* di mana diwujudkan supaya untuk program-program boleh kita, boleh mereka mohon untuk buat program-program. Yang ini kita akan bincangkan. *Insyallah*. Terima kasih.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Paya Jaras.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN: Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya kepada Yang Berhormat EXCO, apakah tindakan yang akan diambil oleh kerajaan terhadap pegawai-pegawai COB yang nampak macam tidak melaksanakan kerja. Ada satu kes di tempat saya, di Flat Danau Rebong, saya sebut secara spesifik. Saya rasa dah berbuih mulut kita bercakap. Flat yang mempunyai masalah, *backlog*, JMB tidak berfungsi, akaun tidak diaudit. Kita minta COB masuk, sehingga hari ini ada

hesitation dengan izin, untuk masuk menyelesaikan masalah. Soal saya, apakah tindakan kerajaan yang akan diambil kepada Pegawai COB yang tidak melaksanakan tugas.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Seperti biasa Yang Berhormat kepada mana-mana pegawai atau kakitangan kerajaan yang tidak melaksanakan tugas mestilah ada tindakan. Tetapi, saya memahami, bukan saya hendak menyebelahi COB, tetapi COB ini dalam satu PBT mungkin ada kurang daripada 10 orang. Kerjanya terlampau berat, sebab ada terlampau banyak akan isu-isu, rumah pangsa atau pun JMC yang terpaksa mereka turun. COB ini adalah pegawai-pegawai, kakitangan COB ini kebanyakannya kerjanya tujuh hari seminggu untuk turun. Malam pun kena turun untuk memberi kaunseling kepada JMC dan kena maki dan macam-macam. Tapi, itu sebab, apa yang kerajaan negeri hendak buat, kita kena tambah kakitangan COB ini. Perlu tambah dilipat gali gandakan. Sebab yang dalam dialog bajet itu, pihak Yang Berhormat Dato' Menteri Besar memahami dia kata kita kena tambah lagi. Memang kita akan tambah. *Insyallah*. Sebab *work load* dia terlampau, terlampau tinggi. Jadi, kalau untuk menjawab soalan. Kalau betul-betul tak buat kerja atau pun tak ambil tindakan, ah! Kerajaan negeri akan ambil tindakan ke atas pegawai yang tidak melakukan melaksanakan tanggungjawab mereka. Tapi, melalui dialog saya, pertemuan saya selalu dengan COB-COB memang kerja mereka ini terlalu berat dan perlu sokongan yang lebih lagi daripada semua pihak dan kita akan lakukan dengan, *Insyallah* kita akan menambah lagi jumlah kakitangan COB. Terima kasih.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Soalan tambahan Puan Speaker.

TUAN SPEAKER: Rawang.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Rawang ingin bertanya, saya bersetuju dengan langkah-langkah untuk kerajaan negeri memperkasakan COB sebab saya ambil pengalaman saya di Rawang. Memang mereka turun bersama dengan kita siang malam untuk dialog untuk jumpa dengan penduduk. Soalan saya mengikut Y.B. Cempaka bahawa satu akta baru yang akan dilaksanakan. Saya ingin tahu bila tarikh berkuat kuasa yang mana COB boleh lantik seorang agen untuk ambil alih dan sekiranya dua kali mesyuarat diadakan tidak berjaya dan ini akan diletakkan di bawah bidang kuasa PBT dan sudah tentunya akan satu tanggungan dan kos kepada PBT juga sebab kita faham sebab kos untuk pengurusan dan *maintenance* dengan izin dan sebagainya telah meningkat tetapi hasil PBT mungkin terhad. Jadi ada tak kerajaan negeri akan wujudkan satu geran ataupun satu bentuk subsidi kepada semua PBT yang terlibat dalam pengurusan ini.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Terima kasih Yang Berhormat. Berkenaan dengan akta tersebut akta itu telah diwartakan pada bulan Februari tahun ini. Tetapi ianya Akta 757 telah diwartakan pada bulan Februari tetapi ianya tidak dilaksanakan mungkin memerlukan masa untuk bagi kefahaman sebab perkara ini amat rumit sekali. Dan saya difahamkan bahawa ianya akan di kuat kuasa pada 1 Januari. Itu sebab saya nak jumpa dengan Menteri, dah tiga Menteri dah saya tulis surat sekali pun tak jawab surat saya. Kalau ada pihak pembangkang yang ada *link* dengan Menteri Perumahan tolong beritahulah, kali ini, kalau boleh saya nak jumpa dengan Menteri kita, banyak isu kita nak bincang di peringkat persekutuan. Untuk soalan tersebut memang ianya satu kemungkinan besar 1 Januari akan dilaksanakan. Berkenaan dengan kuasa COB untuk melantik agen sekiranya dua kali tidak dapat mengadakan mesyuarat, yang itu sebenarnya sebelum ini sudah ada peruntukkan. Peruntukan memang beban itu akan kembali kepada COB untuk melantik agen kepada PBT. Dan selalu nya tempat yang tidak boleh buat mesyuarat adalah tempat yang agen pun tak mahu masuk untuk mengendalikan. Itu Sebab kita mencadangkan ada satu *proposal* di mana saya dah beritahu sebelum ini bahawa kita sekalikanlah beberapa kemajuan *because economies of skill* yang jadi lebih murah untuk tadbirkan kawasan tersebut. Berhubung dengan geran *insya-Allah* benda itu selepas ceria seroja ada lagi penambahbaikan yang kita akan fikir sebab perlu kita ingat bahawa hampir 2 juta penduduk negeri Selangor yang duduk di perumahan seranta. Kerajaan Negeri akan melihat dan mengkaji tindakan-tindakan selanjutnya, *insya-Allah*. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masa telah menunjukkan jam 11.30 pagi dengan ini saya menangguhkan sesi pertanyaan untuk urusan seterusnya.

SETIAUSAHA DEWAN: Aturan urusan mesyuarat seterusnya Rang Undang-undang Peruntukkan Diraja Pindaan 2013. Rang Undang-undang ini bernama suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Peruntukkan Diraja 1959.

Y.A.B. DATO MENTERI BESAR: Tuan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Enakmen Peruntukkan Diraja Pindaan (2) 2012 perlu dipinda di bawah peruntukan-peruntukan bagi kelas III, kelas IV dan kelas VI. Bagi kelas III peruntukkan telah bertambah dari RM5,790,096.02 sen kepada RM6,033,506.21 sen ialah pertambahan sebanyak RM243,410.19 tambahan ini adalah tujuan untuk perbelanjaan emolumen bagi kakitangan istana. Bagi kelas IV peruntukkan telah bertambah daripada RM11,644,495.00 kepada RM13,283,745.00 iaitu pertambahan sebanyak RM1,639,250.00. Pertambahan ini adalah untuk perbelanjaan istana. Bagi kelas VI peruntukkan telah bertambah daripada 186,000.00 kepada RM217,170.00 ialah pertambahan sebanyak RM31,170.00. Tambahan ini adalah bertujuan untuk perbelanjaan elaun tetap Duli Yang Maha Mulia Raja Muda.

PENCADANG: Tuan Speaker dan Ahli-ahli yang Berhormat sekalian, dengan penjelasan tadi saya dengan ini mencadang supaya satu Rang Undang-undang bernama Enakmen Diraja Pindaan 2013 dibacakan kali yang kedua.

PENYOKONG: Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat cadangan ini telah disokong. Saya kemukakan Rang Undang-undang ini untuk dibahaskan.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, cadangan di hadapan dewan ini ialah bahawa Rang Undang-undang ini hendaklah dibacakan kali yang kedua sekarang.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**. **Dipersetujui**

SETIAUSAHA DEWAN: Rang Undang-undang ini bernama suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Peruntukkan DiRaja 1959.

Y.A.B. DATO MENTERI BESAR: Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan supaya dewan ini bersidang sebagai jawatankuasa untuk menimbangkan Rang Undang-undang ini fasal demi fasal.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Tuan Speaker saya menyokong.

TUAN SPEAKER: Dewan bersidang sebagai jawatankuasa.

SETIAUSAHA DEWAN: Fasal 1.

TUAN SPEAKER: Fasal 1 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**. **Dipersetujui**

SETIAUSAHA DEWAN: Fasal 2.

TUAN SPEAKER: Fasal 2 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**. **Dipersetujui**.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Tuan Pengerusi saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini seperti yang telah diperbincangkan dan dipersetujui, dimaklumkan kepada dewan sekarang.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Tuan Pengerusi saya menyokong.

TUAN SPEAKER: Dewan bersidang semula.

PENCADANG: Tuan Speaker, saya mohon memaklumkan dewan ini bahawa Rang Undang-undang ini telah dipertimbangkan dalam jawatankuasa dan telah dipersetujui. Oleh itu saya mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini dibaca kali yang Ketiga dan diluluskan sekarang.

PENYOKONG: Tuan Speaker saya menyokong.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, cadangan yang di hadapan dewan adalah Rang Undang-undang ini yang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan ini sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**. **Dipersetujui**

SETIAUSAHA DEWAN: Rang Undang-undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Peruntukkan Diraja (Pindaan) 2013.

Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya.

Rang Undang-undang Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri (Saraan) (Pindaan) 2013.

Rang Undang-undang ini bernama suatu enakmen meminda Enakmen Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri (Saraan) 1959.

PENCADANG: Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Enakmen Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri Selangor (Saraan) 1959 perlu dipinda di bahagian jadual yang memperuntukkan elaun-elaun dan kemudahan bagi Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan Ahli-ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor. Bagi elaun tetap kadar baru yang dicadangkan ialah RM3,000.00 bagi Pengerusi, RM2,300.00 bagi Timbalan Pengerusi dan RM2,000.00 bagi ahli-ahli lain. Bagi elaun perumahan kadar baru dicadangkan adalah RM700.00 bagi Pengerusi dan RM400.00 bagi Timbalan

Pengerusi dan ahli-ahli. Bagi elaun mesyuarat kadar baru yang dicadangkan adalah RM150.00 bagi Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan ahli-ahli tertakluk kepada jumlah maksimum RM1,200.00 sebulan bagi Pengerusi dan RM750.00 sebulan bagi Timbalan Pengerusi dan ahli-ahli. Elaun baru yang dicadangkan adalah elaun temu duga yang berjumlah RM50.00 setiap sesi bagi Pengerusi dan Timbalan Pengerusi dan ahli-ahli. Kelayakan kemudahan bagi Timbalan Pengerusi dan ahli-ahli juga dinaikkan kepada kelayakan Gred 54 berbanding dengan Gred 41 ketika ini. Kenaikan kadar elaun dan kemudahan bagi Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan ahli-ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor. Ini adalah sesuatu yang sangat munasabah dan berpatutan bagi menghargai khidmat yang telah mereka berikan memandangkan kali terakhir kajian semula dibuat adalah pada tahun 2001 dan sepanjang tempoh antara 2001 hingga 2013 para penjawat awam telah memperolehi kenaikan gaji sebanyak tiga kali.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, dengan penjelasan tadi saya dengan ini mencadangkan supaya satu Rang Undang-undang bernama Enakmen Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri (Saraan) (Pindaan) 2013 dibaca kali yang kedua.

Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri Saraan Pindaan 2013 dibaca kali yang kedua.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Tuan Speaker saya menyokong.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat cadangan ini telah pun disokong saya kemukakan rang undang-undang ini untuk dibahaskan. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian sekarang cadangan di hadapan dewan bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN: Rang undang-undang ini bernama suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri Saraan 1959.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Tuan Speaker saya mohon mencadangkan supaya dewan ini bersidang sebagai Jawatankuasa untuk menimbangkan rang undang-undang ini fasal demi fasal.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Tuan Pengerusi saya menyokong.

TUAN PENERUSI: Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

SETIAUSAHA DEWAN: Fasal satu.

TUAN Pengerusi: Fasal satu menjadi sebahagian daripada rang undang-undang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN: Fasal dua.

TUAN Pengerusi: Fasal dua menjadi sebahagian daripada rang undang-undang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Tuan Pengerusi saya mohon mencadangkan supaya rang undang-undang ini seperti yang telah diperbincangkan dan dipersetujui dimaklumkan kepada dewan sekarang.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Tuan Pengerusi saya menyokong.

TUAN SPEAKER: Dewan bersidang semula.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Tuan Speaker saya mohon memaklumkan dewan ini bahawa rang undang-undang ini telah dipertimbangkan dalam jawatankuasa dan telah dipersetujui. Oleh itu saya mencadangkan supaya rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Tuan Speaker saya menyokong.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat cadangan di hadapan dewan ini ialah rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan ini sila kata ya. Ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN: Rang undang-undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri Saraan Pindaan 2013. Aturan urusan mesyuarat seterusnya rang undang-undang Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Negeri Saraan Pindaan 2013 di semua peringkat. Rang undang-undang ini bernama suatu Enakmen Untuk Meminda Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Negeri Saraan 1980.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Tuan Speaker dan oleh sebab Rang Undang-undang ini perlu dan mustahak diluluskan pada hari ini juga saya mencadangkan di bawah Peraturan Tetap 78 supaya ditangguhkan peraturan tetap 48 dan 53 bagi membolehkan rang undang-undang ini dibacakan pada semua peringkat dan seterusnya diluluskan

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Tuan Speaker saya menyokong.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian usul ini telah pun disokong saya kemukakan untuk mendapat keputusan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Usul ini dipersetujui.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Tuan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang telah bermesyuarat pada 22 November 2013 yang lalu telah bersetuju untuk mengemukakan pindaan kepada Enakmen di atas untuk memberi kenaikan gaji dan elaun kepada Anggota-anggota Pentadbiran Kerajaan Negeri, Speaker dan Timbalan Speaker serta Ahli Dewan Negeri Selangor berdasarkan formula 75% daripada elaun dan gaji yang diterima oleh Ahli Dewan Negeri dan Anggota Pentadbiran Negeri Sarawak. Enakmen Pentadbiran Dewan Negeri Sarawak 1980 telah dipinda pada 2005 apabila dewan ini bersidang tahun tersebut dan telah meluluskan pelaksanaan saraan berupa gaji dan elaun sebanyak 10% kepada Anggota-anggota Pentadbiran. Speaker, Timbalan Speaker serta Ahli Dewan Negeri selaras dengan keputusan Parlimen yang telah meluluskan pelarasan tersebut kepada anggota pentadbiran Persekutuan, Ahli Dewan Negara dan Ahli Dewan Rakyat. Pelarasan 10% adalah seperti berikut. Saraan Ahli Dewan Negeri dipinda dari RM3,738.90 kepada RM4,112.79 sebulan, saraan bagi Tuan Speaker dipinda dari RM5,553.90 kepada RM6,109.29, saraan bagi Timbalan Speaker dipinda dari RM3,000.25 kepada RM3,327.50, gaji bagi Menteri Besar dipinda dari 12, 886.50 kepada RM14,175.15 manakala gaji Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri dipinda daripada RM5,553.90 kepada RM6,109.29. Kenaikan tersebut berkuat kuasa secara kebelakangan iaitu 1 Januari 2004. Manakala pada tahun 2011 Enakmen ini sekali lagi dipinda dengan hanya memberi kenaikan elaun Ahli Dewan Negeri yang telah dibentangkan dan diluluskan pada mesyuarat pertama pembukaan penggal keempat Dewan Negeri Selangor Ke 12 itu berupa kenaikan dari RM4,112.79 kepada RM6,000.00 iaitu sebanyak 46% kenaikan tersebut berkuat kuasa 1 Januari 2011. Untuk kali ini cadangan pindaan saraan gaji dan elaun bulan Anggota-anggota Pentadbiran, Speaker, Timbalan Speaker serta Ahli Dewan Negeri berdasarkan kepada beban tugas yang dipikul tanpa mengira waktu oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian serta keberkesanan pembaharuan telah dilaksanakan oleh menentukan Badan

Eksekutif Negeri Selangor yang dinyatakan di sini. Di atas melaksanakan keberkesanan dan tanggungjawab iaitu antara lain menunjukkan hasil pendapatan negeri dan terus meningkat di samping itu pertimbangan sewajarnya telah diambil atas desakan dan permintaan yang bertalu-talu oleh Yang Berhormat Ahli Dewan Negeri sekalian dan di atas keprihatinan pindaan saraan yang dilaksanakan. Oleh itu peruntukan di bawah seksyen 3.4 dan 4A serta sub seksyen 6 (1)(a) dan 6(1) (c) dan telah dipinda supaya pembayaran boleh dibuat di bawah seksyen tersebut mulai 1 Januari 2014. Melalui rang undang-undang ini saraan Ahli Dewan Negeri di bawah seksyen 3 dipinda dari RM6,000.00 kepada RM11,250.00 ataupun kenaikan 87%. Saraan bagi Tuan Speaker dinaikkan di bawah seksyen 4 dipinda daripada RM6,109.29 kepada RM22,500.00 iaitu kenaikan 368%. Saraan kepada Timbalan Speaker di bawah seksyen 4a dari RM3,327.50 kepada RM15,750.00 ialah kenaikan sebanyak 373.5%. Pindaan di bawah sub seksyen 1a dan c juga meminda saraan anggota pentadbiran negeri ini dengan pindaan ini gaji bagi Menteri Besar dipinda dari RM14,175.15 kepada RM29,250.00 iaitu kenaikan sebanyak 106.4% manakala gaji Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri dipinda dari RM6,109.29 kepada RM20,250.00 iaitu kenaikan 321.5%. Pindaan dan kenaikan gaji elaun ini akan mula berkuat kuasa pada 1hb Januari 2014.

Tuan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat implikasi kewangan bagi pembayaran elaun dan gaji anggota pentadbiran Speaker, Timbalan Speaker Dewan Negeri jika diluluskan akan melibatkan peruntukan RM10,800,000.00 setahun iaitu RM5,751,541.92 pada tahun 2014. Tuan Speaker dengan ini saya mencadangkan satu rang undang-undang yang bernama satu Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Negeri Saraan (pindaan) 2013 dibaca kali yang kedua.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Tuan Speaker saya menyokong.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian cadangan ini telah pun disokong sekarang saya kemukakan rang undang-undang ini untuk dibahaskan. Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Tuan Timbalan Speaker Sekinchan bangun di dalam dewan yang mulia ini ingin mengambil bahagian dalam perbahasan rang undang-undang Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Negeri Saraan pindaan 2013 ini. Tuan Timbalan Speaker seperti apa kita sedia maklum bahawa dewan yang mulia ini selepas 2005 satu penyelarasan berlaku pada 2005 dan dikuatkuasakan 2004 saya kira setelah saya kira sampai sekarang sudah hampir 9 tahun masih berlalu dengan cepat. Saya ingat segar dalam ingatan saya juga kerana ketika itu Tuan Timbalan Speaker duduk di sebelah sana jadi saya masih segar dalam ingatan memori saya ketika itu saya masih pembangkang dan masa itu bersama rakan seperjuangan saya

Yang Berhormat Sungai Pinang, dia Ketua Pembangkang. Ketika itu saya nak nyatakan di dalam dewan ini ketika itu Pembangkang teruk, layanan diberikan teruk, elaun pun tidak ada untuk Ketua Pembangkang. Berbeza dengan sekarang, sekarang kita suburkan demokrasi Ketua Pembangkang kita bagi elaun dan beri pengiktirafan tiada dewan negeri yang buat seperti ini melainkan Negeri Selangor peneraju dewan negeri. Ini dia yang saya nampak, ketika itu saya ingin sebut sekali lagi berlaku berbagai-bagai insiden, ketika itu saya hairan, waktu itu walau hanya setakat RM4,000.00 sebelum penyelarasan RM3,000.00 lebih selepas penyelarasan RM4,112.79 kami ahli-ahli pembangkang tiada lagi elaun lain.

Cukup susah, tetapi saya tengok waktu itu, kawan, teman-teman saya dari Barisan Nasional mereka pakainya, fuh, dengan jenama yang berlain-lainan dengan *drivernya*, dengan *mercedesnya*, dengan gayanya, jam tangannya. Tapi saya tertanya-tanya dalam, (ketawa) cincinnya. Cincin itu lain ceritalah. Tapi dalam otak saya, pemikiran saya, kenapa mereka dapat hidup dengan begitu mewah. Kami pembangkang apa pun tak ada. Akhirnya jawapan saya dapat. Mereka ketika itu tak hairan dengan elaun. Sebab, mereka adalah Ahli Majlis, mereka adalah berbagai-bagai jawatan dipegang. Dan mereka tidak mengharapkan imbuhan ini. Dan mereka yang pentingnya mereka dapat kontrak di sini, di sana. Dan kemudian saya baru tahu, bukan saja itu, mereka, dapat tanah, sapu tanah, sapu balak, sapu kontrak, sapu pasir. Semuanya dia sapu.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Tuan Pengerusi,

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Ketika itu.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Peraturan tetap.

TUAN SPEAKER: Ya.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Peraturan tetap.

TUAN SPEAKER: Ya, duduk, Sekinchan, peraturan tetap.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Perkara, ini sangkaan jahat ni, Tuan Speaker ni. (ketawa). Ini jahat, Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Mana peraturan. Mana.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Ini saya baru nak baca ni.

TUAN SPEAKER: Baca dulu peraturan tetap mana.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Kena pakai cermin mata, Tuan Speaker. Teropong. Ini sangkaan jahat ni, Sekinchan, tak bagus. Perkara 36 (6), sangkaan jahat. Jadi saya ingat, Sekinchan, jangan la mengata-ngata soal apa ni, mungkin ADUN-ADUN yang dulu ada usaha sendiri, berniaga, jadi tak bolehlah menyangka jahat. Sebab sebahagian ADUN-ADUN itu masih ada dalam Dewan ini lagi. Jadi saya ingat, Tuan Speaker, eloklah Sekinchan buat kenyataan tu.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Tuan Speaker, Peraturan 36 (6) juga. Ia haruslah sangkaan jahat terhadap ahli yang lain. Sekarang ini Permatang masa itu masih lagi belum masuk Dewan lagi. Jadi tak ada sangkaan terhadap

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Sungai Burong ada.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Dia tak hadir sekarang.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Ada, dia dalam Dewan. Kat luar.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Dia tak hadir sekarang. Dia kena hadir la. Dia kena hadir....

TUAN SPEAKER: Duduk, duduk, duduk. Semua Ahli Yang Berhormat, duduk. Ya, jadi ada sebahagian daripada perkara yang disebutkan oleh Sekinchan sebenarnya bukan sangkaan jahat. Sebab memang didapati dalam SELCAT, dan sebagainya. Malah keputusan mahkamah semua pun ada keputusan tersebut. Jadi bagi secara umumnya bukanlah sangkaan jahat, tapi mungkin Sekinchan tak perlulah habiskan terlalu banyak masa dalam perkara-perkara tersebut.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih. Saya kena, ini baru mukadimah. Asal usul, sejarah kita tidak boleh dipadam. Dan Timbalan Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin mengatakan sejarah itu penting. Jadi kita tidak boleh padam sejarah. Yang saya nyatakan tadi itu adalah sejarah. Dan saya pernah bangkitkan dalam Dewan ini skandal sapu tanah satu Malaysia. Dan tanah-tanah di sapu oleh mereka. Ini kenyataan, jadi saya tidak mahu panjang dalam soal ini. Tapi siapa yang makan cili, dia rasa pedas. Ini saja. Seterusnya saya juga mengatakan ketika itu, perbahasan Dewan ini tidak seperti sekarang, rancak. Tidak seperti sekarang, sekarang, penggal yang lepas, Pakatan Rakyat meneraju, 2008, kita buat perubahan pembaharuan di Dewan ini. Perbahasan, waktu untuk perbahasan pembangkang tidak terhad. Tidak terhad. Dulu Sungai Pinang, Ketua Pembangkang, setengah jam paling

banyak, setengah jam, itu pun dah disediakan lima enam orang untuk melawan. Untuk supaya tidak cakap panjang. Supaya dia tidak boleh berbahas panjang. Ini ketika zaman jahiliah dulu. (ketawa) Ha, zaman jahiliah. Dengan izin, zaman jahiliah maksudnya zaman kegelapan. Zaman kegelapan, (bahasa cina) kegelapan, dengan izin. Jadi saya nak bagi tau itu. Dan saya sebagai timbalan

TUAN SPEAKER: Ya, Sungai Burong minta mencelah.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Mencelah.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Boleh terangkan tak apa maksud jahiliah, kegelapan. Sebab jahiliah kegelapan ini, satu, orang kata, satu istilah yang amat buruk. Bila orang jahiliah, kalau digambarkan pada zaman kegelapan, kalau zamanlah, zaman, orang kata kerajaan jahiliah Arab, ya, itu orang yang terlalu kejam, menindas, membunuh, membunuh bayi dan sebagainya. Tapi di sini mana ada dalam Dewan Undangan Negeri, Sekinchan hari itu, orang kata ditindas dengan kejam. Tak ada, cuma debat perbahasan. Jadi janganlah sampai timbul sangkaan jahat, tadi ya. Terlalu banyak, ya. Orang akan tengok, betul tak benda itu, sebab benda ini bukan ada, orang kata, orang jahiliah tu. Kejahilan itu.

TUAN SPEAKER: Sekinchan.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Saya mintalah, ya, beri penjelasan.

TUAN SPEAKER: Ok, terima kasih, Tuan Timbalan Speaker, dan terima kasih Ketua Pembangkang Sungai Burong, ya. Sebab tadi kita minta dia masuk sebab dia ada ketika itu. Dan saya nak bagi penjelasan tadi. Soal jahiliah zaman kegelapan ini. Dia kata mana ada dulu ada kejam, mana dulu ada zalim. Saya nak bagi satu contoh. Contoh di dalam Dewan yang mulia supaya dia direkodkan. Maksudnya Sekinchan cakap itu bukan ngomong-ngomong saja. Ada asasnya. Pada ketika itu tahun 2005, baru setahun jagung, saya masuk sebagai Ahli Dewan, ketika itu Sungai Pinang dihalau keluar, digantung Dewan, 30 bulan. Walaupun kami berdua saja, dua lawan 54. itu pun digantung 30 bulan. Mana zaman sekarang ada gantung 30 bulan

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Tuan Speaker, minta penjelasan.

TUAN SPEAKER: Ya, Sungai Burong minta mencelah.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Itu jahiliah.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Saya nak minta penjelasan. Lalah kalau digantung tu, macam saya la, diambil tindakan. Mesti ada sebab. Sebabnya kerana melanggar peraturan-peraturan. Bila di bawah peraturan, dibawa kepada Jawatankuasa khas, kemudian tu diberi, diambil tindakan, dibawa ke Dewan. Dirujuk Dewan untuk mengambil tindakan. Macam saya hari itu diambil tindakan juga. Kerana melanggar peraturan. Jadi tentulah....

TUAN SPEAKER: Terima keputusan. Terima keputusanlah.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Terima keputusan itu. (ketawa) Dan jangan nak ungkit-ungkit. Jangan nak ungkit-ungkit ya. Ini dah tahu dulu buat kesalahan, diambil tindakan, kena terima. Lagipun kena bertaubat, terima kasih, Rawang. Kena bertaubat. Hari ini janganlah timbul-timbul, sangkaan jahat. Orang yang nak menjawab tak ada kat sini dah. Jadi, kita terus kepada urusan Dewan. Kepada perkara subjek yang kita tujukan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih Tuan Timbalan Speaker dan terima kasih sahabat saya daripada Sungai Burong. Saya ingin nak bagi tahu, ketika itu memang, ada pencelahan.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Saya nak minta penjelasan daripada Sekinchan, sebab dia saksi pada masa itu. Pada tahun 2005, bila saya digantung 30 bulan. Pada masa itu disebabkan Speaker pada masa itu, tidak membenarkan saya bawa Usul dan saya telah kemukakan notis secukupnya, tapi dia tidak, Speaker yang tidak mengikut peraturan. Sebab itu saya buang buku peraturan, peraturan itu. Tetapi pada masa itu, tak ada, sekarang pun tak jadi kesalahan kalau kita buang buku peraturan. Sebab pada masa saya dah kata, speaker kalau tak menghormati, Speaker kalau dah tak menghormati peraturan maka peraturan itu boleh lah pergi ke tong sampah. Sebab itu dibuang. Sebab masa itu tak ada kesalahan yang telah dilakukan. Saya nak tanya Sekinchan, Sekinchan setuju ke tidak.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih, tuan, terima kasih Timbalan Speaker dan Sungai Pinang. Ya, ketika itu saya saksi, saksi masih hidup. Ha, ini saksi hidup-hidup ini. Ha, saya nampak ketika itu memang usul sudah diberi notis 14 hari, tapi baca pun tidak boleh. Ha, itu, ketika itu. Dan kalau Speaker la seandainya, Speaker la, bukan Speaker sekarang, Speaker sekarang bagus. Speaker dulu. Tan Sri Onn Ismail, tidak membenarkan dan tidak mengikut peraturan tetap, apa gunanya peraturan kalau Speaker sendiri tidak menghormati ketika itu. Dan saya nak jawab balik, apa yang Sungai Burong kata sekarang kita akur, pada peraturan mesyuarat. Kita akur. Saya nak bagi tau, yang berlaku di Parlimen baru-baru ini, di mana Yang Berhormat Bagan Serai,

Surendran, digantung setengah tahun tanpa dirujuk ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan. Apa ini keadilan, ini zaman Barisan Nasional. Itulah saya kata jahiliah. Semalam,

TUAN SPEAKER: Sekinchan, ni Batu Caves nak mencelah.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Batu Caves, ok.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Terima kasih, Sekinchan. Saya cuma nak tambah berdasarkan daripada laporan sejarah dan laporan *hansard* yang saya baca. Daripada kes yang melibatkan sungai Pinang satu ketika dulu, kes yang melibatkan kezaliman yang saya kira ialah kes penghakiman dan penghukuman dua kali yang tidak boleh berlaku dalam mana-mana mahkamah. Beliau telah digantung dalam sekian waktu, tetapi selepas beliau kembali, beliau tidak memohon maaf sebagai mana yang dikeluarkan oleh Dewan. Dan dalam satu kesalahan, beliau dihukum lagi, 6 bulan, bagi saya, aspek kezaliman itu ialah penghakiman dua kali, hukuman dua kali ke atas satu kesalahan yang mungkin dilakukan pada taksiran oleh Speaker pada ketika itu. Itu yang saya lihat ada satu kezaliman yang patut diakui oleh sejarah. Terima kasih.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Ya, terima kasih, Batu Caves, kerana mengingatkan, teliti secara teliti, kisah benar waktu lampau dulu. Ini dalam sejarah. Hari ini dalam sejarah. Sebab pentingnya sejarah, kenapa kita kalau buka radio, radio RTM ke, rehat tunggu apa, tak tau la. RTM selalunya mengatakan, mengingatkan kita, Hari Ini Dalam sejarah. Jadi dalam Dewan yang mulia ini, juga saya ungkitkan ini sejarah, sebelum saya ke *detail*, untuk perbahasan seterusnya. Dan saya mengatakan Surendran, digantung tanpa dirujuk ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan. Kalau dia salah pun, kena ada *judgement*, ada *judgement* daripada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan, bukan terus gantung. Ini satu kezaliman, saya buktikan. Yang kedua, semalam berlaku. Di mana, di Sarawak. Di Sarawak dan Pahang. Di mana ketua pembangkang Sarawak, Yang Berhormat Taman Seri Sentosa, digantung, digantung tanpa ada waktunya. Tanpa waktu. Mana boleh gantung, hari itu pun Ketua Pembangkang degil, dia tak dengar arahan. Tak nak duduk, tak nak duduk. Kita gantung sekadar satu hari. Sebab untuk insafkan, betul tak. Ha, itu. Ini Sarawak digantung dengan kesalahan apa. Sebut UMNO. UMNO tak boleh sebut. Sekarang perkataan UMNO ini, alergi, sensitif. Kalau tersebut, boleh terjatuh. Boleh kena gantung tanpa waktu. Ini UMNO. Semalam saya baca berita. Ini yang berlaku. Dan tidak dirujuk ke jawatankuasa Hak dan Kebebasan. Inilah demokrasi yang diamalkan UMNO, Barisan Nasional. Rakyat memantau, rakyat memahami dan rakyat tengok apa yang UMNO lakukan. Jadi kesimpulan saya, zaman jahiliah itu tepat pada ketika dan waktunya. Ha, itu yang saya katakan. Jadi saya juga nak ungkitkan soal, Yang Berhormat Sungai Pinang kena gantung. Kena gantung 30

bulan. Yang zalimnya mana. Akhirnya yang 30 bulan, 18 bulan itu, tanpa elaun. Elaun hari Dewan tidak diberi. Dinafikan hak. Ini bukan zalim, apa lagi. Apa lagi.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Ya, Sungai Burong, minta penjelasan.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Ini soal hukuman, hukuman ini telah diberikan. Saya ingat perkara yang sama juga kena pada Ahli-ahli Pembangkang Barisan Nasional, daripada persidangan yang lepas, yang juga tidak dibayar elaun. Sama juga, apa bezanya kalau hukuman tak ada elaun. Yang ini diperuntukkan di bawah peraturan Dewan. Jadi tak ada masalah kalau dikenakan hukuman. Dalam kes mahkamah, sama ada hukuman katalah, hukuman berat ataupun ringan. Itu terpulang kepada budi bicara mahkamah berkenaan. Jadi tak usahlah dipertikaikan. Sebab ini hukuman yang telah diputuskan.

TUAN SPEAKER: Sungai Burong, saya rasa proses itu yang disebut di sini. Kalau waktu kita gantung, kita rujuk pada Jawatankuasa Hak dan kebebasan, kita ikut prosedur, kita tak ada masalah isu dia. Tapi kalau tidak dirujuk, tidak ikut proses yang ada dalam peraturan tetap yang menjadi rujukan kita, maka itu yang disebut oleh Sekinchan tadi.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Tuan Speaker, yang saya minta penjelasan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Penjelasan dia dah cukup panjang lebar, banyak kali saya bagi dah.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Teruslah kepada subjek. Teruslah kepada perkara.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Sungai Burong nak bahas nanti boleh. Terbuka untuk Sungai Burong. Cukuplah, saya dah bagi banyak dah. Ok. Baguslah ini contoh Pembangkang, bagus. Setelah kena

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Minta penjelasan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Oh, Permatang, ok.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Saya hendak rujuk kepada kes Sungai Pinang, saya rasa dalam sejarah Malaysia dan Parlimen pun belum ada lagi ahli-ahli Parlimen atau ADUN yang baling buku Peraturan Dewan. Sebab ini Peraturan yang kita buat dalam dewan. Ini menunjukkan kemuliaan dewan, jadi satu kesalahan yang sangat berat sebenarnya. Jadi itu sebab, saya ingat itu menyebabkan penghukuman itu dibuat dengan kadar yang wajarlah untuk menginsafkan Sungai Pinang itu.

TUAN SPEAKER: Terima kasih Permatang. Sekinchan tidak perlu jawab. Saya cuma hendak menyebut di sini Peraturan Tetap ini menjadi rujukan kita. Cari balik dalam Peraturan Tetap membuang buku Peraturan Tetap dalam tong sampah itu tidak menjadi sebarang kesalahan tetapi Peraturan Tetap tidak diikuti iaitu yang membuatkan waktu itu anggota Sungai Pinang membuangnya dalam bakul sampah, saya rasa tidak perlu Sekinchan jawab. Sekinchan terus, saya ingat orang semua hendak fokus kepada isu naik elaun ini.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Kerana kita memang tahu untuk merenungi sejarah masa silam ini memang pahit untuk dikenang, pahit untuk dikenang. Ini betul. Sungai Burong sudah tahu perkara dulu dia lakukan, geng-geng dia tahulah, memang pahit untuk ditelan. Itu tidak ada, itu lain (ketawa) jadi saya hendak bagi tahu Tuan Timbalan Speaker dan soal elaun tidak dibayar dan tidak dinafikan hak itu, sepatutnya tidak berlaku dalam dewan negeri ini. Jadi saya minta semak Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, kena semak yang mana-mana ADUN dahulu, kesalahan di bawah jawatankuasa khas dan sebagainya, elaun yang digantung itu, yang tidak dibayar, suruh bayar balik, ini baru betul. Ini pilihan rakyat, walaupun mereka buat salah di sini tapi rakyat yang memilih. Jadi elaun, tidak boleh dinafikan. Sama ada Sungai Pinang ke, pembangkang dulu, ADUN yang kena gantung, semua kena bayar, rujuk balik. Kira balik. Ini kita mampu bayar, jangan kita jadikan rekod ini, sejarah ini boleh diputihkan sebab ini benda salah laku kita perbetulkan. Ini saya nyatakan dalam Dewan Yang Mulia ini. Seterusnya, saya juga ingin masuk dalam konteks bagaimana, kenapa kita ada semakan dan ada penyelarasan kali ini. Kerana berbeza pentadbiran Pakatan Rakyat dengan Barisan Nasional. Barisan Nasional dulu dan sekarang, dengan Pakatan Rakyat sekarang memang lain. Prestasi ahli-ahli dewan juga lain. Saya bagi contoh, ahli-ahli dewan sekarang. Satu, sidang sekali setahun saya telah kira, saya kira lebih 23 hari atau 25 hari. Mana pernah dulu berlaku. Ini begitu proaktif setiap hari ada dewan di Dewan Yang Mulia ini. Dan, proses mesyuarat itu daripada Jawatankuasa semalam saya teliti besar bajet dari belanjawan ini. Di peringkat Jawatankuasa bekalan pun kita menghabiskan dua (2) hari lebih, dua hari setengah nampak, tiga hari, dua harilah! Bekalan kita lulus.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Mohon penjelasan.

TIMBALAN SPEAKER: Kampung Tunku, minta penjelasan.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Dulu saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Sekinchan, pernahkah dalam peringkat berbahasan, dalam jawatankuasa ini kita boleh berbahas sampai dua (2) hari, dulu ada tidak?

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih Kampung Tunku rakan saya yang bijaksana. Memang dulu saya sebagai pembangkang pada tahun 2004, zaman Barisan Nasional, zaman Dr. Khir Toyo, peringkat jawatankuasa setengah jam, selesai masalah. Sebab mereka sibuk hendak pergi main golf, ini betul, kenyataan, mereka bisik-bisik dengan saya. Ramai Ahli-ahli Dewan bisik dengan saya 'buat apa buang masa dekat dewan. kita hendak jaga golf' kononnyalah! Ini yang berlaku. Tapi tidak apa itu dulu. Sekarang kita proaktif, kerana kita prihatin dan kita ambil berat setiap perbelanjaan yang diguna pakai ini. Daripada satu Kepala B-1, B-2 dan B-3.

TUAN SPEAKER: Pembangkang sekarang pun bagus juga?

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Sekarang pembangkang, tidak termasuk Dengkil. Dengkil ini, ada harapan, potensi dia bagus sikit. Dia mengikuti. Dan Permatang, walaupun penggal lepas, tapi sekarang sudah matang lebih sikit ada juga peranannya. Tapi kalau Dengkil itu bagus, tapi kalau masuk PR lagi bagus. Pakatan Rakyat kita bekerjasamalah!

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Boleh mencelah sekejap, Mencelah saja.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Mencelah juga.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Saya, Timbalan Speaker, dengar ucapan ini bagus sebab hendak sokong gaji tapi saya hendak ingatkan ucapan Menteri Besar ini, muka surat 66 ini, dalam masa bahas dewan baru-baru ini, masa bentang bajet baru-baru ini. Di sini disebut, boleh ya Tuan Pengerusi, Tuan Speaker? "Walau bagaimanapun sebarang kenaikan gaji dan elaun Ahli Dewan hanya boleh dilaksanakan sekiranya kesemuanya Ahli Dewan bersetuju terhadap usul tersebut." Jadi kalau kutuk kami lebih, nanti kami tidak setuju. Sekinchan kena ingat ini, Dato' Menteri Besar. Ini sama-sama rugi. Saya ingatkan Sekinchan, jangan lebih-lebih, sikit-sikit tidak apa. Jangan lebih-lebih sangat Sekinchan. Sikit sudah.

TIMBALAN SPEAKER: Jaga-jaga Sekinchan.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Nanti kami minta, berbelah bagi nanti.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Ok, Tuan Timbalan Speaker dan terima kasih Permatang yang mengingatkan saya. Tapi saya sudah dapat persetujuan pada hari itu dalam penggulungan ya, belanjawan di mana saya telah tanya, saya telah tanya seluruhnya Ahli-ahli Dewan termasuk Pakatan Rakyat dan juga pembangkang. Mereka bukan sahaja setuju, ketuk meja lagi, ada yang nak naik meja pun ada. Tak pa.. tak apa... Walau bagaimanapun kita tidak hendak banyak sangatlah. Permatang tidak tahan pula dengar

Y.B. DATO' TENG CHANG KIM: Peraturan Tetap, rasa bahaya peringatan kenyataan yang dibuat oleh rakan saya daripada Permatang. Kalau mengikut undang-undang, sebarang kenyataan atau percubaan untuk menghalang dari seseorang ahli dewan daripada berucap itu adalah satu kesalahan di bawah Kanun Keseksaan. Jadi saya menasihatkan jangan.

TIMBALAN SPEAKER: Peraturan Tetap mana Sungai Pinang.

Y.B. DATO' TENG CHANG KIM: Tapi itu adalah satu kesalahan di bawah Kanun Keseksaan.

TIMBALAN SPEAKER: Tidak apa Sekinchan, teruskan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Bertenang! Bertenang! Sekinchan pun bertenang. Saya ambil maklum daripada Yang Berhormat Sungai Pinang dan juga Yang Berhormat Permatang, tapi walau bagaimanapun kita faham prestasi Ahli-ahli Dewan sekarang ini terutama Pakatan Rakyat, termasuk 1, 2 daripada pembangkang yang nampak, Dengkil dan sebagainya sudah menunjukkan kemajuan dan berada di tahap yang cukup baik. Dan, di sini ingin saya nyatakan berbeza kita mempunyai jawatankuasa. Kalau dulu jawatankuasa P.A.C., Jawatankuasa Hak dan Kebebasan, Peraturan Tetap, itu sahaja. Dan, tidak pernah mereka terfikir dewan itu boleh dibuat pembaharuan, tidak pernah mereka berfikir dewan ini boleh meneraju, tidak boleh. Tidak pernah pun Speaker dulu inginkan perubahan, tidak. Tiada keinginan. Sekarang kita ada SELCAT, banyak kali pendengaran awam dibuat termasuk Bukit Antarabangsa sebagai panelnya yang begitu hebat, tonjolkan pertanyaan bertalu-talu. Ini yang saya nampak Bukit Antarabangsa, termasuk Permatang dalam SELCAT, dalam TV, TV Selangor, dalam TV RTM tidak masuk. Ini dia. Seterusnya Jawatankuasa PADAT, Jawatankuasa PBT, Jawatankuasa ABAS dan juga P.A.C. Ini menunjukkan peranan Ahli-ahli Dewan proaktif. Memantau dan mengawal selia perjalanan pengurusan Kerajaan Negeri supaya kita berada di

landasan yang betul dan kita jaga negeri Selangor dengan baik. Ini di antaranya Ahli-ahli Dewan berperanan. Dan seterusnya, saya ingin mengatakan di sini bahawa penyelarasan elaun Ahli Dewan hari ini, sesuai pada masanya, tepat pada masa memandangkan kos saraan hidup yang semakin tinggi seperti yang saya pernah bahas dalam belanjawan dengan baik. Ini di antaranya Ahli-ahli Dewan berperanan. Dan seterusnya, saya ingin mengatakan di sini bahawa penyelarasan elaun Ahli Dewan hari ini, sesuai pada masanya, tepat pada masa memandangkan kos saraan hidup yang semakin tinggi seperti yang saya pernah bahas dalam belanjawan beberapa hari yang lalu. Di mana kos saraan yang begitu tinggi dan tanggungjawab Ahli Dewan yang begitu besar dan komitmennya terhadap rakyat. Ahli-ahli Dewan sekarang ini lain, kena tahan tengah jalan pun ada. Kalau takat cop dan *sign* tu tak apa, ada lagi macam-macam. Minta tolong ini, minta tolong itu, kewangan dan sebagainya. Mereka tertarik dan mereka dibelenggu oleh kos saraan hidup yang tinggi. Bayar *rate* tinggilah! Minyak mahallah! Duit minyak pun tak ada. Macam-macam lagi. Ini pengalaman saya. Sebab apa? Sebab kenaikan minyak oleh siapa? Dari janji yang ditepati oleh Barisan Nasional, naik minyak rakyat semakin susah, ADUN pun susah. Ini yang berlaku. Dan, pada masa yang sama, saya juga ingin mengatakan kenaikan dan penyelarasan pada kali ini dia sesuai dengan imej, sesuai mencerminkan negeri Selangor sebagai negeri peneraju ekonominya, peneraju dewannya dan pengurusannya yang cekap dan kita tidak mahu pelan amalan yang tidak sihat yang dilakukan oleh Barisan Nasional zaman dulu kita jadikan iktibar. Kita tidak mahu berlaku. Dulu Ahli Dewan boleh jadi Ahli Majlis, boleh sapu macam-macam projek, sekarang tidak boleh. Sekarang Ahli Dewan kerjanya, Menteri Besar telah beritahu. Ahli Dewan kerjanya bantu rakyat, bantu rakyat, tolong kerajaan majukan negeri Selangor, itu kerjanya. Jangan minta tanah. Minta tanah tidak boleh. Kalau dulu tanah di sini di sana. Ada Ahli Dewan / Bekas Ahli Dewan UMNO yang dulu yang saya tahu geran, geran tanahnya tinggi macam ini. Ha... Saya tidak hendak sebut nama, tapi saya tahu. Kawan saya, ini berlaku. Dia sapu. Di Sekinchan tanah-tanah kerajaan sekarang habis. Saya tengok komplot semua dibahagikan kepada semua Ahli-ahli MCA. Zaman bila? Zaman MCA. Sekarang hendak buat pembangunan tidak ada tanah. Ini berlaku, zaman dahulu. Sekarang lain. Kita hendak satu pengurusan kerajaan yang bersih, mengamalkan prinsip ketulusan, kecekapan, kebertanggungjawaban ini yang kita hendak, Pakatan Rakyat. Budaya Pakatan Rakyat yang kita hendak, supaya rakyat terima cara pentadbiran kita. Kita mahu Ahli Dewan bekerja kuat menjaga rakyat. Berkhidmat untuk rakyat supaya negeri Selangor lebih maju. Dan kita ambil contoh di *Singapore*. *Singapore* kita kurangkan elemen rasuah. Kita Kurangkan perkara-perkara ini tapi gajinya tinggi. Bukan tinggi untuk apa? Tinggi untuk memastikan tiada elemen yang salah laku. Ahli-ahli boleh tumpukan perhatian untuk kawasan dan untuk rakyat. Seperti apa yang disebutkan dalam bahasa cina "*chau in lian geik*". Boleh jadi memadai. Boleh mengikis, boleh mengurangkan gejala-gejala rasuah. Ini yang diamalkan oleh Yang Amat Berhormat

Dato' Menteri Besar. Ini yang kita hendak. Seterusnya saya juga nyatakan di sini salah laku yang selalu tinggi. Jadi Ahli-ahli Dewan ini memang menghadapi pelbagai masalah. Jadi, memadai dengan kenaikan ini. Kita bukan hendak bermewah. Kita ingin tegaskan dalam Dewan Yang Mulia ini, kita bukan hendak bermewah tetapi adalah untuk sekadar dapat tumpukan / fokuskan keluarga kita baik, jaga betul dan kita boleh jaga rakyat dengan betul. Apa gunanya nama wakil rakyat tapi hutang keliling pinggang. Apa gunanya kita hendak tolong rakyat tapi keluarga sendiri tidak terurus. Keluarga sendiri pun tidak terurus. Pelbagai masalah berlaku. Ini berlaku di negeri maju seperti di Selangor. Dalam pepatah cina berkata "zhu chan" dengan erti kata lain kita hendak jaga.

TIMBALAN SPEAKER: Dengan izin.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Dengan izin. Dengan erti kata lain, kita hendak jaga rakyat pada zaman sekaranglah! Kita hendak jaga rakyat kita hendak jaga negara, nak jaga negeri dengan baik. Prasyaratnya, sendiri kena jaga betul dan keluarga juga kita kena jaga, tanpa kacau bilau dan semuanya. Zaman sekarang ini yang pentingnya saraan itu kena betul. Kalau tidak cukup saraan, keluarga lintang pukang, pelbagai masalah, macam mana kita hendak tumpu jaga rakyat. Ini yang saya hendak katakan tadi. Ini cukup penting dan saya juga hendak nyatakan dalam dewan ini bahawa saya ada dengar, walaupun kita sudah setuju tentang penyelarasan ini tetapi ada suara-suara yang tidak puas hati. Ada.

Saya dalam surat khabar ada baca dua tiga hari yang lalu di mana mantan, mantan Ahli Dewan KKB dalam surat khabar MCA ada keluar ya, MCA keluarkan kenyataan, mengatakan penyelarasan ini tidak wajar dan ada konsultasi untuk memperkayakan parti. Kenaikan penyelarasan kita ini ada konsultasi sebab Ahli-ahli Dewan pelbagai rakyat kena membayar 10 -15 %, 20% kepada parti, *party commision* (dengan izin). Sumbangan kepada parti, jadi kalau kenaikan dan penyelarasan sedemikian dia boleh memperkayakan parti. Ini siapa cakap? Kuala Kubu, KKB yang lama, mantan KKB yang lama. Ini yang dinyatakan. Ini tengok, tidak wajar dan saya hendak beritahu sekiranya mana-mana Ahli Dewan yang tidak bersetuju dengan penyelarasan ini. Saya hendak nyatakan kalau dia tidak bersetuju saya sudah sediakan surat, termasuk KKB yang pencen ini. Kalau dia tidak setuju saya sediakan surat untuk mereka. Tuan Timbalan Speaker saya hendak baca surat ini. Tarikh, bila dia boleh tulis, termasuk hari ini pun boleh. Kepada Setiausaha Dewan, Dewan Negeri Selangor. Surat Akuan. Dengan ini dimaklumkan bahasa saya KKB yang lama (contoh-contoh) KKB yang lama, Kuala Kubu yang lama, nombor I/C: sekian, sekian, sekian selaku bekas ADUN yang berpencen dari parti Mahu Cari Ampau (MCA) (MCA) tidak bersetuju dengan kenaikan gaji yang dicadangkan. Dan, saya bersetuju kenaikan gaji tersebut disumbangkan

kepada badan kebajikan. Tandatangan. Nanti saya akan edarkan kepada yang bangkang ini sebab mereka tidak bersetuju dengan cadangan kita. Ini termasuk yang pencen. Sebab surat ini kita sediakan supaya tiada pertikaian kemudian hari. Seterusnya saya juga ingin katakan di sini kita bukan sahaja mengamalkan ketulusan sehingga kita sudah enam (6) tahun mentadbir negeri Selangor Pakatan Rakyat, mana mungkin ada parti yang bukan sahaja, oleh sebab kita tidak sapu harta rakyat, tidak sapu tanah rakyat, tidak sapu saham, kontrak dan barang rakyat menyebabkan ada satu parti sudah enam (6) tahun menjadi kerajaan, tapi ibu pejabatnya kena sita. Ibu pejabatnya tidak boleh bayar sewa dan kena sita, ini buktinya apa? Buktinya, kita tulus tidak ambil duit kerajaan untuk bayar, ini cara kita

ini buktinya apa, buktinya kita telus tidak ambil duit kerajaan untuk bayar. Mencelah pula.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB B. SAPARI: Tuan Speaker, mohon mencelah.

TUAN SPEAKER: Sekinchan nak terima ke ini minit terakhir.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Tak bolehlah, ini minit terakhir.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB B. SAPARI: Minta penjelasan, parti apa tu yang *office* tutup itu.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Nak tahu juga. Terima kasih Kota Anggerik saya dengan pilunya, saya sepatutnya tidak mahu menyatakan tetapi oleh kerana ini dasar ketulusan, apa yang kita buat ini betul, jadi kita teruskan. Tetapi saya teruskan parti pemerintah ini dia ada Menteri Besar. Parti Keadilan Rakyat minta maaf tapi saya kena cakap, tapi ibu pejabatnya kena sita, bukan kita gugurkan, kita tidak ambil duit rakyat jadi kita kena kontribusi daripada rakyat ini yang berlaku. Mana ada berlaku zaman UMNO mereka ambil tanah di Sungai Besar tanah kerajaan didirikan Ibu Pejabat UMNO, kita tidak ada satu keping pun tidak ada. Ini telusnya Pakatan Rakyat berbanding dengan Barisan Nasional, ini yang saya nak nyatakan di dewan yang mulia ini. Dan seterusnya ingin izinkan saya tambah sedikit, berkenaan dengan kita tidak boros, tak curi dan tak boros, tak bazir. Saya ambil contoh kita berjaya kutip hutang TALAM, hutan TALAM itu duit siapa, kalau bukan Kerajaan Pakatan Rakyat yang memerintah 2008 bayangkan duit TALAM itu dengan izin ..bahasa Tamil... dah habis, habis tapi oleh kerana rakyat memberi mandat kepada Pakatan Rakyat Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar yang begitu kompeten dia tahu menjaga duit, dia check akaun rupanya duit kita sudah disonglap kita sudah dihilangkan, sudah disapu ke mana ke TALAM Corporation. Kira-kira kita ambil sekarang 392 juta ini dalam rekod dewan

ada, dulu kita ambil balik ada pertikaian Barisan Nasional tidak betullah, ambil kolam airilah, macam-macam kertas putih dia hendak, akhirnya ia membuktikan apa. Keputusan Pakatan Rakyat itu betul kita ambil alih, hutang ini dan kita bagi kepada rakyat dan jadikan Geran Selangorku untuk dibelanjakan kepada rakyat. Kalau dulu habis duit ini hilang entah ke mana, ini buktinya yang terang lagi bersuluh. Saya menyatakan sedikit masa lagi

TUAN SPEAKER: Ok ayat terakhir ya.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Ok ayat terakhir, oleh kerana ini satu Enakmen Rang Undang-undang yang cukup penting untuk kebajikan Ahli-ahli Dewan untuk masa depan Negeri Selangor, pembangunan Negeri Selangor yang akan lebih teratur jadi perlukan sedikit masa, untuk teruskan di mana TALAM ini sekarang tanah-tanah yang kita kutip balik, dulu dipandang ini tanah kolamlah, tanah takungan air, tanah tidak gunalah kita diperli, disindir tapi sekarang Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar sudah umumkan harta daripada nilai daripada tanah tersebut berapa 700 juta, bayangkan ini contoh yang saya nak nyatakan kepada Ahli-ahli Dewan bahawa inilah cara pentadbiran, cara Pakatan Rakyat kita serius, kita nak jaga negeri dengan baik, kita nak pastikan generasi yang akan datang Negeri Selangor hidup aman, makmur dan sejahtera di dalam Negeri Selangor ini. Seterusnya saya juga nampak walaupun terdapat

TUAN SPEAKER: Dah tadi saya sudah bagi ayat terakhir dah.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Yang terakhir kedua.

TUAN SPEAKER: Lepas ini yang terakhir lagi.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Yang terakhir ketiga, sampai tiga sahaja.

TUAN SPEAKER: Ini yang terakhir berapa?

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Yang terakhir kedua.

TUAN SPEAKER: Tak boleh terus.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Sedikit, sedikit ini cukup penting.

TUAN SPEAKER: Tak boleh, ini terakhir yang paling akhir sekali.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Ok ini yang terakhir memandangkan kita dah beri pengiktirafan kepada pembangkang dalam dewan kita bagi elaun RM3,000.00, bagi kereta dan penyelarasan kali ini saya harap pada masa akan datang bagi Ketua Pembangkang lebih sedikit supaya Ketua Pembangkang supaya dia diberi kekuatan untuk mengcheck, semak dan imbang Kerajaan Pakatan Rakyat. Kalau boleh elaun RM3,000.00 esok tahun hadapan bagi tambah sampai RM6,000.00 juga saya sayang kepada Sungai Burong Ketua Pembangkang kerana kita berperanan dalam Dewan Negeri Selangor menyuburkan semangat demokrasi demi rakyat. Sekian sahaja untuk perbahasan saya menyokong sungguh usul ini. Sekian terima kasih.

TUAN SPEAKER: Kampung Tunku

Y.B TUAN LAU WENG SAN: Terima kasih, Tuan Timbalan Speaker Kampung Tunku ingin juga mengambil bahagian sedikit perbahasan pindaan Rang Undang-undang ini. Kampung Tunku juga sebenarnya terharu dengan ucapan daripada Sekinchan kerana semasa peristiwa gelap itu berlaku lebih kurang 10 tahun yang lalu kalau saya tidak silap, kurang 10 tahun yang lalu, pada masa itu saya pun berada di dalam dewan pada masa itu, tetapi saya duduk di sana di galeri awam. Dan pada masa itu ini adalah satu peristiwa yang kita tidak harus dan kita bertitik tolak daripada perkara hitam itu kita telah membangunkan diri di mana Dewan Negeri Selangor sekarang ini di martabat dunia. Bukan sahaja nama kita harum di seluruh Negeri Malaysia tetapi juga di pentas antarabangsa. Jadi Tuan Timbalan Speaker saya ingin menjurus kepada elaun yang dibayar kepada anggota pentadbiran dan juga Speaker dan Timbalan Speaker selama ini. Selama ini gaji atau pun saraan diterima oleh EXCO dan juga MB dan juga Speaker dan juga Timbalan Speaker selama ini dia adalah surprise dengan izin ianya telah dikekalkan di paras yang terlalu rendah, untuk tempoh yang terlalu lama. Jadi saya rasa, saya sokong cadangan pindaan ini di mana khususnya gaji untuk Menteri Besar dinaikkan ke RM29,000.00, saya rasa ini adalah satu gaji yang berpatutan. Dan kita lihat angka ini dan bandingan dengan kerja yang dilakukan oleh Menteri Besar Yang Berhormat dari Pelabuhan Klang. Semalam saya tidak bahas, saya duduk dan bilang berapa kali Menteri Besar bangun, duduk, bangun, duduk untuk jawab soalan lebih seratus kali tidak ada seorang pun di sini yang boleh buat begitu. Setiap satu soalan dengan teliti tetapi kadang kala lepas jugalah tetapi tak apa, kebanyakan soalan pokok *is in the finger tips* dalam pengetahuan dia, dia tak pernah bertanya tak payah rujuk tak payah apa dia berdiri sahaja dia boleh jawab. Saya rasa kalau kita bayar RM29,000.00 kita dapat pulak hutang TALAM, RM300 juta kita berbaloi kita untunglah, yang untung Kerajaan Negeri Selangor. Yang rugi itu Pelabuhan Klanglah sebab dulu gaji dia sampai ratusan ribu, ratusan ribu ringgit satu bulan bukan satu tahun. Jadi saya rasa penyelarasan ini adalah sangat penting ianya juga penting untuk anggota pentadbiran dan juga ADUN-ADUN sekalian kerana

penyelarasan gaji ini akan mewajibkan Ahli-ahli Dewan ini untuk fokus kepada tugas kita. Jaga kawasan selain daripada itu kita juga kena melaksanakan tugas kita, kita juga memantau perjalanan kerajaan. Menjalankan tugas dengan lebih aktif sebagai Ahli Dewan memantau prestasi Kerajaan. Kita tidak perlu fikirkan, kita tidak perlu memikirkan macam mana nak cari kontrak, macam mana nak cari tanah, atau pun projek, ataupun tender, kalau dulu Barisan Nasional dia salam sapu Malaysia, dia sapu satu Malaysia. Tapi sekarang kita tidak perlu fikir macam mana nak sapu tanah lagi, kita tidak perlu fikir macam mana nak sapu projek kerana kebajikan sudah terjamin elau sudah dinaikkan, untuk Ketua Pembangkang pun kita naikkan dan ini untuk memastikan kita jalankan, kita fokus tugas kita, tidak payah fikir perkara-perkara lain yang tidak betul dari segi undang-undang. Saya rasa ini adalah aspek yang perlu kita lihat dengan teliti semasa kita membahas pindaan rang undang-undang ini kerana kita tidak boleh, manusia tidak boleh melarikan diri daripada kelemahan dia. Kalau kerajaan dapat menjaga setiap ahli kita dapat melaksanakan tugas kita dengan hati yang lebih tenang. Kita juga bandingkan prestasi kerja yang dilakukan oleh ADUN khususnya dalam sidang dewan ini membahas, kita ada berapa sejumlah 7 penyata, kita ada 7 penyata yang akan dibentangkan di dalam dewan yang mulia ini. Semua ini adalah penyata daripada Jawatankuasa pilihan yang ditubuhkan pada permulaan sidang dewan ataupun tahun ini. Saya rasa ini menunjukkan tugas yang telah kita lakukan, tugas kita sebagai Ahli Jawatankuasa memantau perjalanan dewan, kalau kita tidak menjalankan tugas maka siapa lagi kalau bukan Ahli Dewan Negeri siapa lagi yang akan menjalankan tugas ini dan sejajar dengan beban tugas yang ada pada Ahli Dewan Negeri di Selangor ini saya rasa untuk menaikkan saraan kepada RM11,250.00 ini adalah amat wajar sekali. Kita lihat ada satu contoh, saya rasa saya perlu bawa ke dewan yang mulia ini. Contoh ini merupakan satu peristiwa yang berlaku dua tahun yang lalu di Negeri Perak. Seorang ADUN dari MCA, ADUN parti kawasan Bercham, dia tidak menjadi ADUN 2011 dia kena merayu, dia kena berjalan kaki ke SUK Perak dengan tongkat kerana dia koma, ADUN Bercham, mantan ADUN Bercham meminta, merayu daripada SUK untuk supaya tidak memotong pinjaman perumahannya daripada pencennya kerana kalau sudah potong, dia sudah tidak ada wang lagi nak kos perubatan kerana dia pernah koma kena strok sebelum. Kalau kita bayar ADUN dengan gaji yang teramat rendah saya rasa ini adalah hakikatnya. Siapa yang dapat menjalankan tugas dengan hati yang tenang, terpaksa menanggung perkara-perkara yang sebegini, saya rasa itu yang harus kita lihat. Kita nak ADUN menjalankan tugas nak mereka fokus kepada tugas-tugas sebagai Ahli Dewan maka kita perlu memastikan kebajikan mereka dijaga. Saya rasa ini adalah suatu yang amat adil di masa yang sama saya juga membawa satu isu dengan kenaikan atau pelarasan gaji ini ADUN harus menjalankan tugas seperti yang dimaktubkan untuk memantau perjalanan dan saya juga mencadangkan supaya Jawatan Pembantu EXCO ini dinilai semula dipertimbangkan semula kerana konsep Pembantu EXCO ini sebenarnya

bercanggahan prinsip pengasingan kuasa. Kami sebagai Ahli Dewan ialah legislatif kita legislatif kita ada eksekutif kita juga ada kehakiman. Tugas kita sebagai legislatif adalah untuk memantau eksekutif bagaimana kita dapat menjalankan tugas kita. Kalau legislatif pun sebahagian daripada eksekutif jadi saya rasa kurang wajar, pada masa yang sama elaun mesyuarat, Ahli-ahli Dewan yang menjadi anggota dalam Jawatankuasa Pilihan juga telah dinaikkan ke suatu tahap yang saya rasa amat munasabah tetapi justeru itu kepada Kerajaan Negeri apabila kita menaikkan gaji dan elaun Ahli Dewan Negeri kita juga harus fikirkan sama ada perlu atau tidak Jawatan Pembantu EXCO ini kerana saya rasa ianya sebenarnya bercanggahan dengan prinsip pengasingan kuasa dan yang kedua sebenarnya bercanggahan prinsip pengasingan kuasa. Jadi itulah antara sebab saya bangkit seperkara ini kita juga ada satu perkara yang luas daripada tajuk perbincangan hari ini iaitu gaji bagi Ahli Majlis dan Ketua Kampung. Sedikit lari ya. Tapi saya rasa mereka juga sebahagian daripada perkhidmatan kami sebagai Ahli Dewan Negeri jadi saya juga bercadang supaya perkara kebajikan mereka, elaun mereka juga harus dilihat semula. Elaun untuk Ketua Kampung kerana elaunnya diterima daripada Kerajaan Negeri Selangor. Jadi itulah apalah yang saya ingin bangkitkan di sini dan saya berharap Ahli-ahli Dewan semua juga boleh menyokong terhadap pindaan rang undang-undang ini Kampung Tunku merakamkan sokongan saya yang padu terhadap pindaan ini terima kasih.

TUAN SPEAKER: Sekarang saya mempersilakan pihak Kerajaan jika ingin memberikan apa-apa penjelasan di atas perkara-perkara yang dibangkitkan.

Y.A.B DATO' MENTERI BESAR: Tuan Speaker menerangkan tentang cara pengiraan yang kita buat sebab kita berpandukan kepada Negeri Sarawak. Jadi untuk itu sebelum kenaikan yang baru-baru ini untuk Negeri Sarawak, gaji untuk Ketua Menteri ialah RM13,500.00 dan kenaikan baru ialah RM39,000.00 Gaji Tuan Speaker ialah RM9,000.00 dan dinaikkan kepada RM30,000.00. Jadi gaji EXCO atau pun di sana Menteri RM9,000.00 dan dinaikkan kepada RM27,000.00. Gaji Ahli Dewan Undangan Negeri RM4,500.00 dinaikkan kepada RM15,000.00. Jadi oleh sebab itulah kita berpandukan kepada ini dan pengalaman saya daripada saya juga meneliti pemberian gaji-gaji yang diberi oleh Kerajaan Pusat kepada rakan-rakan yang bekerja dengan pemandu. Pemandu ialah satu kumpulan yang terkeluar sikit daripada jawatan awam dan kebanyakan daripada mereka mempunyai gaji tidak kurang daripada RM50,000.00 sebulan. Jadi oleh sebab itulah berasaskan pada itu saya rasa gaji yang kita berikan ini munasabah untuk tugas-tugas yang kita lakukan. Terutama saya rasa kalau kita esok *insya-Allah* dapat mengambil alih industri air Selangor aset yang kita jaga melebihi dua puluh ribu juta jadi kalau kerja-kerja itu terutama rakan-rakan, rakan-rakan tanya mengapa tak ada air, sekarang Ahli Dewan Negeri kena jawab tentang perkara tersebut. Bukan lagi nak salahkan Syabas ke, salahkan sesiapa. Jadi

tanggungjawab itu saya ingat besar dan pampasan yang diberi saya ingat berpatutan untuk tugas kita sebagai Ahli Dewan dan juga kepada ahli keluarga. Saya tak boleh nak *complain* sebab ini tanggungjawab saya dan saya tidak nak kata bahawa saya dapat gaji yang rendah sebab saya ingin bekerja kerana dipilih oleh rakyat, itu saja terima kasih.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, cadangan di hadapan dewan ini ialah bahawa Rang Undang-undang ini hendaklah dibacakan kali yang kedua sekarang.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**. **Dipersetujui.**

SETIAUSAHA DEWAN: Rang Undang-undang ini bernama suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Negeri Sarawak 1980.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Dewan ini bersidang sebagai Jawatankuasa untuk menimbangkan Rang Undang-undang ini fasal demi fasal.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Tuan Speaker saya menyokong.

TUAN SPEAKER: Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

- BENTARA MENURUNKAN COKMAR -

SETIAUSAHA DEWAN: Fasal 1.

TUAN Pengerusi : Fasal 1 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**. **Dipersetujui.**

SETIAUSAHA DEWAN: Fasal 2 dan 3.

TUAN Pengerusi: Fasal 2 dan 3 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**. **Dipersetujui.**

SETIAUSAHA DEWAN: Fasal 4 dan 5.

TUAN Pengerusi: Fasal 4 dan 5 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**. **Dipersetujui.**

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Tuan Pengerusi saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini seperti yang telah diperbincangkan dan dipersetujui dan dimaklumkan kepada Dewan sekarang.

PENYOKONG: Tuan Pengerusi saya menyokong.

TUAN Pengerusi: Dewan bersidang semula.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Tuan Speaker, saya memohon memaklumkan Dewan ini bahawa Rang Undang-undang ini telah dipertimbangkan dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui sepenuhnya tanpa pindaan. Oleh itu saya mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini dibacakan kali ke tiga dan diluluskan sekarang.

PENYOKONG: Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, cadangan di hadapan Dewan ini ialah Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**. **Dipersetujui.**

SETIAUSAHA DEWAN: Rang Undang-undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Negeri Saraan Pindaan 2013.

Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya. Usul Nombor 15 Tahun 2013, Usul Peruntukan Pembangunan 2014.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya dengan sukacitanya memohon membawa satu Usul di dalam Dewan yang mulia ini yang berbunyi seperti berikut bahawa menurut Seksyen 9 dan Subseksyen 4 (3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan RM1,966.00, Dewan ini

membuat ketetapan bahawa peruntukan sebanyak RM624,919,790.00 yang dinyatakan dalam anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2014 yang dibentangkan di hadapan Dewan mengikut Seksyen 4 (1) Akta yang sama seperti mana yang terdapat di Jadual hendaklah diluluskan.

Jadual – Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2014. P.01 – Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan RM309,419,600.00. P.04 – Perbendaharaan Negeri - Projek Siap RM4,000,000.00. P.05 – Perbendaharaan Negeri Pengkomputeran, RM1,000,000.00. P.08 – Jabatan Pertanian RM10,000,000.00 P.10 – Jabatan Perhutanan RM5,000,000.00. P.12 – Jabatan Kerja Raya RM120,000,000.00. P.13 – Jabatan Pengairan dan Saliran RM45,000,000.00. P.14 – Jabatan Agama Islam Selangor RM120,000,000.00. P.16 – Perancangan Bandar dan Desa RM2.5 juta. P.17 – Perkhidmatan Veterinar RM7,000,000.00. P.27 – Jabatan Kehakiman RM137,000,000.00. Jumlahnya RM642,919,790.00.

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sejumlah RM1,850 juta telah diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Tahun 2014. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM624,919,790 adalah merupakan caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan bagi membiayai projek-projek pembangunan iaitu sebanyak RM619,919,790.00 untuk Pembangunan Negeri dan RM5 juta untuk Pembangunan Hutan. Jumlah peruntukan mengikut kepala adalah seperti dalam Usul Pembangunan 2014.

Tuan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, P.01 – Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan sejumlah RM309,419,660.00 telah diperuntukkan kepada Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM48,120,000.00 diperuntukkan kepada pecahan Kepala 1 atau PK.1. Perkhidmatan Masyarakat peruntukkan tersebut bertujuan untuk menampung perbelanjaan peruntukan tahunan semua Ahli Dewan Negeri dan bagi Rumah Ibadat selain Islam.

Bagi PK.2 – Pembangunan Luar Bandar diperuntukkan sebanyak RM23,700,010.00 disediakan bertujuan membiayai projek Ekonomi Kecil seperti Pembangunan Ekonomi Rakyat serta petani dan juga penternak. Program Pembasmian Kemiskinan, Pembangunan Ekonomi Kampung Tradisi serta bagi menampung Program Pembangunan Kampung seperti penyelenggaraan dan pembangunan kampung baru dan kemudahan asas desa. Bagi PK.3 – Perbandaran peruntukan sebanyak RM7,508,040.00 disediakan untuk menaik taraf prasarana Pihak Berkuasa Tempatan dan kemudahan awam. Bagi PK.4 – Adat Melayu dan Warisan sebanyak RM2,550,020.00 disediakan untuk menaik taraf pembangunan tempat-tempat bersejarah di Negeri Selangor. Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

pecahan Kepala 5 dan PK.5 – Perpustakaan sebanyak RM1,350,000.00 disediakan membina menaik taraf serta pembangunan perpustakaan. Bagi PK.6 – Pembangunan Usahawan sebanyak RM2,200,000.00 disediakan untuk menampung perbelanjaan dana industri kampung, promosi dan latihan IKS serta Program Selangor Ria dan Program Peningkatan Produk Usahawan. Bagi PK.7 – Sosial sebanyak RM51,700,000.10 disediakan untuk Program Pembangunan Insan, Pendidikan Wanita, Pembangunan Belia dan Pembangunan Perumahan. Bagi PK.8 – Pusat Latihan dan PK.9 – Pembangunan Institusi Pentadbiran masing-masing diperuntukkan sebanyak RM20,000.00 dan RM2,000,000.00 untuk penyelenggaraan.

Tuan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, bagi pecahan Kepala 10 atau PK.10 peruntukan sebanyak RM5,200,000.00 disediakan untuk promosi, naik taraf dan memajukan produk pelancongan. Bagi PK.11 – Kajian sebanyak RM2,500,000.00 disediakan untuk melaksanakan kajian-kajian. Bagi PK.12 – Pentadbiran 4E sebanyak RM7,000,000.00 disediakan untuk pembangunan ICT dan Projek Sains. Bagi PK.13 – Perikanan sebanyak RM650,000.00 disediakan untuk program Pembangunan Ternak Air. Bagi PK.14 – Jabatan Perhilitan sebanyak RM100,000.00 disediakan untuk program Kawalan Makhluk Perosak.

TUAN SPEAKER: Dato' Menteri Besar saya minta Dato' Menteri Besar duduk dahulu. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masa sudah menunjukkan jam 1.00 tengah hari, oleh itu saya menangguhkan perbahasan pada hari ini ke jam 2.30 petang. Perbahasan ditangguhkan.

[Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari]

[Dewan disambung semula]

TUAN SPEAKER: Dewan bersambung semula.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Tuan Speaker, saya ingin teruskan dengan menyatakan bagi **PK.15 Projek Khas Negeri** sebanyak **RM14,700,050.00** disediakan untuk Projek Persimpangan Bertingkat dan Projek Dewan Serba guna Negeri Selangor. Bagi **PK.16 Pengambil Balik Tanah** sebanyak **RM30,000,000.00** disediakan untuk Program Pengambilalihan Tanah. Bagi **PK.17 Alam Sekitar** sebanyak **RM450,000.00** disediakan untuk Program Alam Sekitar. Bagi **PK.18 Sumber Alam** sebanyak **RM50,010.00** disediakan untuk Program Bantuan. Bagi **PK.19 Kerajaan Prihatin** sebanyak **RM1,150,000.00** disediakan untuk Kerajaan Prihatin dan bantuan kepada Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO). Bagi **PK.20 Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES)** sebanyak **RM77,850,030.00** disediakan untuk Skim Kesihatan Wanita, Hadiah Anak Masuk Universiti, Tabung Warisan Anak Selangor, Skim Mesra Usia Emas, Projek Bekalan Air, Anak Nurseri dan Skim Tunas dan bagi **PK.21 Am** sebanyak **RM30,491,430.00** disediakan untuk pelbagai projek.

Program Perindustrian dan Pelaburan Kebudayaan, Pengurusan Air, Pembangunan, Kesihatan dan Pemulihan Tapak Pelupusan. Tuan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat **Perbendaharaan Negeri** sebanyak **RM4,000,000.00** telah diperuntukkan kepada Kepala **P.04 Pelan Negeri Selangor** peruntukkan tersebut adalah bagi tujuan kontingensi peruntukkan pembangunan Negeri.

Perbendaharaan Negeri Selangor sejumlah **RM1,000,000.00** telah diperuntukkan kepada Kepala **P.05 Perbendaharaan Negeri Selangor** peruntukkan tersebut adalah bagi tujuan penyelenggaraan dan menaik taraf komputer di Perbendaharaan Negeri.

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, **Jabatan Pertanian Negeri Selangor** sejumlah **RM 10,000,000.00** peruntukkan bagi **P.8 Jabatan Pertanian Negeri Selangor** daripada jumlah tersebut sebanyak **RM408,600.00** diperuntukkan kepada Pecahan Kepala 1 dan **PK.1 iaitu Pembangunan Taman Agroteknologi** bagi **PK.2 Pembangunan Taman Makanan** sebanyak **RM2,836,000.00** diperuntukkan bagi untuk membiayai program tanaman padi, buah-buahan, sayur sayuran dan tanaman kelapa. Bagi **PK.3 Pembangunan Industri** sebanyak **RM300,000.00** diperuntukkan untuk membiayai program tanaman nanas dan ubi C. Bagi **PK.4 Pembangunan Industri Bunga dan Tanaman Hiasan** sebanyak **RM200,000.00** diperuntukkan untuk membiayai tanaman bunga keratan dan semaian. Bagi **PK.5 Pembangunan Industri Asas Tani** sebanyak **RM1,252,000.00** diperuntukkan untuk membiayai program

pemprosesan makanan dan pembangunan industri pertanian. Bagi **PK.6 Pembangunan Pusat-pusat Teknologi Pertanian** sebanyak **RM380,000.00** diperuntukkan untuk memajukan pusat-pusat pertanian di Negeri Selangor. Tuan Speaker dan Yang Berhormat sekalian, bagi **PK.7 Pengurusan Perosak Bersepadu** sebanyak **RM100,000.00** telah diperuntukkan. Bagi **PK.8** memajukan **Kompleks Pertanian** sebanyak **RM1,850,000.00** diperuntukkan untuk memajukan Kompleks Pertanian di seluruh Negeri Selangor. Bagi **PK.9 Pembangunan Agro Pelancongan** sebanyak **RM200,000.00** diperuntukkan untuk Program Agro Pelancongan. Bagi **PK.10 Pembangunan Perindustrian Bersepadu** sebanyak **RM700,000.00** diperuntukkan untuk Program Perladangan Bersepadu Integrasi Taman Herba dan Pembangunan Sumber Pertanian serta Bahan Mentah. Bagi **PK.11 Pembangunan Teknologi Maklumat** sebanyak **RM206,000.00** diperuntukkan bagi pembangunan tersebut. Bagi **PK.12 Perkhidmatan Pengembangan dan Perundingan** sejumlah **RM576,000.00** diperuntukkan untuk latihan dan perundingan menggalakkan penglibatan swasta dan kajian. Bagi **PK.13 Pengurusan Tanah Permasalahan** sebanyak **RM300,000.00** diperuntukkan bagi mengurus tanah gambut, bekas lombong dan tanah berasid. Bagi **PK.14 Pembangunan Pengurusan Tanah Terbiar** sebanyak **RM250,000.00** diperuntukkan. Bagi **PK.15 Pembangunan Kemudahan Kejenteraan dan Logistik Pertanian** sejumlah **RM100,000.00** diperuntukkan. Untuk Perolehan Jentera Berat Pertanian dan Penyelidikan. Bagi **PK.16 Penyelidikan dan Perolehan Teknologi Baru Tanaman** dan sebanyak **RM300,000.00** diperuntukkan untuk program ini.

Jabatan Perhutanan Negeri Selangor sejumlah **RM5,000,000.00** diperuntukkan kepada Kepala **P.10 Jabatan Perhutanan Negeri Selangor** daripada jumlah tersebut sebanyak **RM1,135,000.00** diperuntukkan kepada Pecahan Kepala 1 atau **PK.1 Program Pengurusan Sumber Hutan** yang bertujuan untuk penyelenggaraan tanah di hutan simpan, pencegahan kawalan kebakaran hutan, sistem maklumat perhutanan dan aplikasi data, *geo-spec special* perhutanan. Bagi **PK.2 Program Pembangunan Sumber Hutan** sebanyak **RM1,000,000.00** diperuntukkan untuk Program Penubuhan dan Pembangunan Taman Negara. Program Pembangunan Taman, Tanaman Mengkaya, Bakau, Pokok Nadir dan Penyediaan Tapak Semaian. Dalam **PK.3 Perhutanan Masyarakat** sebanyak **RM929,990.00** diperuntukkan untuk Program Perhutanan Bandar Hutan, Hutan Perkampungan, dan kawasan tersorok dan sensitif sementara **PK.4 Pembangunan Tenaga** sebanyak **RM1,200,010.00** diperuntukkan untuk Pusat Pendidikan Perhutanan, Bangunan dan Perumahan dan Perhubungan Jalan Hutan. **PK.5 Pemulihan Alam Sekitar** sebanyak **RM200,000.00** diperuntukkan untuk pemulihan dan inventori hutan simpan serta rawatan tanaman manakala bagi **PK.6 Seranta Pengembangan Hutan** sebanyak **RM200,010.00**. **PK.7 Pembalakan Hutan Alam Sifar** sebagai **RM200,000.00**. **PK.8 Pengurusan Hutan Secara**

Berkekalan sebanyak **RM134,990.00** diperuntukkan untuk *central forest mind* pengurusan hutan berasaskan *refit* dan persijilan hutan.

Tuan Speaker, **Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor** sejumlah **RM121,000,000.00** telah diperuntukkan kepada **P.12 Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor** daripada jumlah tersebut sebanyak **RM22,800,000.00** diperuntukkan kepada Pecahan Kepala 1 PK.1. Pelbagai rancangan bertujuan untuk penyelenggaraan cerun, membina jambatan, memasang lampu-lampu jalan, dan lampu-lampu isyarat, baik pulih istana, dan pengambilalihan tanah. Bagi **PK.2 Membina Jambatan** sebanyak **RM6,000,000.00** diperuntukkan manakala **PK.3 Membina Jalan** sebanyak **RM4,000,000.00** diperuntukkan. Bagi **PK.4 Penaik Taraf Jalan** sebanyak **RM71,400,000.00** diperuntukkan untuk menaik taraf jalan-jalan di seluruh daerah. Bagi **PK.5 Membina dan Menaik Taraf Bangunan** sebanyak **RM16,799,990.00** diperuntukkan bagi membina dan menaik taraf pejabat dan bangunan Jabatan Kerja Raya.

Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor sebanyak **RM45,000,000.00** telah diperuntukkan kepada Kepala **P.13 Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor** daripada jumlah tersebut sebanyak **RM14,200,420.00** diperuntukkan kepada **Pecahan Kepala 1 PK.1 Pengurusan Banjir** yang bertujuan untuk Projek Tambatan Banjir serta kerja-kerja kecemasan. **PK.2 Menaik Taraf Sistem Saliran** sejumlah **RM10,800,690.00** diperuntukkan untuk Program Menaik Taraf Sistem Saliran seluruh Selangor. **PK.3 Program Pengurusan Lembangan Sungai** sebanyak **RM6,450,000.00** diperuntukkan untuk pengurusan rizab dan pengukuhan tebing. **PK.4 Program Pengurusan Sumber Air dan Hidrologi** sebanyak **RM1,400,040.00** diperuntukkan untuk Pembangunan Inventori dan Menaik Taraf Stesen Rangkaian Hidrologi. **PK.5 Program Pengurusan Saliran Mesra Alam** sebanyak **RM2,990,120.00** diperuntukkan untuk kajian dan menaik taraf kolam takungan. **PK.6 Program Pengurusan Pantai** sebanyak **RM2,150,210.00** diperuntukkan untuk rancangan memperkukuhkan benteng pantai dan kawasan hakisan. **PK.7 Program Pengurusan Mekanikal Elektrikal** sebanyak **RM500,010.00** diperuntukkan untuk menaik taraf rumah pam dan pintu air. **PK.8 Program Pengurusan Infrastructure** dan bangunan sebanyak **3,300,090.00** diperuntukkan untuk membina dan menaik taraf rumah kuarters dan pejabat JPS. **PK.9 Program Pengairan dan Saliran Pertanian** sebanyak **4,300,060.00** diperuntukkan untuk membina dan menaik taraf sistem saliran pertanian. Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, jabatan Agama Islam Negeri Selangor sejumlah 120juta telah diperuntukkan kepada **P14 jabatan Islam Negeri Selangor**. Dari jumlah tersebut sebanyak **39,600,330.00** diperuntukkan pada pecahan kepada 1, **PK.1 Sekolah Agama** yang bertujuan untuk menaik taraf dan pembinaan sekolah agama. Bagi **PK.2 bangunan pejabat-pejabat Agama Islam** sebanyak **31,500,030.00** digunakan,

diperuntukkan untuk membina dan menyelenggara bangunan serta pejabat agama. Bagi PK.3 – Masjid sebanyak 49,800,310.00 diperuntukkan untuk membina serta membaik pulih masjid manakala PK.4 – pelbagai sebanyak 3,990,330.00 diperuntukkan untuk membaik pulih kuarters dan kerja-kerja pelbagai. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor, sejumlah 2,500,000.00 telah diperuntukkan kepada P16- Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Selangor daripada jumlah tersebut sebanyak 330,000.00 diperuntukkan kepada pecahan kepala 1- PK1. Rancangan Pemajuan PK.2, Rancangan Dasar sebanyak 450,000.00, PK 3- Kajian Khas Perancangan sebanyak 1,720,000.00 diperuntukkan ini adalah merupakan kos-kos kajian yang dijalankan oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa. Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor sejumlah RM7 juta telah diperuntukkan kepada P17- Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor daripada jumlah tersebut sebanyak 1juta diperuntukkan kepada pecahan kepala 1 atau PK1-Pembangunan Komoditi Ternakan Ruminan bertujuan untuk Program Skim Penggandaan Ternakan. Program Pembiakan Penternakan *pre-lock* dan Program Merakyatkan Ekonomi kepada Penternak Ruminan. PK.2- Pembangunan Komoditi – Ternakan Unggas. Bukan Ruminan sebanyak 1,050,000.00 diperuntukkan untuk pembiakan unggas dan puyuh. PK 3- pembangunan Industri Asas Ternak sebanyak 1,480,000.00 diperuntukkan untuk Pembangunan dan Peningkatan Usahawan dan produk IAT. PK.4- Kesihatan Veterinar sebanyak 695,000.00 diperuntukkan untuk kawalan penyakit haiwan dan *zoonetik*, perkhidmatan *ambulatori* Veterinar dan Program Kemasyarakatan prihatin haiwan. Manakala PK 5- *Regularate* SPS dan *Bio-security* sebanyak 560,000.00 diperuntukkan untuk pembangunan sistem kawalan keselamatan makanan, *Regularate* dan kawal setia industri haiwan. PK.6- Pembangunan Kompetensi dan Bimbingan Usahawan sebanyak 650,000.00 diperuntukkan untuk pembangunan kompetensi dan kajian pameran dan promosi. PK.7 –Pemantapan kualiti Perkhidmatan Veterinar sebanyak 1,115,000.00 diperuntukkan untuk Pusat Sumber dan membaik pulih kuarters dan PK.8- Pembangunan Taman Kekal Pengeluaran Makanan sebanyak 1,450,000.00. Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor sejumlah 130ringgit telah diperuntukkan kepada kepala 17 – Jabatan Kehakiman dan Mahkamah Syariah Negeri Selangor. Peruntukkan tersebut merupakan token kepada kod kepala projek di bawah Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor. Memandangkan saya telah memberikan penjelasan, dan maka saya ini mohon supaya usul ini dibentangkan dan diluluskan.

Y.B. DATO TENG CHANG KHIM: Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli YB sekalian, adapun masalah di hadapan dewan ini adalah suatu usul yang telah dibawa oleh YAB Dato' Menteri Besar iaitu usul peruntukkan pembangunan 2014. Oleh itu saya kemukakan usul ini untuk dibahaskan. Kampung Tunku.

YB TUAN LAU WENG SAN: Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Kampung Tunku juga ingin mengambil bahagian dalam pembahasan usul ini di mana kerajaan akan memperuntukkan sejumlah wang RM624 juta untuk perbelanjaan pembangunan untuk tahun depan. Perkara pertama yang ingin saya bangkitkan di sini ialah Pembangunan di Luar Bandar dan juga perkara-perkara yang berkaitan pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri di mana sebanyak RM300 juta akan diperuntukkan untuk tujuan ini. Dan ini juga merupakan lebih daripada, lebih kurang separuh daripada jumlah peruntukkan yang diberikan. Perhatian yang sewajarnya seharusnya diberi kepada kawasan luar bandar sejajar dengan semangat *co-rural* yang dibawakan oleh Kerajaan sebelum ini. Jadi Kampung Tunku ingin meminta Kerajaan memberi perhatian khusus kepada pembangunan kampung, ini termasuk juga pembangunan di kawasan Kampung Baru dan juga di kawasan kampung Bagan. Di mana peruntukkan sebanyak RM5 juta, yang diperuntukkan kepada pembangunan di kawasan Kampung Baru ini sepatutnya, dan juga kawasan Kampung Bagan sepatutnya dipertingkatkan dinaikkan lagi pada tahun depan. Saya lihat angka ini sebenarnya tidak banyak berubah sejak lima tahun yang lalu dan saya rasa sudah sampai masanya untuk kita tengok balik apa yang kita boleh lakukan untuk menambah, menambah baik kemudahan-kemudahan dan infrastruktur yang ada di kawasan Kampung. Juga peruntukkan untuk, kawasan, untuk rumah ibadat selain Islam sebanyak RM3 juta diperuntukkan. Saya juga menggesa supaya bukan saja peruntukkan ini dinaikkan tapi penyampaian atau *delivery* peruntukan-peruntukan ini juga harus dipertingkatkan ataupun ditumpukan untuk penduduk-penduduk di kawasan Luar Bandar. Kampung Tunku juga ingin membangkitkan tentang beberapa perkara berkenaan dengan dewan orang ramai dan juga kemudahan asas di kawasan kampung. Yang di mana saya semasa dalam satu mesyuarat Jawatankuasa pilihan PADAT telah pun mendapati bahawa kerajaan sebenarnya telah membina banyak dewan orang ramai di kawasan kampung untuk kegunaan JKKK tetapi kerajaan selama ini tidak ada satu peruntukan khusus untuk memantau ataupun menyelenggara dewan-dewan orang ramai ini. Semuanya lebih kurang diserahkan kepada JKKK dan JKKK kena pandai-pandai cari peruntukkan untuk mempertingkatkan ataupun menambah baik premis-premis ataupun dewan-dewan orang ramai ini. Saya percaya peruntukkan ini harus juga ditumpukan untuk tujuan ini supaya penduduk-penduduk kampung ini dapat menikmati apa tu, dewan orang ramai ataupun keadaan dewan orang ramai yang lebih selesa. Saya juga ingin menumpukan perhatian pada pembangunan pendidikan di mana sebanyak 26 juta ringgit diperuntukkan kepada sekolah-sekolah SKJC-SKJC, sekolah agama dan sebagainya. Jadi, juga menjadi cadangan saya di sini, sebab saya pun lihat angka ini tidak banyak berubah sejak lima tahun yang lalu dan saya rasa sudah sampai masanya kita melihat kembali nilai, angka-angka ini dan seperti apa yang saya berucap semasa perbahasan di peringkat dasar di mana Kerajaan Negeri harus juga lah memikirkan

mengadakan program biasiswa Menteri Besar dan juga meningkatkan peruntukkan-peruntukkan kepada sekolah-sekolah SKJC-SKJC dan juga sekolah kebangsaan. Termasuk juga sekolah kebangsaan yang selama ini dalam tanggapan kita menerima bantuan yang penuh daripada Kerajaan tapi kebelakangan ini memang ada kekangan ekonomi terhadap mereka. Ada banyak permohonan tidak dapat diuruskan oleh Kementerian Pelajaran dan saya lihat di sinilah peranan yang kita boleh main sebagai Kerajaan Negeri Selangor dengan rizab yang bertambah. Peruntukan untuk pendidikan ini seboleh-bolehnya dipertingkatkan untuk tujuan ini juga. Tuan Timbalan Speaker, saya juga ingin menyentuh sedikit tentang infrastruktur asas Pihak Berkuasa Tempatan di mana RM2 juta diperuntukkan dalam bajet ini. Saya rasa adalah penting untuk Kerajaan juga selain melihat jalan, lampu, longkang, taman, kita juga perlu lihat satu lagi perkara yang penting, iaitu gerai-gerai dan medan selera yang diuruskan oleh PBT. Gerai-gerai ini saya lihat, dalam pemerhatian saya, sekurang-kurangnya di kawasan saya, ada banyak gerai yang dibiarkan begitu saja. Ianya tidak dapat disewa ataupun sambutannya tidak, tidak cergas, tidak ada ramai orang yang hendak memohon menyewa gerai-gerai ini untuk menjalankan *business*. Sama ada, ada banyak sebab, kadang-kadang gerai ini gelap, dia tidak ada infrastruktur yang asas. Ataupun persekitarannya tidak mencerikan dan menjadikan orang ramai tidak ingin menjalankan aktiviti perniagaan di sana. Mereka lebih rela menyewa gerai di Kopitiam, di kedai kopi di tempat-tempat orang swasta. Walau pun sewanya lebih tinggi tetapi kerana ada jaminan dari segi pulangan maka mereka lebih rela pergi ke situ. Saya lihat di sini, ini adalah satu perkara yang kita boleh pertingkatkan di mana peruntukkan ini boleh digunakan juga untuk memantau melihat. Mungkin setiap satu DUN kita boleh cadangkan, kita naik taraf satu gerai atau medan selera setiap tahun. Kita nak jadinya lebih bersih, lebih ceria, dengan tandas yang lebih mantap, ada juga kalau boleh, mungkin ada *WI-FI* dan sebagainya. Mungkin lebih terang pada waktu malam supaya orang boleh menjalankan *business* pada waktu malam ataupun 24 jam kalau boleh. Saya rasa ini adalah satu cara kita boleh tolong peniaga-peniaga kecil-kecilan, penjaja, makcik-makcik yang jual nasi lemak. Kalau dulu jual nasi lemak dekat tepi jalan, sekarang boleh melakukannya menjual nasi lemak dan juga makanan-makanan yang lain di dalam gerai ataupun medan selera yang diuruskan oleh PBT dengan sewa yang lebih rendah. Tuan Speaker ada juga satu projek daripada Kerajaan untuk membina, untuk membelanjakan sebanyak RM408,000.00 bagi tujuan pengurusan sisa pepejal di Pulau Ketam. Saya rasa ini adalah satu cadangan yang cukup baik kerana di Pulau Ketam ianya merupakan satu pulau yang agak terpencil.... daripada ..dengan izin. Dan kebelakangan ini, pihak eksekutif juga menyebut tentang penggunaan sistem pengurusan sampah *waste to energy* dan ini saya cadangkan. Saya rasa kalau Kerajaan berminat untuk melaksanakan program projek ini, saya rasa ianya boleh dilakukan dalam bentuk projek perintis ataupun pilot projek dan lokasi yang paling sesuai saya rasa ialah Pulau Ketam. Ia merupakan sebuah tempat yang mempunyai

populasi yang agak rendah 10,000.00 orang sahaja kita boleh mengadakannya di Pulau Ketam. Dan masalah-masalah sampah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk di Pulau Ketam ini boleh ditangani. Kalau *waste to energy* kerana kita tidak perlu menjalankan pelupusan sampah, sampah-sampah yang dijana di sebuah pulau itu boleh digunakan untuk menjana tenaga elektrik. Sekarang ini kalau saya tidak silap Pulau Ketam terpaksa bergantung kepada kebal penghantaran tenaga elektrik yang menggunakan kebal bawah laut daripada main *land* ke Pulau Ketam. Saya rasa kalau kita dapat menjalankan projek perintis ini saya rasa ini akan mendatangkan kebaikan kepada penduduk di Pulau Ketam.

Tuan Timbalan Speaker cadangan saya, saya juga ingin menyentuh sedikit tentang Jabatan Kerja Raya tetapi saya hanya akan masuk satu isu apa yang berlaku di Pelabuhan Klang sebab itu kawasan Menteri Besar. Tentang laporan media pada minggu yang lepas tentang aduan daripada persatuan Hoo Liam terhadap kerosakan jalan di sekitar Pelabuhan Klang dan juga kesesakan trafik yang berlaku di sana. Mendakwa bahawa masalah ini semakin meruncing sehingga menyebabkan kerugian sebanyak 432 juta ringgit setahun dan ianya haruslah dipandang serius dan diambil tindakan segera oleh JKR. Saya tidak akan masuk kepada maklumat-maklumat terperinci tetapi saya rasa masalah ini memang telah selalu timbul bukan sahaja di media tetapi juga di dalam beberapa mesyuarat ditangani ataupun dihadiri oleh Ahli-ahli Majlis Perbandaran Klang di mana mereka selalunya menerima aduan daripada orang ramai tentang kerosakan yang begitu teruk. Saya pun pernah sekali beberapa kali melawat ke kawasan sekitar jalan Kem dan saya terpaksa menggunakan lebih daripada satu jam untuk pergi ke satu tempat di sebelah jalan sahaja, sebelah sana jalan, jalan kem ini kerana saya terpaksa untuk membuat suatu *u-turn* yang besar di hujung jalan. Jadi ini adalah sesuatu perkara saya rasa perlu dipandang berat oleh JKR dan JKR sepatutnya berbincangan dengan pengusaha-pengusaha Hoo Liam Malaysia ini supaya sebarang gangguan trafik atau pun sebarang kerja-kerja pembinaan jalan tidak akan menimbulkan kacau ganggu yang berlebihan terhadap operasi Pelabuhan Klang ini. Kita ambil maklum bahawa Pelabuhan Klang ini merupakan salah sebuah Pelabuhan Klang yang agak sibuk di Malaysia ini. Sekiranya logistik ataupun pengangkutan di sekitar Pelabuhan Klang ini terjejas ianya akan membawa impak yang agak besar bukan sahaja kepada aktiviti perniagaan dan ekonomi di Klang tetapi juga di seluruh Lembah Klang.

Tuan Timbalan Speaker Kampung Tunku juga menyentuh tentang peruntukan sebanyak RM45 juta kepada Jabatan Pengaliran dan Saliran. Daripada RM45 juta ini hanya RM21 juta diperuntukkan kepada Jabatan Pengaliran dan Saliran untuk pengurusan banjir. Saya kira peruntukan ini tidak mencukupi lebih-lebih lagi pada tahun 2013 tahun ini peruntukan yang diperuntukkan ialah RM27 juta, tahun depan

RM21 juta, kurang RM6 juta lagi. Mohon supaya kerajaan memberi jawapan kepada dewan yang mulia ini rasional terhadap pengurangan peruntukan ini kerana ramai daripada ADUN Pembangkang ataupun Kerajaan menghadapi masalah banjir di kawasan masing-masing. Dan saya mengulangi syor daripada kelab penyokong kerajaan sekurang-kurangnya RM100 juta diperuntukkan kepada JPS untuk mengatasi masalah banjir. Tetapi saya rasa kita tidak boleh saya mengulangi kenyataan kami iaitu kami tidak boleh menghukum rakyat kerana mereka yang menderita. Sekiranya JPS menghadapi masalah atau anggota ataupun kakitangan JPS tidak dapat menggunakan peruntukan tahun ini pada masih yang telah ditetapkan mereka tidak, rakyat tidak harus dihukum. Yang perlu dilihat dan perlu diatasi ialah mengapa JPS akan menghadapi masalah-masalah ini. Jika kekurangan kakitangan atau mereka tidak akan meningkatkan produktiviti mereka, mereka memang tidak ada kepakaran langsung, ataupun mereka memang lambat. Kita kena pantau dan lihat betul-betul asas kepada masalah ini ataupun sebab atau menyebabkan masalah ini. Dari situ kita cari jalan penyelesaian, saya rasa mengurangkan peruntukan kepada JPS bukannya jalan penyelesaiannya. Kita perlu lihat apa sebenarnya berlaku minta Kerajaan memberi penjelasan di dewan yang mulia ini semasa menggulung nanti. Kampung Tunku juga ingin menyentuh sedikit tentang Jabatan Perancangan Bandar dan Desa peruntukan tidak banyak iaitu hanya RM2.5 juta sahaja. Perkara pertama yang saya ingin sentuh tentang pembangunan semula bandar yang berdasarkan konsep *Transit Oriented Development*. Jadi baru-baru ini Majlis Bandaraya Petaling Jaya adakan satu bengkel yang dianjurkan khusus untuk melihat bagaimana bangunan yang berdasarkan *Transit Oriented Development* ini boleh dibangunkan di Petaling Jaya. Jadi saya rasa perkara ini juga berkaitan dengan apa yang kita bahas di dalam bajet ini strategik untuk mengadakan *Transit Oriented Development* ini pertama fungsinya adalah untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas di kawasan bandar dan pada masa yang sama meningkatkan keberkesanan dalam kualiti kerja Petaling Jaya. Saya rasa ini adalah suatu yang berkaitan dengan Majlis Pengangkutan Awam Negeri Selangor di mana ini telah pun diumumkan dalam ucapan perbelanjaan pada minggu lepas ianya berkaitan dengan apa yang disebut sebagai Selangor *Public Transport Council* saya bertanya tentang perkara ini dalam perbahasan peringkat bajet masih belum ada jawapan. Jadi soalan saya ialah siapakah yang menganggotai Majlis Pengangkutan Awam Selangor ini? Adakah mereka juga akan melihat untuk melaksanakan *Transit Oriented Development* kawasan Petaling Jaya dan bandar besar yang lain di Negeri Selangor. Berapa kali Selangor *Public Transport Council* ini telah bermesyuarat dan saya difahamkan kaji soal selidik yang pertama telah pun dilakukan oleh Selangor *Public Transport Council* ini tetapi hanya berkenaan cara penggunaan awam kakitangan awam SUK sahaja. Jadi mengapakah kakitangan ataupun server berkenaan dengan SUK ini dijalankan dan tempat-tempat yang lain tidak dikaji selidik oleh Selangor *Public Transport Council* ini. Jadi saya juga ingin bertanya apakah rancangan dan pelan

tindakan yang ada pada Majlis Pengangkutan Awam ini pada masa depan jadi saya berharap perkara ini diberi perhatian dan dapat dijawab semasa pihak eksekutif menggulung nanti.

Tuan Timbalan Speaker satu perkara lagi tadi saya bercakap tentang masalah orang-orang yang hidup ini saya sekarang ini hendak menyentuh tentang masalah orang yang dah mati iaitu tanah perkuburan. Juga di bawah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa jadi isu tentang kekurangan tanah perkuburan ini telah pun berlaku dan kami maklum bahawa kerajaan telah pun mengumumkan akan diadakan satu program tanah perkuburan bersepadu di Negeri Selangor. Ada tiga wilayah, wilayah tengah, wilayah utara dan juga wilayah selatan. Jadi saya ingin bertanya apakah yang telah dicapai oleh Kerajaan Negeri Selangor selama ini?, apakah perkembangan terkini terhadap cadangan-cadangan ini? Sebab mengapa saya bertanya tentang perkara ini kerana di kawasan Petaling Jaya kami sudah masalah menghadapi kekurangan tanah perkuburan yang sangat-sangat kritikal di mana orang kalau sudah mati sekarang mereka terpaksa dikuburkan yang jauh daripada tempat tinggal mereka barangkali bukanlah di kawasan Petaling Jaya. Kalau di Subang Jaya pun saya rasa sudah tak senang dah, bukan senang untuk mendapat tanah perkuburan yang bersesuaian. Jadi saya ingin bertanya kepada kerajaan apakah perkembangan terkini terhadap cadangan untuk menubuhkan kompleks perkuburan bersepadu di ketiga-tiga wilayah ini. Dan pada masa itu yang sama sehingga kita menunggu Kompleks ini ditubuhkan atau pun diwujudkan dan apakah penyelesaian jangka pendek yang ada pada Kerajaan Negeri Selangor. Adakah Kerajaan Negeri Selangor akan memberi kelulusan kepada yang lebih singkat dalam masa yang lebih singkat mereka yang menguruskan honorarium untuk menyelesaikan masalah kekurangan tanah perkuburan ini dan sekiranya ianya saya rasa ini adalah sesuatu yang kita menyambut dengan baik dan sekiranya tidak apakah strategik-strategik yang lain yang ada Kerajaan untuk menyelesaikan masalah ini. Jadi inilah antaranya Tuan Timbalan Speaker perkara-perkara yang ingin saya dibangkitkan di bawah usul-usul ini dan sememangnya Kampung Tunku menyokong sepenuhnya isu ini harap Kerajaan Negeri Selangor memberi penerangan yang secukup-cukupnya semasa penggulungan nanti sekian terima kasih.

TUAN SPEAKER: Sebelum saya memanggil mana-mana Yang Berhormat untuk turut serta dalam perbahasaan ini saya nak ingatkan kita membahaskan tentang rang undang-undang perbekalan pembangunan jadi jangan bangkitkan lagi tentang isu kualiti perkhidmatan dan sebagainya sebab itu jatuh di bawah bekalan di mana kita dah berbahas selama dua hari sebelum ini. Hulu Kelang

Y.B. TUAN HJ. SAARI B. SUNGIB: Terima kasih Timbalan Speaker *Bismillahir Rahmannir Rahim*, saya ingin mengambil bahagian perbahasaan usul pembangunan ini

menyentuh B 0108012, B13 dan B14. Saya akan cuba mengikut urutan kod projek untuk pemantauan dan agar dapat diulas dan digulung, lebih teratur oleh pihak kerajaan. Terutamanya adalah tentang perkhidmatan masyarakat, rumah ibadat bukan Islam selain Islam di mana anggaran peruntukan bagi tahun 2014 adalah sebanyak 3 juta. Isu yang ingin saya timbulkan ini adalah kerana di mana yang berkaitan dengan penganut agama Hindu pada umumnya keseluruhan penganut agama Hindu kaum India khususnya ialah bilangan yang teramai di Malaysia adalah di Negeri Selangor. Baru-baru ini saya difahamkan ada cadangan daripada pihak penganut agama Hindu untuk mewujudkan *Selangor Hindu and Government Board* dengan izin ataupun Lembaga Wakaf Hindu Selangor yang antara lain tujuannya untuk membantu Kerajaan Negeri Selangor dan menyelaraskan segala hal ehwal yang berkaitan dengan orang India yang menganut Agama Hindu. Soalan saya adakah Kerajaan akan mengambil kira cadangan ini di mana implikasi akan membawa kepada implikasi kewangan di mana dia membawa maksud bahawa penubuhan SHCB atau pun *Selangor Hindu and Government Board* ini harus ditubuhkan di bawah Enakmen kerajaan Negeri Selangor dengan peruntukan kewangan tahunan kepada Kerajaan Negeri Selangor. Jadi implikasinya ada sekiranya kerajaan berhasrat untuk menyambut ataupun melaksanakan perkara ini.

Kedua yang ingin saya sentuh dalam B 01 ini adalah tentang pembangunan luar bandar khususnya program pembasmian kemiskinan di mana peruntukan pada tahun 2014 adalah sebanyak 2 juta. Di mana saya mencadangkan pendekatan yang lebih spesifik yang lebih khusus dilakukan dengan contohnya mengenal kumpulan sasaran dan projek-projek khas dengan objektif untuk mengeluarkan kumpulan sasaran tersebut daripada dibelenggu kemiskinan. Daripada melaksanakan program itu sama rata keseluruhannya lebih strategik dan lebih tepat sekiranya sesuatu projek khusus itu bukan kepada satu kumpulan sasaran dengan bertujuan untuk mengeluarkan mereka dari belenggu kemiskinan dan dapat diukur. Sama ada dilaksanakan mengikut daerah, ikut DUN tetapi peruntukan RM2 juta itu dilakukan dengan sasaran yang lebih tepat lebih khusus. Dan maknanya giliran akan dilakukan pada tahun ini 2015, 2014, 2016 dan 2017 dan seumpamanya. Kemudian saya ingin menyentuh di bawah kepala B 01 adalah pembangunan kampung, kemudahan asas desa dengan anggaran 2014, RM4 juta, saya mencadangkan sebagai mana yang telah diadakan dalam dialog bajet pada tahun 2012 yang lalu bukan tahun ini tentang satu modal ABCD *Aset Best Community Development*. Di mana tujuan ABCD ini adalah untuk mengerakkan, menjana dan menggembeleng segala kekuatan sumber manusia, sumber-sumber fizikal, sumber-sumber alam, potensi, tradisi yang ada peringkat desa untuk menggembelengkan, ke arah menjana *capacity building*, membangunkan, menjana kapasiti masyarakat ke arah suatu kekuatan ekonomi. Dan saya ingin mencadangkan ini sekiranya projek ini dipilih maka saya mencadangkan di DUN Hulu Kelang di Kemensah di mana sudah ada

potensi-potensi asas untuk pembangunan ekonomi desa dengan menggembelngkan kekuatan sumber belia, ibu tunggal, warga emas, OKU ke arah penjanaan ekonomi kampung.

Saya masih lagi Tuan Timbalan Speaker dalam B01 Pejabat Menteri Besar iaitu khususnya dalam perbandaran dewan orang ramai dengan peruntukan 500,000 di mana saya mencadangkan agar sebagaimana yang telah saya timbulkan dalam sidang-sidang dewan sebelum ini tentang penyeliaan dan pembaikan Balai-balai Orang Ramai, Dewan-dewan Kecil Orang Ramai, di mana perkara ini saya harap dapat disalurkan sebahagian kecilnya kepada MPAJ untuk khususnya untuk memperbaiki satu Dewan Orang Ramai yang popular di AU4 yang sudah uzur hingga menjadi tohmahan masyarakat tidak dapat diselia dengan baik oleh MPAJ, oleh ADUN dan Kerajaan Negeri Selangor. Jadi ini permintaan khusus daripada saya.

Kemudian berdasarkan dengan adat Melayu di bawah P01 juga Adat Melayu dan Warisan saya dapati bahawa persoalan-persoalan peruntukan bagi seni budaya dan teater tidak dinyatakan dengan jelas. Teater adalah salah satu unsur penting dalam menzahirkan adat Melayu dan Warisan Selangor dan penggiat teater juga merupakan seni dan seniman yang dapat menzahirkan kekuatan budaya Bahasa Melayu dan Warisan Selangor. Jadi saya berharap satu jenis ataupun satu peruntukan diberikan oleh Kerajaan Negeri Selangor di bawah kepala P01 ini di bawah adat Melayu dan Warisan dalam aktiviti teater seni dan seniman agar kita sekurang-kurangnya membawa, menghantar signal , dengan izin bahawa Kerajaan Negeri Selangor Pakatan Rakyat prihatin terhadap seniman dan penggiat teater.

Tuan Timbalan Speaker, saya ingin menyentuh tentang pembangunan wanita khususnya program pemerksaan masih digunakan lagi pembudayaan wanita dan keluarga peruntukan RM1,000,000 di mana pengalaman di DUN saya tentang PWB peruntukan terlalu membebaskan dalam mewujudkan PWB sebagai pusat komuniti wanita di mana ada dewan, ada penyelia dan kosnya terlalu membebaskan. Bagi saya apa boleh difokuskan adalah dengan mengeluarkan peruntukan bagi melahirkan wanita-wanita yang mahir dalam kemahiran-kemahiran tertentu menjahit, memasak, refleksologi yang kemudiannya dia boleh menjana keuntungan pendapatan tambahan dan bagi saya satu penilaian semula terhadap aktiviti PWB menekankan konsep berpusat itu hendaklah dilaksanakan dalam konteks menjana kemahiran melalui kos yang terhad.

Tuan Timbalan Speaker, saya juga ingin menyentuh dalam kepala ini tentang pelancongan iaitu menaik taraf produk pelancongan dan saya baru-baru ini menulis surat kepada EXCO Pelancongan tentang satu destinasi rekreasi yang popular di Hulu

Klang dibelakang di Zoo Negara iaitu di Kampung Kemensah, hutan lipurnya yang mahu tidak mahu didatangi tetapi tidak dapat diiktiraf oleh kerana penggunaan *reserve* sungai, tanah *reserve* kerajaan dan sebagainya yang tidak sah. Jadi maknanya saya merayu dan meminta pihak Kerajaan untuk membuat sesuatu yang mampu bagi membolehkan tempat tersebut diputihkan, diperbetulkan penggunaan tanahnya yang salah diperbaiki dan sebagainya hingga membolehkan kawasan tersebut diiktiraf secara rasmi sebagai destinasi pelancongan Selangor dan ini akan menambahkan produk pelancongan dan satu lagi tempat yang saya harap dapat digazet oleh Kerajaan Negeri Selangor sebagai kawasan rekreasi bebas pencemaran alam sekitar adalah di Kampung Taman Warisan Klang Gate iaitu merupakan tempat yang kaya dengan flora dan fauna yang boleh menjadikan sebagai satu produk pelancongan bertaraf dunia di Selangor ini.

Merujuk kepada sumber alam kajian permatang peruntukan sepuluh ringgit token bagi saya tidak memadai saya mencadangkan sama ada satu penambahan dibuat bagi kajian permatang yang merupakan satu anugerah Allah yang unik kepada Negeri Selangor ini ataupun untuk mewujudkan satu langkah bagi mendapat pengiktirafan badan-badan dunia untuk menjadikan Permatang Selangor di DUN Hulu Klang ini sebagai *world heritage* dengan izin agar dapat peruntukan khusus di peringkat antarabangsa untuk kajian ini. Kemudian saya berpindah Tuan Timbalan Speaker kepada P08 Jabatan Pertanian khusus kepada pembangunan pertanian bersepadu integrasi tanaman herba dan perhutani. Jadi herba ini merupakan satu konsep yang baik di mana contohnya di Sri Lanka dalam lawatan yang telah kami di antara sebagai ADUN telah ke CPC pada tahun yang lalu di mana amalan Haji Weda merupakan amalan yang diwarisi oleh masyarakat Sri Lanka hingga konsep perubatan tradisional ini merupakan satu perkara yang sudah lazim dengan mereka menanam herba dan mengamalkan memakan herba-herba sebagai pencegahan penyakit dan sebagainya. Jadi kalau kita lihat dalam tradisi orang Melayu, orang Cina dan orang India di Malaysia perkara ini memang sudah diamalkan. Cuma tradisi ini kita telah hilang makjun, jamu dan sebagainya, sensei kalau orang Cina dengan izin. Jadi kalau kita lihat dalam konteks pada hari ini kebangkitan masyarakat untuk berpegang dengan amalan herba ini sangat penting. Herba-herba sebagai belalai gajah, mas cotek apa entah lagi tongkat ali, kacip fatimah dan sebagainya menjadi satu yang sangat popular. Saya membuat lawatan bersama PEKAWANIS ke taman herba di Jelebu dan mereka menanam lebih 100 jenis herba dan mereka hanya fokus 20 jenis sahaja. Sudah menjana satu keuntungan dan memberi khidmat kesihatan yang cukup luar biasa kepada masyarakat Selangor dan Negeri Sembilan dan Malaysia khususnya dalam pencegahan penyakit dan perawatan penyakit *cancer* dan barah. Jadi saya ingin mencadangkan agar satu konsep merakyatkan penanaman pokok herba digerakkan di Negeri Selangor dan saya mencadangkan Jabatan Pertanian sepatutnya menjadi

peneraju dengan peruntukan yang dia ada agar tanaman herba belalai gajah seperti yang saya nyatakan misai kucing, mas cotek, hempedu bumi, pecah beling, mahkota dewa, tenggek burung dan sebagainya dapat dipopularkan dalam masyarakat kita. Dan sudah pasti PEKAWANIS sudah menerajui perkara ini sudah merintis perkara ini dengan melaksanakan laman dapur dan taman herba. Menyentuh herba juga saya ingin menyebut P10 Jabatan Perhutanan di mana dalam kod projek 10020 program pembangunan sumber hutan sub 08 tanaman herba dengan peruntukan RM50,000 jadi Jabatan Hutan pun memberi fokus untuk membangunkan sumber hutan dalam konteks herba. Jadi saya ingat tak payah susah sangat mencari *spesies* baru hanya saya mencadangkan peruntukan RM50,000.00 ini difokuskan bersama-sama dengan fokusnya Jabatan Pertanian dalam mempopularkan dan melaksanakan merakyatkan penanaman herba di seluruh Selangor. Jadi daripada pengalaman taman herba di Jelebu mereka hanya fokus 20 dan memberi fokus kepada 6-7 jenis herba dan mereka sudah membuat isi pendapatan ekonomi jutaan ringgit dalam tempoh yang singkat dengan produk minuman teh herba. Jadi saya ingin mencadangkan bahawa sinergi diwujudkan di antara jabatan perhutanan, NGO dan Jabatan pertanian dalam merakyatkan tanaman pokok herba di Negeri Selangor.

Tuan Timbalan Speaker, saya ingin menarik perhatian kepada Dewan yang mulia ini kepada P12 Jabatan Kerja Raya khusus tentang menaik taraf jalan, membina jalan kampung di Kemensah. Anggaran pada tahun 2011-2015 lima juta tetapi tiada sebarang peruntukan bagi 2014, soalan saya apakah alasan kerajaan mengkategorikan ini sebagai membina jalan sedangkan kepalanya menaik taraf jalan. Jadi itu sebab ingin penjelasan di namakan sebagai menaik taraf tetapi apabila dinyatakan tentang jalan di Kemensah dikatakan anggaran kos bagi tempoh 5 tahun adalah sebanyak 5 juta tetapi tidak ada peruntukan bagi tahun depan. Jadi saya benar-benar bahawa berharap projek ini dapat dijalankan sekurang-kurangnya pada tahun 2015.

Tuan Timbalan Speaker, saya menyentuh P13 Jabatan Pengairan dan Saliran khususnya pengurusan program pengurusan banjir, projek penebatan banjir Sungai Sering dengan peruntukan sebanyak RM500,000.00, saya ucapkan terima kasih kepada Kerajaan yang prihatin melaksanakan program penebatan banjir Sungai Sering di Hulu Klang. Namun bagi projek 07 tebatan banjir di Kampung Kemensah dengan anggaran tahun 2011-2015 sebanyak RM500,000.00 hanya diperuntukkan RM10.00 bagi tahun 2014. Saya merayu kepada Kerajaan untuk mempertimbangkan agar dapat menyalurkan sedikit perbelanjaan untuk membetulkan kawasan-kawasan tebing sungai di tebing Sungai Kemensah yang semakin menghakis tebing sungai, jambatan dan jalan.

Tuan Timbalan Speaker, akhir sekali saya ingin menyentuh tentang P14 Jabatan Agama Islam Selangor, pejabat Agama Islam iaitu Kompleks Islam Gombak dengan anggaran peruntukan 2011-2015 12,000,000 bagi tahun depan. Saya ucapkan ribuan terima kasih kepada kerajaan yang memperuntukkan RM12,000,000 bagi tahun 2014, soalan saya adakah RM12,000,000 sudah mencukupi untuk menyiapkan keseluruhan projek dan bilakah projek ini akan dilaksanakan dan bilakah projek ini akan dimulakan. Kemudian menyentuh tentang kod projek 100030 masjid Gombak, Masjid Ukay Perdana Hulu Klang dengan peruntukan RM4,000,000 dengan anggaran RM6,000,000 pada tahun 2011-2015 sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Selangor yang meluluskan peruntukan RM4,000,000. Sekali lagi soalan saya peruntukan RM4,000,000 ini sudah cukup untuk menyiapkan masjid ini. Dan selaras dengan satu *prosiding* pengurusan masjid yang baru diadakan pada minggu lepas, saya ingin mencadangkan agar masjid Ukay Perdana merupakan masjid pertama di Selangor yang menyediakan prasarana aktiviti Astrofiqh, Astrofiqh di masjid iaitu satu aktiviti yang berkaitan dengan astronomi, ilmu falak yang menyediakan kemudahan-kemudahan saintifik yang bukan hanya menarik minat anak-anak muda Islam tapi menarik minat anak-anak yang ingin belajar daripada agama lain. Ini adalah satu pendedahan telah dibentangkan dalam *prosiding* pengurusan masjid anjuran JAIS baru-baru ini ataupun pada minggu lepas.

Akhir sekali saya ingin merujuk pada muka surat 238 Kod Projek 110 sekolah-sekolah agama, saya ingin minta penjelasan daripada Kerajaan berkenaan dengan 2 tapak tanah di DUN Hulu Klang yang telah diserahkan oleh Pejabat Daerah Gombak kepada JAIS bagi tujuan membangunkan dan membina sekolah agama dan sekolah menengah agama. Pertama Lot 15689 seluas 4.12 ekar dan Lot 5919 yang diluluskan kepada JAIS sebanyak 8 ekar dan baki kelulusan ialah 13.49 ekar. Jadi kedua-dua tanah ini masih lagi dalam keadaan terbiar, tidak ada *sign board* tetapi saya sudah mendapat kepastian daripada Pegawai Daerah Gombak yang turun bersama-sama saya meninjau tapak tersebut dan saya ingin mendapat penjelasan apakah perancangan kerajaan dalam membangunkan dua keping tanah itu khususnya untuk sekolah agama bagi generasi sekarang dan umat Islam di Negeri Selangor, di Hulu Klang khususnya dan di Gombak dan apakah status tanah itu pada masa kini. Terima kasih, sekian Timbalan Speaker.

TUAN SPEAKER: Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Tuan Timbalan Speaker, Sekinchan juga ingin mengambil bahagian perbahasan dalam usul nombor 15 usul peruntukan pembangunan 2014 di mana sebanyak RM624 juta diperuntukkan untuk pembangunan 2014 dan saya menarik perhatian dewan yang mulia dalam perbahasan Pejabat

Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan PK1 Perkhidmatan Masyarakat di mana saya bersetuju dengan Kampung Tunku di mana pengurusan rumah ibadat selain Islam peruntukannya yang Kerajaan berikan pada 2014 juga RM3,000,000 saya nampak di situ ada keperluan memandangkan sokongan kita semakin kuat, rakyat begitu terharu dengar dasar keterbukaan Kerajaan Pakatan Rakyat sejak 2008 yang lalu yang mana kita memberi sokongan bantuan setiap tahun kepada mana-mana tokong, kuil, rumah ibadat kuil dan tokong dan sebagainya yang memerlukan peruntukan kita akan salurkan. Maka dengan itu peruntukan sebanyak RM3,000,000 saya nampak di Negeri Selangor masih kekurangan kalau boleh dinaikkan RM6,000,000 sekurang-kurangnya ini paras yang tidak berganjak saya harap perkara ini dapat diteliti memandangkan sokongan begitu kuat tapi pada masa yang sama kita bukan sahaja meminta peruntukan ditambah pada masa yang sama pengurusan kelulusan permohonan bantuan ini juga wajib dibuat satu garis panduan sistematik. Setakat ini saya nampak permohonan-permohonan ini kita tidak tahu tokong-tokong mana yang mendapat yang terbanyak yang tersikit ini berdasarkan keperluan satu Jawatankuasa tapi kalau boleh kita dijadikan seperti permohonan yang dilakukan oleh EXCO Pendidikan di mana ini satu contoh di mana sekolah diagih dan melibatkan semua ADUN. Sekiranya boleh melibatkan semua ADUN dan di mana permohonan itu dari kawasan ADUN tersebut ada pandangan, idea daripada ADUN itu dapat diketengahkan, dapat diambil kira. Ini yang saya nampak sesuatu yang lebih telus kita mengurus tadbir dana rakyat yang hendak disampaikan kepada rumah ibadat selain Islam ini. Ini perkara yang cukup penting saya berharap Kerajaan Pakatan Rakyat akan meneruskan kesinambungan ini bagi membantu mengamalkan dasar keterbukaan terhadap semua agama di Negeri Selangor dan seterusnya saya juga ingin menarik Tuan Timbalan Speaker, saya ingin menarik perhatian dewan yang mulia ini berkaitan dengan Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan berkaitan dengan PK2 Pembangunan Luar Bandar di mana Pembangunan Luar Bandar ini melibatkan beberapa perkara, saya nampak 03 pembangunan Kampung Baru ini saya juga nampak peruntukan untuk tahun hadapan 7.5 juta untuk 78 Kampung Baru ini. Saya di Sekinchan saya tahulah. Di Sekinchan ada 3 Kampung Baru. *Site A, Site B, Site C* termasuk Kampung Nelayan, Bagan Nelayan, Bagan Sekinchan maknanya 4 di seluruh Sabak Bernam ada 16, jadi di seluruh Negeri Selangor ada 78, jadi keperluan di Kampung Baru ini dari segi prasarannya dari segi infrastrukturnya cukup penting. Jadi angka 7.5 ini kalau boleh pada masa akan datang ada kekuatan kita tambah supaya permohonan-permohonan untuk kampung-kampung ini kita dapat memenuhi dan saya nampak perbezaan Tuan Timbalan Speaker, perbezaan sejak lima tahun enam tahun lalu. Dulu tidak terurus Kampung-kampung Baru ini, prasarana tidak terurus sekarang terurus. Sekarang jalannya semua sudah dinaiktaraf dengan cantik. Ini satu kebanggaan dan rakyat memuji kerana perkampungan ini sudah lain daripada dahulu jadi sebab konteks pembangunan baru ini saya harap Kerajaan akan mengambil berat, EXCO yang

berkenaan ambil berat dalam perkara ini dan seterusnya dari segi infrastruktur khas untuk luar bandar. Saya juga mengambil perkiraan ini di mana bukan sahaja Kampung Baru saya ambil perkiraan, Kampung Tradisi di Sekinchan di mana kita hendak bangunan pembangunan pemerksaan desa, pembangunan desa bukan *omong-omong* sahaja, bukan di setiap dewan kita cerita pembangunan desa itu belum cukup. Kita mahu pembangunan desa ini ada satu perancangan yang khusus. Jadi saya bagi cadangan pembangunan di Parit 7, ada satu pantai di situ Pantai Sungai Rabu Parit 7 Sekinchan di Kampung Tradisi Melayu. Itu ada potensi saya dah tengok ada potensi untuk dibangunkan dalam konteks ini. Jadi kalau boleh dibangunkan *chalet* seperti Impian Morib ada kolam renangnya, ada *chaletnya* jadi kita namakan Impian Sekinchan ya Impian Sekinchan. Jadi ini untuk menarik pelancong dan sebagainya kerana pantainya ada potensi dan dapat mewujudkan pekerja orang-orang kampung dan saya minta PKNS ada kekuatan. PKNS melalui ada kekuatan jadi cadangan saya cukup baik untuk orang kampung Parit 7 untuk kawasan Tradisi Melayu bukan sahaja Melayu kita jaga, Cina kita jaga, India kita jaga, inilah Kerajaan Pakatan Rakyat. Pada masa yang sama juga saya ingin menarik perhatian dewan yang mulia ini mengenai Pembangunan 10060 Pembangunan Usahawan. Usahawan ini mengaitkan di luar bandar juga, pembangunan desa, usahawan ini industri IKS di mana di Sekinchan kita ada kawasan Melayu, Parit 7, Parit 8, Parit 9 banyak sangat pembangunan IKS termasuk kerepeknya, rempeyeknya, bahulunya, pelbagai tempenny. Sungai Panjang mana? Bermacam-macam ada di Sekinchan jadi peluang itu dapat menarik pelancongan dan boleh dipasarkan dipromosikan supaya mendapat pasaran yang lebih besar akan dapat menaiktaraf pendapatan orang kampung yang menceburi pembangunan luar bandar, pembangunan usahawan. Jadi dalam konteks ini EXCO yang berkenaan saya harap dapat memberi perhatian khususnya di kawasan luar bandar seperti Sabak Bernam. Kita hanya bendang saja dah cukup, usahawan kita perlu titik beratkan. Jadi itu juga saya ingin sentuh supaya di Sekinchan juga ada satu *enterprise* juga berjaya, jadi saya harap ada bantuan khusus dan latihan khusus daripada EXCO kepada semua usahawan-usahawan untuk kita didik mereka supaya mereka mempunyai *skill* dan kita juga dapat kalau boleh bantu mereka pasarkan produk supaya produknya dapat sambutan bukan sahaja di Selangor, di Malaysia dan di luar negara dan ini juga perlu bantuan daripada Kerajaan. Dan saya seterusnya Tuan Timbalan Speaker berkaitan PK7 Sosial berkaitan dengan Program Pembangunan Modal Insan, Program SPIES Sebelum ini sebelum saya terlibat secara langsung dalam Program SPIES ini kita nampak SPIES dia ada kalau apabila EXCO memberi penjelasan dia panjang lebar, panjang lebar saya pun keliru tetapi pada dua tiga hari yang lalu saya sempat, saya sendiri sempat menghadiri Program *SPIES* di Rimba Resort di *SPIES*, ok minta maaf. Saya beri ayat yang lebih jelas sikit. Di Rimba Resort di Jalan Pangsun Hulu Langat di situ dan lebih kurang 50 lebih peserta daripada Sekinchan dan saya sempat pergi ke sana pesertanya ada Cina, ada Melayu, ada India berbagai kaum dan saya lihat satu

malam saya tengok mereka ini begitu bersemangat apabila dilatih dan diberi motivasi dan diberi berbagai syarahan jadi saya nampak *SPIES* ini ada membantu dari khususnya integrasi nasionalnya juga, jangan kita kalau besok buat program *SPIES*, jangan hanya Melayu sahaja. Kalau boleh kita buat program Melayu, Cina, India seperti Dengkil yang suka sebut 1 Malaysia walaupun tak berjaya, itu Dengkil. Ini yang saya nak juga Program *SPIES* ini peruntukan sebanyak 5,000,000 ini saya minta diteruskan program ini tetapi pemantauan itu dan syarahan program itu dapat dimantapkan dan penginapan dapat dipertingkatkan. Saya nampak kualitasnya agak kurang sedikit mungkin peruntukan kurang sedikit jadi saya minta Program *SPIES* ini khusus untuk anak muda di kampung-kampung dibawa pelbagai kaum. Ini cadangan saya supaya *SPIES* ini dapat memperkasakan semua anak-anak muda kita lebih yakin pada diri sendiri dan lebih yakin tiada syak wasangka antara kaum akhirnya dan boleh bekerjasama sebagai satu pasukan, satu *teamwork* ini yang saya nampak cukup berkesan di peringkat kampung. Dan seterusnya saya ingin menyentuh PK13 Perikanan. Walau saya tahu kita sedia maklum bahawa Kerajaan Negeri melalui EXCO Pertanian kita soal perikanan ini kita agak terbatas kuasa kita dan juga agak terbatas juga peruntukan. Namun begitu saya juga menarik perhatian dewan yang mulia ini kita perlu ada satu bantuan yang khusus bukan sahaja nelayan persisiran pantai, kita ada bantuan sampan, bantuan jaring, bantuan bot tetapi sejak beberapa tahun yang lalu bantuan ini begitu dilaksanakan dengan baik dan tak ada satu sistem jadi minta EXCO yang berkenaan memberi penjelasan dalam konteks ini, apa dasar Kerajaan sekarang ini seterusnya jangan lupa juga kita patut memberitahu Kerajaan Pusat melalui AKIM ataupun melalui Kementerian Pertanian dan Asas Tani berkaitan dengan masalah yang dihadapi oleh nelayan persisiran pantai bot Zon B yang mereka hadapi sekarang antara atas penguatkuasaan Akta Perikanan 1985 mata saiz keroncong 38mm itu di mana ramai petani mengeluh. Mereka mengeluh sebab apa dasar yang dijalankan begitu drastik. Masa yang diberikan tidak mencukupi dan mereka terpaksa menanggung belanja satu jala untuk tukar mata yang lebih besar RM16,000.00 satu. Mereka satu bot dua kena tukar, RM32,000.00 tak ada bantuan langsung daripada Kerajaan daripada peringkat Pusat. Saya minta EXCO Kerajaan Negeri dapat tulis surat minta Kementerian Pertanian bagi sedikit peruntukan insentif supaya mereka dapat hidup, jangan kita biarkan mereka susah dan tidak dapat keluarga pun tidak dapat jaga kerana belanja besar dan tangkapan pun belum tentu lagi kerana dasar yang baru itu mereka pun serba salah. Mula-mula mereka bantah tak dapat kerana keroncongnya mata saiz pukut yang besar. Jadi saya minta majoriti walaupun majoritinya masyarakat Cina kita tidak kira sama ada mereka itu Cina, Melayu, India kita tolong semua. Jadi saya minta EXCO yang berkenaan kena ambil inisiatif kena ada mesyuarat bersama Kementerian panjangkan melalui apa yang saluran yang boleh supaya nelayan ini dapat diberi pertolongan yang sewajarnya. Ini antara perkara yang cukup titik berat supaya rakyat di Negeri Selangor bukan sahaja di peringkat bandar, di peringkat kampung juga

mendapat pertolongan, keprihatinan daripada Dasar Kerajaan Negeri. Dan seterusnya Tuan Timbalan Speaker, saya ingin menarik perhatian dewan ke Vot P12 Jabatan Kerja Raya daripada Petani, daripada Perikanan saya terjun ke Jabatan Kerja Raya PK4, jalan sudah PK Andalas pun dah bahas saya tahu nanti saya bagi peluang tak apa. PK4 taraf jalan, menaik taraf jalan dan saya teliti di sini ya PK4 ini 10040 di peringkat Daerah Sabak Bernam dan saya nampak jalan di Sekinchan ini yang hari itu saya tersalah masuk pembangunan pembekalan itu saya ingin menarik perhatian di mana jalan di *Site Parit 5* Tali Air 5, Side B ada lagi setengah kilometer tidak disiapkan. Jadi saya harap dalam peruntukan yang banyak di Daerah Sabak Bernam ini tak ada lagi itu. Jadi saya harap itu kalau boleh dimasukkan 0.5 kilometer luaskan jalan Tali Air 5. Itu masih belum dimasukkan. Jadi saya harap pihak JKR dapat mengambil inisiatif Yang Berhormat EXCO Sejangkang yang cukup prihatin yang dulunya, memang cukup prihatin terhadap perkara ini dapat membantulah dalam konteks ini. Seterusnya saya ingin menarik perhatian dewan berkaitan dengan P13 Jabatan Pengairan dan Saliran di mana PK2 menaik taraf sistem saliran. Saya menarik perhatian dewan yang mulia ini berkaitan kod 900 Daerah Sabak Bernam juga. Daerah Sabak Bernam ada tebing-tebing sungainya sebab kawasan nelayan. Tebing sungainya banyak dan perlu menaik taraf sistem saliran di kawasan tersebut. Bagi konteks JPS Jabatan Pengairan dan Saliran saya berharap Pantai Ledang di muara sungai Sekinchan itu ada lebih kurang 100 meter batu penghalang hakisan pasir itu dapat dipanjangkan 100 kilometer lagi. Saya sudah menulis surat kepada JPS supaya ini dapat diberi perhatian kerana ini adalah antara menaik taraf saliran di kawasan tersebut seperti tebing-tebing dan sebagainya daripada hakisan kerana bot-bot yang masuk ke muara sungai Sekinchan ini apabila satu ketika pasirnya akan berlonggok menjadi timbunan. Akhirnya pasirnya *kebek* dengan izin penuh, penuh akan menyebabkan kipasnya terbabas, terbabas akhirnya akan menyebabkan botnya terkandas di situ, terkandas di situ dan akan menyebabkan akhirnya kerugian kepada nelayan. Oleh yang demikian, saya harap kalau ada penghalang benteng tersebut, tambah lagi 100 kilometer batu-batunya ini akan menyelesaikan masalah secara berperingkat-peringkat dan juga akan menarik lebih ramai pelancong ke situ kerana mereka suka berdiri di situ untuk mengambil gambar. Ini juga satu tarikan luar biasa, saya harap ini ada tokok tambah, *value for money*. *Value for money*. Saya harap ini boleh dilakukan dan seterusnya saya juga menarik perhatian dalam pembinaan ban dan juga benteng di parit-parit seperti di Parit 6, Sekinchan. Kita dah minta lama supaya longkang itu dinaiktaraf dengan *u shape* ataupun benteng-bentengnya. Oleh kerana banyak hakisan turun pasangannya laut, benteng di sebelahnya akan runtuh lalu mengakibatkan bahaya kepada orang kampung penduduk, tetapi perkara ini sudah lama saya suarakan memandangkan kita tahu kekangan peruntukan dan saya faham. Jadi, oleh kerana JPS ini masih ada banyak peruntukan tidak digunakan. Tidak digunakan, jadi saya minta EXCO, Yang Berhormat daripada Sijangkang dapat pantau parit besar *parit sing gedi gedi* besar ya dengan izin.

Besar di Parit 6. Besar-besar ya. Jadi dua belah itu dapat dibuat tebing. Tebing penahan tanah runtuh supaya penyelesaian secara holistik menyeluruhnya parit tersebut dapat diselesaikan dan akhirnya parit akan menjadi parit. Memudahkan saluran itu mengalir dan tidak mengakibatkan banjir. Ini yang saya mengharap ya, saya amat berharap dalam konteks parit ini dinaiktaraf dan seterusnya saya juga ingin mengambil perhatian Tuan Timbalan Speaker ke Jabatan Agama Islam (JAIS). PK 1 dan seterusnya ke-900, Sabak Bernam. Saya teliti di sini 01 nya, 02 nya, 3 nya SRA Parit Baru akan dibina. RM1,000,000.00 SRA dapat Parit Baru, kawasan Yang Berhormat Sabak juga dapat. EXCO dapat, mana Sekinchan pula. SRA, Maahad Integrasi Tahfiz Sains dan Teknologi, Bangan Terap, oh aduh dapat juga RM1,000,000.00. Tapi saya nak minta satu sahaja di sini ya tak ada masalah EXCO Agama jaga kawasan itu biasa. Saya memang sokong penuh seluruhnya ya. Walau bagaimanapun jangan lupalah, jangan lupa Sekinchan di sebelah-sebelah itu jangan lupa Sekinchan. Saya minta Sekolah Rendah Agama Taman Harmoni, Sekinchan. Di mana di situ saya dah beberapa kali meneliti kawasan situ di mana bangunan sekolah tersebut bilik darjahnya dah daif dan bahaya dikategorikan bahaya. Membahayakan, bilik darjahnya dan juga tidak mencukupi dan tidak selamat. Tidak selamat pada masa yang sama sehingga pejabat cikgu-cikgu pun terpaksa dalam bilik darjah. Maknya tak berapa cukup lah Taman Harmoni, SRA Taman Harmoni. Inilah saya minta banyak kali lah supaya ditambah bangunan baru di situ. Memandangkan ramai pengundi Islam, masyarakat Melayu di sekitar Sekinchan lebih 40%. Jadi selain kita menitikberatkan kawasan bukan Melayu, kawasan Melayu juga wajib kita pertahankan walaupun saya daripada DAP dan orang Cina tetapi kita pertahankan membangun bersama Islam. Ini prinsip kita ya, jangan lupa EXCO Sabak kena tolong ya, saya minta EXCO Sabak kena tolong dalam bab ini.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Minta penjelasan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Ya.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Minta Penjelasan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Ok, ok, ok.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Ya saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Sekinchan bukan sahaja SRA dan SAR di kawasan luar bandar yang perlu dijaga. Di kawasan Kampung Tunku pun ada juga SRA dan SAR yang perlu juga dijaga dan sedang menunggu peruntukan daripada Kerajaan Negeri dan saya juga menyokong.

TIMBALAN SPEAKER: Kampung Tunku tadi dah dapat peluang ya, Kampung Tunku. Ya, Sekinchan

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Minta bantuan sama ada Sekinchan sokong atau tidak.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Oh, Kampung Tunku tadi dia terlepas peluang, baru nampak dia, tak apa kita bagi peluang. Sabar, Kampung Tunku di belakang saya, dia senang personaliti dia rambut kurang sikit. Jadi, minta-minta maaf ini jawab ya. Tapi memang dia pun prihatin terhadap, maknanya Ahli-ahli Dewan dalam Dewan Negeri Selangor ini kita Pakatan Rakyat, PAS, DAP, PKR kita tidak pernah mengabaikan mana-mana kaum. Kita memberi sepenuhnya perhatian kepada semua permintaan dan seluruh rakyat di Negeri Selangor, seluruhnya walau apa pun kita pertahankan. Inilah harapan Pakatan Rakyat untuk terus mempertahankan hak rakyat termasuk Sungai Burong pun kita begitu prihatin seperti apa yang saya nyatakan tadi ya. Ini sedikit ya, RM3,000.00 kita kena naik RM6,000.00. Ini pun kita prihatin, kawasan Sungai Burong pun kita jaga. Jadikan saya tidak mahu panjang yang pentingnya Jabatan Agama Islam tolong ya pantau di SRA Taman Harmoni. Kalau tahun ini tak jadi, tahun depan. Kalau tahun depan tak jadi, tahun depan lagi. Jangan tak jadi, orang kampung semua sudah tahu. Jadi biar jadi la ya. Kalau dalam penggal ini kita jadi. Sekian sahaja saya menyokong usul pembangunan ini. Sekian, terima kasih.

TIMBALAN SPEAKER: Seri Andalas.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Timbalan Speaker, Seri Andalas nak berbahas sama dengan dalam beberapa perkara. Mula-mula saya nak mulakan dengan P13, Jabatan Pengairan dan Saliran, RM45,000,000.00 untuk pembangunan. Kita kena bagi perhatian kepada projek pencegahan dan mitigasi banjir di dalam Negeri Selangor. Terima kasih, saya ucapkan kepada Kerajaan Negeri atas pengumuman yang dibuat sebelum ini untuk mengatasi masalah banjir terutamanya yang membelenggu rakyat kawasan Klang. Namun pun ini bukan sahaja di kawasan Klang tetapi di Dengkil, di Kuang, di Taman Medan, semua tempat-tempat rendah di dalam seluruh Klang kita ada masalah banjir. Namun pun apa yang lebih penting untuk ditegaskan di sini adalah aspek pelaksanaan dan pemantauan projek tersebut. Kawasan utama yang dikenal pasti sering mengalami masalah banjir adalah Seri Andalas, Sri Muda, Klang, Gombak, Hulu Langat. Rakyat terutamanya di kawasan yang dinyatakan telah merungut sejak sekian lama walaupun berbagai pengumuman projek pencegahan banjir telah dibuat. Ini jelas menunjukkan kelemahan pelaksanaan secara menyeluruh dan berkesan. Justeru saya bercadang untuk menubuhkan Jawatankuasa mitigasi banjir di setiap kawasan yang dikenal pasti

sebagai kawasan banjir. Jawatankuasa ini perlulah diterajui oleh ADUN tempatan bagi kawasan tersebut dengan kerjasama rapat agensi-agensi yang terlibat. Penting diterajui oleh wakil rakyat kerana aduan sering kali disampaikan oleh rakyat dan wakil rakyatlah yang lebih arif terhadap aduan dan masalah yang dialami di kawasan-kawasan mereka. Ini juga akan membantu pelaksanaan yang lebih terancang, terkawal dan dapat dipantau secara terus.

TIMBALAN SPEAKER: Seri Andalas, Sri Muda nak mencelah.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI: Terima kasih, Tuan Timbalan Speaker. Pertamanya saya nak betulkan, bukan mengugut, merungut.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Merungut.

TIMBALAN SPEAKER: Merungut. Itu penting sebab mengugut lain, merungut lain ya. Merungut dan yang keduanya saya nak tanya berbalik kepada cadangan daripada Seri Andalas, apakah bagi kawasan-kawasan yang diwakili oleh wakil rakyat pembangkang pun diminta juga untuk menerajui agensi ini, bukan menerajui mungkin, tetapi menunjukkan tempat yang sepatutnya. Sila, minta jawapan.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Saya setuju. Fasal itu saya kata kawasan Dengkil. Ya, kawasan Dengkil ini pun termasuk juga dan saya minta ADUN kawasan Dengkil untuk bersama dalam program ini untuk kita sebagai satu pasukan boleh mengatasi masalah banjir di dalam Negeri Selangor. Ini kita kena faham isu banjir di dalam Negeri Selangor. Ada 2 kawasan, 1 kawasan yang telah dimajukan lepas 2000, saya katakan ini sebab lepas 2000 sahaja atau MASMA menguatkuasakan. MASMA ini ialah manual saluran mesra alam di mana, mana-mana pembangunan kawasan pembangunan lebih dari 20 ekar wajib mesti ada kolam tadahan di dalam reka bentuk mereka sebelum dibina. Kawasan-kawasan perumahan sebelum 2000 *matured* dengan izin *matured housing estates* yang telah bina dari 80 an sampai 2000 tidak melaksanakan MASMA. Sebab ini di dalam taman-taman ini sekarang kalau ada banjir dan tidak ada *planning* yang dibuat dulu jawapannya ialah dan jawapan Kerajaan kita kena buat sesuatu untuk atasi masalah banjir di dalam kawasan-kawasan ini. Saya ingat rakyat Negeri Selangor membeli rumah dengan kelulusan reka bentuk dari Majlis Perbandaran masing-masing. Kalau sekarang ada masalah banjir kita kena jawab soalan-soalan ini. Sebab itu di dalam kawasan Seri Andalas dan berdekatan dengan Sri Muda dan di Klang untuk atasi masalah ini senang sahaja untuk kita membina kolam-kolam tadahan di dalam kawasan. Tetapi malangnya Kerajaan Negeri tidak memiliki tanah-tanah di dalam kawasan. Sebab tidak ada tanah di dalam kawasan ini, fasal itulah tahun yang lepas kita minta Majlis Perbandaran Klang

dengan Majlis Bandar raya Shah Alam untuk kaji dan mereka telah pun adakan satu kertas kerja. Memang paling sudah pun terkini dia pun cepat dan mereka minta Kerajaan Negeri Selangor untuk RM56,000,000.00 untuk atasi masalah ini. Dalam kertas kerja ini semua terlibat dalam kawasan itu dengan pengambilan tanah dan juga pembinaan kolam seluruh negeri, Klang, seluruh Daerah Klang termasuk di dalam kertas kerja ini. So, saya minta Kerajaan kalau boleh telitilah kertas kerja ini yang telah disediakan oleh Majlis Perbandaran Klang dan MBSA dan boleh dilaksanakan terus sebab ini, walaupun ini berharga dekat RM56,000,000.00. Sebab itu saya nak minta Kerajaan, saya mohon supaya Kerajaan Negeri meluluskan peruntukan RM100,000,000.00 untuk projek mitigasi banjir untuk tahun 2014 seperti yang telah di janji dengan PBT sebelum ini. Peruntukan ini mesti diluluskan dan disalurkan kepada UPEN bukan kepada JPS untuk membolehkan Jawatankuasa Mitigasi Banjir yang telah ditubuhkan memohon peruntukan untuk digunakan melalui kelulusan di MTES yang kemudiannya disalurkan kepada PBT oleh UPEN untuk pelaksanaan projek pencegahan banjir yang dimohon. Tuan Timbalan Speaker, saya nampak memang JPS sekarang, Jabatan itu susah sikit dengan semua ADUN juga bukan sahaja Seri Andalas sahaja. Sebab saya kata ini, sebab bila kita panggil Jurutera Daerah tak boleh dapat jawab telefon. So, saya minta Kerajaan untuk kemas kini kan ataupun adakan sedikit dialog dengan pegawai-pegawai di dalam JPS kepentingannya agensi ini untuk atasi masalah banjir di dalam kawasan dan kita boleh bekerjasama sebab apa yang kita dengar dari bawah, kalau satu rumah banjir 3 kali satu tahun saya tak boleh jawab lah kepada mereka macam mana nak atasi masalah kalau kita tak ada *plan* keseluruhan untuk kawasan-kawasan tertentu. Lagi satu, saya nak sentuh di sini ialah P16, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa. Saya nak bawa isu Bukit Beruntung kepada Dewan. Bukit Beruntung ialah satu-satu kawasan yang boleh dimajukan dan bagi peruntukan lebih sebab sekarang kita nampak itulah tempat di mana Kerajaan ada tanah lepas kita mengambil balik hutang negeri dari TALAM dan kalau boleh kita boleh gunakan tanah ini di Bukit Beruntung dengan perancangan baru untuk pembinaan rumah-rumah mampu milik sebab kita ada lebih dari 100 lebih ekar yang boleh digunakan di Bukit Beruntung. Saya bawa contoh ini sebab baru-baru ini EXCO telah pergi ke Bangkok untuk tengok keadaan rumah mampu milik di Bangkok. Macam mana mereka telah bina, bukan sahaja bina tetapi lepas binaan di dalam kawasan itu mereka memberi semua keperluan untuk kawasan itu dah ada, termasuk sekolah, kedai, pejabat dan sebagainya. So kalau dari permulaannya kita boleh buat satu perancangan besar di dalam kawasan Bukit Beruntung tidak berapa jauh dari Klang *Valley* dan di sana kita boleh adakan harga mampu milik dari RM90,000.00 sampai RM250,000.00 pun untuk dengan semua kemudahan, yang penting ialah kemudahan lalu lintas iaitu jalan daripada tempat itu adakah ia melalui jalan ataupun untuk memberi keperluan untuk LRT, MRT ataupun Keretapi Tanah Melayu. Sekarang Keretapi Tanah Melayu tak berhenti di Bukit Beruntung dia berhenti sahaja di Rasa, so kalau kerajaan negeri

boleh bincang dengan KTM untuk kita bina satu stesen keretapi *stop* di dalam Bukit Beruntung memang itu akan bagi sedikit *encouragement* untuk penduduk untuk duduk di sana sebab untuk *traveling* dia ada lebih senang, apa tu er... cara untuk pergi balik kerja dan sebagainya. Ini boleh dilaksanakan oleh kerajaan, tiada masalah *start from scratch* untuk binakan satu kawasan yang boleh katakan tumpuannya ialah untuk rumah mampu milik dan ini akan juga bangkitkan Bukit Beruntung dari keadaan sekarang yang semua orang pun tahu.

Saya pun nak sentuh dengan JAIS sebab di dalam kawasan saya pun sekolah-sekolah SAR kena dibantukan sebab ada beberapa sekolah di dalam kawasan dan penduduk-penduduk dan ketua kampung telah pun suarakan kelemahan di dalam sekolah-sekolah ini dan kalau boleh saya minta Jabatan Agama Islam untuk ambil tindakan-tindakan sewajarnya di dalam kawasan.

Tuan Timbalan Speaker, akhir sekali saya nak sentuhkan P12 Jabatan Kerja Raya. Saya nampak kita di Malaysia sekarang dengan cuaca yang kita ada, dengan keturunan hebat hujannya, kalau kita boleh tukar cara bersihkan ataupun potong rumput tepi jalan-jalan besar ini di dalam seluruh negeri Selangor lebih baik. Sekarang saya nampak 6 bulan sekali sahaja rumput dipotong di tepi jalan. Dalam satu bulan sekarang rumput sudah 5 kaki atau 4 kaki, so caranya kita kena tukar walaupun saya tahu *you* sudah *sign* untuk *agreement* untuk 15 tahun dengan apa nama syarikat tu, er.. er.. *you know the syarikat name, Road Care* untuk kita sudah ada perjanjian sebelum Pakatan Rakyat ambil alih kerajaan negeri Selangor 15 tahun kita kena tukar jugalah, *time table* dia, ini kali kena tukar *time table* dia, kalau tak ada, kita tak boleh jawab penduduk di dalam kawasan. Kalau itu jalan JKR dia kata *you* punya kerjalah, *you* pergi suruh dia potong fasal apa *you* cakap dengan saya jalan JKR jalan negeri, jalan taman dan sebagainya. Tetapi bila kita minta JKR dia kata *schedule* nya dia potong di dalam kawasan itu 6 bulan sekali sahaja. So saya minta kerajaan teliti balik ye, er.. kontrak-kontrak yang telah diadakan dan kalau boleh tukarkan *schedule* tentang untuk pembersihan di dalam kawasan tentang *road reserve* yang kita adakan.

Lagi satu saya nampak dalam kawasan saya Tuan Speaker, *road reserve* ni besar tetapi tak ada orang yang gunakan *road reserve*, tempat-tempat kawasan *reserve*. EXCO Pertanian sebut pertanian di dalam bandar. Bolehkah *road reserve* ini digunakan untuk kita tanam, bagi orang tanam untuk buat pertanian di dalam kawasan. Ada orang minta saya kalau kira dia ada 10 ekar, 20 ekar yang boleh digunakan, kalau kita ada *agreement* dan sebagainya boleh di bagi kepada dia, dia boleh jaga kawasan itu, tak payah kita berbelanja untuk jaga kawasan dan dia pun setuju jaga kawasan, dia minta, ada beberapa kumpulan yang datang minta untuk gunakan tanah-tanah *reserve* ini. *May be* EXCO boleh jawab nanti, lepas hujah saya dan akhir sekali saya ucapkan

ribuan terima kasih untuk kerajaan dengan bajet yang telah diumumkan tetapi saya nak sentuhkan juga di mana kita minta ni RM100 juta di salurkan kepada UPEN untuk disimpan untuk atasi masalah banjir di dalam negeri Selangor. Terima kasih.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Permatang.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Terima kasih Tuan Speaker, beri peluang untuk mengambil perbahasan dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2014 Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan yang berjumlah Tiga Ratus Sembilan Juta, Empat Ratus Sembilan Belas Ribu, Enam Ratus Enam Puluh. Yang Berhormat Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat, saya nak merujuk kepada PK2 Pembangunan Luar Bandar, Kod 120 Pembangunan Luar Bandar, Perkara 20 Pembangunan Kampung, 04 Penyelenggaraan Jalan-jalan Kampung. Kalau tadi saya dengar Sekinchan banyak minta dengan kerajaan minta 10 saya ingat dapat 8 tetapi kalau Permatang minta, minta satu, satu belum tentu dapat, saya maklumlah kita sebagai pembangkang. Walau bagaimanapun suara rakyat dalam kawasan mesti diperjuangkan juga kerana suara ini kita menjadi jurucakap kepada rakyat di kawasan.

Yang Berhormat Speaker, saya nak menyentuh mengenai kepada EXCO Luar Bandarlah. Kalau boleh dalam peruntukan yang diberikan kepada penyelenggaraan jalan-jalan kampung kepada EXCO Luar Bandar. Di dalam kawasan saya kita sedia maklum bahawa sawah sempadan merupakan antara penyumbang utama padi di negeri Selangor ini dan selain daripada Sungai Burong dan sahabat saya Sekinchan, apa Sawah Sempadan. Jadi saya nak merujuk kawasan ini, saya nak fokus kawasan ini kerana ada satu jalan ataupun ada dua jalan sebenarnya yang dipanggil jalan sebagai *cross* ban satu dan dua di blok TQSW Sawah Sempadan yang ini di dalam kawasan saya sendiri kerana jalan ini untuk makluman Yang Berhormat EXCO, pihak kerajaan jalan ini merupakan jalan kampung ataupun jalan luar bandar. Saya sebenarnya sepanjang dua penggal menjadi ADUN saya dah berusaha bawa perkara ini kepada pihak Kerajaan Persekutuan untuk dipertimbangkan supaya jalan ini dinaiktaraf lebih kurang ada kalau tak silap saya anggaran dalam 2 kilometer sahaja. Masalah utama jalan ini ialah merupakan jalan utama penduduk dalam kawasan ini. Ia bermula dari kawasan sawah sehingga sampai kepada Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Tiram Jaya. Masalah yang paling besar sebelah pagi kerana jalan ini terlalu kecil hanya boleh satu kenderaan lalu pada satu waktu. Jadi saya berasa bila waktu pagi saya tengok sendiri, kadang-kadang guru-guru terutama guru-guru perempuan, wanita ini takut nak bawa kenderaan sebab bila berselisih dengan kenderaan lain satu kenderaan terpaksa berhenti. Masalah utama tepinya tidak ada

side table yang cukup. Kalau mereka tak betul letak kereta boleh jatuh dalam sawah padi. Jadi maknanya bila berlaku pertembungan dua hala ini penuh maka satu bahagian kena berhenti. Jadi ini satu masalah yang begitu, begitu meruncing dan saya mengharapkan kerajaan negeri boleh membantu menaiktaraf jalan kawasan ini kerana di sebelah kiri kanan itu ada *reserve* yang mana *reserve* itu sekarang digunakan oleh pesawah padi sebab tak digunakan maka mereka tanam padi tetapi saya sudah bercakap dengan penduduk-penduduk di kawasan berkenaan mereka sedia untuk serahkan *reserve* ini bagi dinaikkan taraf. Dan masalah keduanya apabila berlaku musim penuaian padi, bila berselisih dengan lori padi itulah lori padi lalu, di situlah penduduk lalu, pelajar sekolah lalu maka apabila kita naik taraf sekalipun jalan ini kita tampal, kita buat *patching* dan sebagainya dengan izin maka tetap juga akan berlaku apa ni kerosakan, maka kanak-kanak sekolah, pelajar cukup menghadapi masalah apa guna jalan Cross Ban Satu dan Dua Blok EQSW ini. Jadi saya mohonlah sekurang-kurangnya pertimbangan daripada pihak EXCO untuk memberikan peruntukan supaya boleh melebarkan sedikit kawasan ini dengan menggunakan *reserve-reserve* jalan yang ada di kawasan ini.

Yang kedua juga Yang Berhormat Puan Speaker, saya hanya, dua perkara yang saya nak sentuh yang kedua ini ialah sedikit mengenai PK9 Pembangunan Institusi Pentadbiran di bawah Kod Penyelenggaraan dan Baik Pulih Rumah Kediaman Kerajaan yang diberikan peruntukan hampir RM2 juta. Saya percaya ini untuk seluruh negeri Selangor untuk membaik pulih ataupun menyelenggara bangunan-bangunan kediaman kerajaan. Saya nak menyentuh mengenai perumahan EXCO di Seksyen 7. Jadi kita dengar khabar dulu pada penggal yang lepas rumah-rumah ini tak digunakan dan kebanyakannya digunakan untuk jua tetamu

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Ya, Puan Speaker, saya rasa ini tidak berkaitan dengan pembangunan.

TUAN SPEAKER: Ya, Sungai Pinang.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Tidak ada pun peruntukan

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Muka surat 67

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat Permatang, usul pembangunan boleh terus bahas sahaja.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Bahas sahaja.

TUAN SPEAKER: Isu pembangunan, kaitkan pembangunan

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Ok tak pe. Saya ingat itu sahajalah Tuan Pengerusi, Tuan Speaker, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Saya bagi Sungai Burong dulu.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Terima kasih Puan Pengerusi kerana memberi peluang kepada Sungai Burong untuk mengambil bahagian dalam perbincangan P pembangunan. Terlebih dahulu saya, saya akan membangkitkan beberapa vot daripada P01 Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan, P3 JKR, P13 JPS dan juga P4 untuk Jabatan Agama Islam.

Mengenai P1 saya ingin menarik perhatian kepada PK4 mengenai Pembangunan PK2 mengenai pembangunan luar bandar yang melibatkan pembangunan *infrastructure* kerana pada masa yang lepas kerajaan hanya menumpukan kepada tidak kepada program-program pembangunan *infrastructure* jadi saya lihat pembangunan *infrastructure* telah mula dibangunkan ataupun mula diberikan perhatian dengan membaiki-membaiki jalan-jalan kampung secara menampal-nampal jalan ini. Walaupun dengan memberikan penampalan jalan ini membolehkan lebih panjang jalan ini dibina, tetapi saya perhatikan banyak kampung-kampung jalan ini akan mudah rosak oleh kerana penampalan dengan menaiktaraf atau membaiki keseluruhannya dia mempunyai kesan jangka panjang dan juga kesan jangka pendek. Oleh itu saya sangat berharaplah terutamanya di kampung-kampung, jalan-jalan kampung sama ada kampung tradisi, kampung-kampung baru dan juga kampung-kampung bagan. Pendekatan untuk membina jalan-jalan tampal-tampal ini digantikan dengan membina jalan-jalan secara membaiki keseluruhannya.

Yang kedua juga saya menarik perhatian agar supaya diberikan khususnya kepada projek-projek membaiki atau menyediakan jalan-jalan ladang terutamanya untuk membolehkan membawa keluar barang-barang hasil tanaman daripada kampung di, khususnya saya merujuk di kawasan jalan ladang di kampung iaitu bersempadan di antara kawasan DUN Sungai Burong dengan Permatang iaitu kawasan di antara Bagan Pasir dengan Kampung Sungai Yu di mana jalan-jalan ladangnya itu adalah orang kata ni keadaannya amat, amat sehingga sekarang ini amat masih amat, masih amat apa ni kata teruk sekali dan kalau dalam bajet ini saya tidak perhatikan diberikan perhatian kepada peruntukan jalan tersebut, jadi saya mohon kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk menimbangkannya.

Keduanya saya ingin menarik perhatian kepada peruntukan di bawah P12 JKR iaitu peruntukan di bawah PK3 Menaik taraf. Tadi kalau Permatang telah menyebut bahawa Cross Ban Satu dan Dua di kawasan Sawah Sempadan itu melibatkan kawasan Permatang, untuk makluman bahawa jalan Cross Ban Dua dan Cross Ban Satu ini sebenarnya sebahagiannya adalah kawasan DUN Permatang tetapi yang lebih panjang lagi adalah kawasan DUN Sungai Burong di Sawah Sempadan ye. Semasa kerajaan Barisan Nasional kita telah menaik taraf telah mendapat peruntukan daripada kerajaan negeri untuk menaik taraf jalan Cross Ban3 tetapi itu pun daripada kawasan Sawah Sempadan di dalam DUN Sungai Burong dan dia berhenti di Blok D dan Blok F iaitu kawasan Permatang iaitu masih jalan kampung yang belum dinaiktarafkan kepada jalan JKR kampung. Jadi, oleh kerana jalan ini penting telah disebutkan oleh Permatang tadi, saya ingin menambah bukan sahaja untuk digunakan mengangkut apa ni hasil-hasil tanaman padi dimusim menuai padi, tetapi juga digunakan oleh penduduk-penduduk terutamanya kanak-kanak sekolah daripada kawasan-kawasan tersebut kepada beberapa sekolah yang ada kat situ iaitu Sekolah Kebangsaan Seri Tiram Jaya dan Sekolah Menengah Tiram Jaya yang datangnya daripada kawasan Sawah Sempadan.

Di samping itu juga, oleh kerana kaedah / pelaksanaan (apa orang kata) mengangkut hasil-hasil padi dan juga menguruskan tanaman padi pada hari ini telah menggunakan kaedah yang moden menggunakan jentera-jentera berat yang menggunakan mesin-mesin yang lebih daripada 10 tan. Jadi, keadaan jalan yang sempit itu menyebabkan masalah kerosakan yang berterusan. Setiap kali kita dapati pada musim menuai, maka penyelenggaraan jalan itu perlu dibaiki. Kalau tidak ia akan menjadi senget dan kemudian dia akan rebak. Jadi, kerana itu saya sangat berharap jugalah ia diberi perhatian walaupun kita daripada (orang kata) parti pembangkang.

Seterusnya, di bawah JKR - P4 iaitu menaik taraf jalan B42 daripada simpang laluan B74 (Kampung Raja Musa ini). Saya ucapkan terima kasihlah kerana kerajaan negeri telah menaik taraf jalan tersebut, membolehkan ia akan menjadikan sebagai laluan alternatif terutamanya daripada kawasan Juntai Bestari juga di kawasan LATAR untuk ke kawasan Kuala Selangor dan seterusnya ke utara. Tetapi, setakat ini projek tersebut telah berhenti di Kampung Raja Musa. Untuk makluman ahli-ahli dewan sekalian, sebenarnya satu projek jalan melalui *ban main Cannal* ini telah pun diadakan daripada kawasan Sabak Bernam hingga Parit 4 Sekinchan, tetapi dari Parit 4 Sekinchan hingga ke Raja Musa masih belum ada lagi jalan tersebut. Juga untuk makluman ahli-ahli dewan, Kementerian Pertanian dia telah membina sebuah jambatan di ibu empangan yang membolehkan perhubungan dapat dilakukan di antara kawasan utara dan kawasan selatan yang merentasi Sungai Tengi tersebut.

Jadi, saya sangat berharap sebenarnya jajaran jalan ini tidaklah begitu panjang sangat. Kalau dapat menghubungkan jalan naik taraf daripada Raja Musa dan ke Parit 4, sesungguhnya ini akan dapat menyuraikan dan meleraikan masalah kesesakan lalu lintas di jalan *Road 5* (dengan izin).

TUAN SPEAKER: Sungai Burong, Bukit Gasing minta mencelah. Bukit Gasing, sebelah kanan.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Terima kasih kerana bagi laluan. Saya rasa cukup prihatinlah Y.B. Sungai Burong untuk bangkitkan isu setempat. Tapi mungkin sebagai ketua pembangkang, tak ingin ke Sungai Burong untuk membahis isu makro yang melibatkan keseluruhan negeri Selangor?

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Terima kasih. Sebenarnya ada perkara-perkara yang telah disentuh. Misalnya masalah banjir. Dan banjir ini pun telah disentuh tadi. Masalah (apa orang kata) mencegah banjir dan *mitigation* banjir ini. Jadi, perkara-perkara yang disentuh di peringkat makro ini saya tidak sentuhlah. Jadi, saya hari ini mengambil peluang ini khususnya untuk memfokuskan kepada kawasan-kawasan (apa orang kata) yang melibatkan kawasan saya sendiri yang perlu diberikan perhatian. Insya-Allah sebentar lagi saya juga akan membangkitkan perkara-perkara yang menyentuh soal negeri ini. Ok.

Seterusnya, mengenai P13 – JPS di PK 9 iaitu saya ingin mengambil perhatian tentang masalah kunci-kunci air yang terdapat di kawasan Barat Laut khususnya yang ini di bawah tanggungjawab JPS yang perlu diganti. Ini kerana terdapat kunci-kunci air yang pada ini telah dibina begitu lama dan kemudian ia tidak berfungsi sepenuhnya. Ia dalam keadaan musim kemarau terutamanya sangat kritikal kerana ia menjejaskan (orang kata) pengagihan atau *distribution* (dengan izin) *water* di kawasan petani-petani di kawasan khususnya yang masih perlu kita diberikan perhatian ialah di kawasan Sungai Burong.

Saya juga Puan Speaker, ingin mengambil perhatian tentang pembangunan yang telah diluluskan untuk Jabatan Agama Islam iaitu saya ingat peruntukan yang terbesar. Peruntukan ini ialah meliputi dua pecahan kepala iaitu peruntukan pertama sekali ialah pembangunan untuk sekolah-sekolah. Dan yang kedua ialah pembangunan untuk masjid-masjid (pembinaan masjid-masjid yang berjumlah keseluruhannya dekat 72% untuk keperluan pendidikan, RM45 juta untuk pembangunan masjid dan RM39.6 juta untuk pendidikan agama).

Ini menunjukkan keprihatinan kerajaan tentang khususnya kepentingan pembangunan pendidikan agama Islam di negeri Selangor terutamanya untuk melahirkan generasi bagi membasmi kejahilan dari segi ilmu dan juga pada masa yang sama pembinaan-pembinaan masjid ini membolehkan ia meningkatkan ibadah terutamanya ibadah secara berjemaah, solat secara berjemaah dan juga peningkatan pengetahuan terutamanya dalam soal-soal akidah pembinaan jati diri bagi

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Boleh mencelah tak Puan Speaker? Mohon mencelah.

TUAN SPEAKER: Kota Anggerik minta mencelah.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Saya setuju dengan pandangan ketua pembangkang supaya masjid-masjid menjadi pusat ilmu. Tapi nampaknya pimpinan pembangkang jarang ada kat masjid. Ramai pimpinan PAS. Jadi macam mana supaya pimpinan UMNO juga supaya dapat sama-sama hadir ke masjid.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Ini mungkin satu tuduhanlah ya. Setahu di tempat saya ya supaya ahli-ahli jawatankuasa masjidnya pun terdiri daripada orang-orang parti UMNO. Tapi hari ini, mereka ini telah tidak dibenarkan menjadi ahli-ahli jawatankuasa masjid walau sebahagiannya dalam pemilihan pernah ya, dalam pemilihan mereka berjaya oleh kerana dasar kerajaan negeri sekarang ini mereka ini tidak lagi dilantik menjadi pimpinan-pimpinan di masjid-masjid dan di surau. Ini memang berlaku ya.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Mohon mencelah.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Dan ini kena terimalah. Tapi walau bagaimanapun ya, tidak menghalang daripada mereka sendiri datang ke masjid-masjid dan surau-sarau ya. Ok. Saya ingin meneruskan ya. Sementara kita melihat bahawa usaha-usaha dari segi tadi untuk (orang kata) meningkatkan keupayaan umat Islam khususnya di negeri Selangor ini bagi memenuhi tuntutan agama terutamanya untuk menjadikan mereka ini sebagai orang kata orang yang bukan saja mempunyai jati diri yang kuat dari segi iman dan juga akidah tetapi akan memberikan kekuatan mereka untuk menolak kalau ada ancaman-ancaman yang dipanggil *nahi mungkar* dalam masa menjalani kehidupan mereka ini.

Oleh itu, sementara kita melihat saya melihat bajet berkenaan, saya perhatikan juga ada beberapa peruntukan yang saya perhatikan bagi Unit Dakwah, Unit Penyelidikan, Unit Penguatkuasaan di bawah Jabatan Agama Islam yang saya kira ini masih tidak

diberikan peruntukan pembangunan yang besar sedangkan ia adalah merupakan satu unit ataupun sebahagian daripada pejabat/jabatan yang penting dalam mengawal dan menguruskan tentang pelaksanaan undang-undang dan juga kawalan pertaliban Islam di negeri Selangor ini.

Puan Speaker, cabaran yang besar dan juga halangan yang dihadapi oleh Jabatan Agama Islam pada hari ini ialah tentang wujudnya ajaran-ajaran sesat. Pejabat/Jabatan Mufti Negeri Selangor juga telah menyenaraikan ada 25 ajaran-ajaran sesat yang hari ini cuba membawa ajaran yang boleh menyesatkan umat Islam di negeri Selangor ini. Ajaran sesat ini adalah amalan yang didakwa sebagai ajaran Islam sedangkan hakikatnya ia bercanggah dengan ajaran Al-Quran dan sunnah. Di antara ajaran-ajaran ini ialah seperti Tarikat Nashbandiyah, Khadilun Yahya, ajaran Nordin Puteh, ajaran Karl Ahmad, Al-Arqam, juga fahaman Syiah yang hari ini mereka bergerak secara kumpulan-kumpulan tertentu tetapi pengikut-pengikutnya yang ramai. Kumpulan-kumpulan ini sebenarnya akan memesongkan akidah umat Islam terutamanya rakyat di negeri Selangor ini yang mempunyai pegangan agama.

TUAN SPEAKER: Sungai Burong, boleh berhenti sekejap? Saya bagi masa untuk sambung esok. Baiklah Yang Berhormat sekalian, saya tangguhkan perbahasan sehingga esok dan sekarang saya jemput Y.A.B. Dato' Menteri Besar untuk membuat pengumuman.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Pengumuman bonus. Saya mengambil kesempatan untuk memberitahu Dewan Negeri Selangor hari ini bahawa hasil negeri yang dikutip setakat 27 November 2013 ialah berjumlah RM1,899,018,572 ialah satu jumlah 16% lebih daripada anggaran hasil RM1,630juta. Saya mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada kakitangan kerajaan yang telah berusaha keras untuk negeri Selangor. Dan dengan ini mengumumkan sesetengah bulan bonus kepada kesemua 15,643 orang kakitangan kerajaan negeri. Bonus ini akan dibayar pada awal bulan Januari 2014 dan melibatkan RM14,821,252. Ini bermakna pada tahun 2013, kakitangan kerajaan negeri telah mendapat satu setengah bulan termasuk bonus hari raya satu bulan yang kita telah berikan pada perayaan Hari Raya tahun ini.

Saya harap pemberian ini akan digunakan secara cermat dan menjadi insentif untuk kita semua bekerja lebih kuat lagi untuk kemakmuran negeri Selangor serta rakyat. Saya ulangi, apa yang saya katakan ketika membentang Belanjawan 2014 agar kakitangan kerajaan secara beransur-ansur dapat menerima konsep kenaikan gaji dan pemberian bonus berdasarkan kecemerlangan prestasi berasaskan kecekapan dan keberkesanan selari dengan amalan terbaik antarabangsa. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Baiklah ahli yang berhormat semua, jam sudah menunjukkan hampir 4.30 petang. Maka, saya tangguhkan perbahasan sehingga esok 28 November 2013 jam 10.00 pagi. Dewan ditangguhkan.

[Dewan ditangguhkan jam 4.30 petang]